



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

---

Jilid I      Bil. 34      Hari Khamis      26hb Disember, 1991

---

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 (Ruangan 52)

### USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Meayuarat (Ruangan 145)



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Khamis, 26hb Disember, 1991**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

"24hb Disember, 1991.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kewangan (No.2);
3. Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian;
4. Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan;

6. Rang Undang-undang Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-Duti Setem;
7. Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia;
8. Rang Undang-undang Industri pelancongan;
9. Rang Undang-undang Duti Import (Pengesahan); dan
10. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan).

Yang ikhlas,

t. t.

"YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

#### URUSAN MESYUARAT

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]**; Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kewangan (No.2);
3. Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian;
4. Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan;
6. Rang Undang-undang Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-Duti Setem;

7. Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia;
8. Rang Undang-undang Industri Pelancongan;
9. Rang Undang-undang Duti Import (Pengesahan); dan
10. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua; Baiklah.

#### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

##### ATTACHE AGAMA DI KEDUTAAN MALAYSIA

1. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mewujudkan jawatan attache agama di samping Attache Tentera di kedutaan-kedutaan Malaysia di seberang laut khususnya di mana banyak penuntut-penuntut belajar seperti Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom, Indonesia dan Jepun.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]**: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan telahpun menempatkan Attache Agama ataupun Attache Pendidikan Agama di Perwakilan-perwakilan Malaysia di London, Sydney, Washington, Los Angeles, Chicago, Toronto dan Jakarta untuk mengendalikan hal ehwal pelajar Malaysia di negara-negara berkenaan. Kerajaan juga menempatkan Pegawai Hal Ehwal Agama Islam di Perwakilan Malaysia di Tokyo secara sementara selama sebulan pada setiap bulan Ramadhan.

**SARANG KEGIATAN PENAGIH DADAH**

2. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) kawasan-kawasan yang terkenal sebagai 'sarang' kegiatan penagih dadah di Ibu Kota; dan
- (b) strategi yang diambil oleh Kerajaan untuk memerangi kawasan-kawasan kegiatan penagih dadah supaya penagih-penagih dadah tidak ke sana lagi dan juga mengubahnya supaya ianya adalah selamat untuk belia-belia lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kawasan-kawasan yang terkenal sebagai 'sarang' kegiatan penagih dadah di Ibu Kota ialah seperti San Peng Flat, Jalan San Peng, Perhentian Bas Pudu Raya, Jalan Masjid India, Chow Kit, Lorong Haji Taib, Bangunan Plaza Safuan (Jalan Raja Alang), Lorong Tuanku Abdul Rahman, Brickfields, Kampung Limau Off Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Sahabat (Bukit Bintang), Jalan Tiong Nam, Jalan Sentul Manis, Quarters KTM Sentul, Belakang Hotel South East Asia (Jalan Haji Hussein).
- (b) Kerajaan telah melancarkan beberapa strategi untuk mengatasi masalah ini:-

- (i) Pihak penguatkuasaan Polis Cawangan Anti Dadah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari semasa ke semasa menjalankan operasi menangkap penagih-penagih ini dan mengambil tindakan undang-undang sewajarnya. Rumah-rumah dan pondok-pondok yang tidak berpenghuni yang dikenalpasti sebagai tempat penagih-penagih ini menjalankan aktiviti-aktiviti mereka juga dirobuhkan.
- (ii) Menggalakkan. pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan untuk memerangi kegiatan dadah di Ibu Kota, contohnya Persatuan Penjaja di Pasar Jalan Raja Bot.
- (iii) PEMADAM telah menubuhkan Biro Perpaduan Kaum dan Belia yang dianggotai oleh pelbagai pertubuhan seperti ABIM, YMCA, Majlis Belia Hindu Malaysia dan lain-lain lagi untuk melibatkan semua kaum dalam kegiatan membanteras penagihan dadah ini.
- (iv) Melibatkan kumpulan-kumpulan agama untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat setempat. Para penceramah agama ini juga mengambil bahagian yang cergas dalam aktiviti kaunseling di Pusat-pusat Seranti, peranan penting untuk mencegah penagihan dadah di kalangan murid/penuntut dalam rancangan "Preventive Education".

**ELEKTRIK - BEKALAN KE ESTET-ESTET**

3. **Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap tuan punya estet yang enggan menerima kemudahan TEN;
- (b) berapakah bilangan lesen kebenaran dikeluarkan kepada tuan punya estet yang menggunakan generator; dan
- (c) berapakah bilangan lesen generator tidak dibaharui, supaya menggalakkan pihak estet menggunakan kemudahan TEN.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Estet-estet yang tidak mengambil bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad, sekiranya mahukan bekalan elektrik, terpaksa menggunakan penjanakuasa elektrik (generator) sendiri. Di bawah seksyen 9 Akta Bekalan Elektrik 1990, semua penjanakuasa elektrik hendaklah dikendalikan dengan satu lesen yang diberikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Bekalan Elektrik Malaysia dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Malaysia.  
Oleh itu, estet-estet (di mana kemudahan bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad sedia ada) yang enggan mengambil bekalan elektrik dari Tenaga Nasional Berhad tidak akan diberikan lesen-lesen atau lesen-lesen yang ada tidak akan diperbaharui.



- (b) Mengikut rekod Jabatan Bekalan Elektrik, bilangan estet yang diberikan lesen/daftar ialah 27.
- (c) Keadaan di mana bekalan elektrik sedia ada, tetapi tuan punya estet enggan menggunakan kemudahan ini dan ingin pula menggunakan penjanakuasa, belum berbangkit lagi.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan. tambahan. Saya cuma meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu caranya untuk memohon elektrik masuk ke estet. Berapa agaknya wang yang terlibat untuk memohon. Punca wang, pendawaian, tadbir dan lain-lain ditanggung oleh siapa? Jadi nampaknya TEN merupakan satu badan komersil sekarang.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Hohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, bagi estet-estet yang besar maka kemasukan elektrik ke estet-estet ini terpaksa ditanggung oleh estet itu sendiri. Tetapi bagi ladang-ladang yang agak kecil, lebih kurang 200 hektar, maka kemasukaa elektrik ke ladang-ladang ini boleh diberikan pembiayaan oleh Tenaga Nasional. Jadi, dengan cara ini bermakna bahawa kemasukan elektrik ke ladang-ladang kecil akan diberi subsidi oleh Tenaga Nasional dan cara memohon ialah dengan mereka menulis surat kepada Tenaga Nasional ataupun Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

#### **JALAH RAYA PONTIAH-KUKUP - KAJIAN**

4. **Tuan Neo Tuan Cheog** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian Kerja Raya bercadang untuk membina semula jalanraya di antara bandar Pontian dan Kukup sejauh 20 kilometer di Pontian, Johor secepat yang mungkin oleh kerana keadaan yang sangat buruk akibat pembangunan di kawasan tersebut demi kepentingan industri pelancongan di Kukup dan Tanjong Piai.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina jalan raya di antara bandar Pontian dan Kukup disebabkan mengikut kajian jalan berkenaan masih

manpu menampung jumlah lalulintas semasa, dan keadaan jalan tersebut masih boleh memenuhi keperluan pengguna-pengguna jalan berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi semua keadaan jalan raya-jalan. raya di negeri Johor, termasuk jalan tersebut. Kerajaan akan mengambilkira segala faktor-faktor pembangunan yang wujud atau akan diwujudkan di persekitaran kawasan tersebut dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur jalan raya di negeri Johor, termasuk jalan ini.

#### MINUMAN KERAS MENYEBABKAN KEMATIAN

5. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Kesihatan menyatakan daripada jumlah kematian di hospital-hospital dalam negeri melalui penemuan bedah siasat, berapa ramaikah diakibatkan oleh gejala minuman keras.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak penyakit yang boleh dikaitkan dengan gejala minuman keras, tetapi adalah sukar melalui bedah siasat untuk menyatakan. ianya diakibatkan oleh gejala minuman keras sahaja kerana ianya bersifat penyumbang ataupun "contributory". Misalnya, gejala minuman keras ini boleh menyumbang kepada penyakit-penyakit myocardial infarction, darah tinggi, liver cirrhosis dan lain-lain penyakit lagi.

**JKKK DI PERINGKAT ESTET - PENUBUHAN**

**6. Tuan C. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan JKKK di peringkat ladang seperti yang cerdapat di kampung dan FELDA untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti keselamatan dan kemajuan penduduk-penduduk ladang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telah dijawab dalam Dewan Negara pada 20hb Mac, 1990, dan telah dimaklumkan bahawa setakat ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ataupun JKKK yang khas di estet-estet. Ini ialah kerana perkampungan kecil di ladang-ladang ataupun estet boleh diletakkan di bawah JKK Kampung yang berhampiran.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak pengurusan ladang merasakan JKKK ini perlu ditubuhkan di ladang-ladang berkenaan, maka cadangan tersebut bolehlah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri yang berkaitan untuk pertimbangan. Persetujuan Kerajaan Negeri adalah perlu memandangkan bahawa kuasa menubuhkan JKKK dan perlantikan ahli-ahlinya adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

**UNIVERSITI LUAR NEGERI MENUBUHKAN CAWANGAN**

**7. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Pendidikan menjelaskan:

- (a) berapakah universiti luar negeri yang telah dibenarkan menubuhkan kampusnya di negara ini; dan
- (b) berapakah anggaran perbelanjaan yang akan dapat diselamatkan oleh Kerajaan dan negara dengan penubuhan kampus-kampus universiti dari luar negeri ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk membenarkan mana-raana universiti luar negeri menubuhkan cawangan kampusnya di negara ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan membenarkan diadakan program berkembar atau, dengan izinnnya, twinning di antara universiti-universiti luar negeri dengan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan swasta bergantung kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

- (b) Oleh kerana Kerajaan belum membenarkan universiti luar negeri menubuhkan kampusnya di negara ini, maka tidak diketahui anggaran perbelanjaan sebenar yang dapat dijimatkan memandangkan ia perlu mengambilkira antara lain bilangan dan jenis kursus yang ditawarkan, lokasinya, keluasannya dan enrolmen. pelajar yang boleh ditampung oleh kampus ini. Walau apapun, perkiraan penubuhan sebuah universiti luar negeri di negara ini tidak boleh hanya dilihat dari segi aspek ekonomi sahaja tetapi kita perlu mengambilkira antaranya ialah keadaan sosio-politik negara.

**PEMBAHAGIAN HARTA SIMATI**

8. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Kehakiman menyatakan mengenai undang-undang pembahagian harta peninggalan apabila seorang suami atau isteri meninggal dunia. Saya difahamkan apabila seorang suami meninggal dunia - 1/3 harta yang ditinggalkan akan diserahkan kepada isteri dan 2/3 kepada anak-anak. Sebaliknya jika si isteri meninggal dunia - semua harta akan diserahkan kepada sisuami. Saya nampak sekiranya keadaan kedua terjadi, seolah-olah adalah tidak ada jaminan bagi anak-anak, terutamanya kalau sisuami itu adalah seorang yang tidak bertanggungjawab atau sisuami berkahwin isteri baru yang mata duitan. Adakah pihak Kerajaan menyedari hal ini dan adakah kajian perlu dibuat bagi menjamin hak anak-anak yang ditinggal oleh ibu mereka.

27.12.91

22. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kehakiman menyatakan bahawa di bawah Seksyen 6 Ordinan Pembahagian (Harta) 1952 apabila seorang suami meninggal dunia tanpa membuat sebarang wasiat, satu-pertiga (1/3) daripada asetnya akan diberi kepada isterinya manakala dua-pertiga (2/3) baki lagi akan diberi kepada anak-anaknya. Sebaliknya apabila si isteri pula meninggal dunia tanpa membuat sebarang wasiat, kesemua asetnya akan diberi kepada suaminya. Keadaan ini tidak atau kurang adil kerana kaum wanita tidak diberikan status yang sama dengan kaum lelaki dalam masyarakat kita. Tambahan pula, ia tidak mengambilkira kebajikan anak-anak. Lagi pun, Seksyen 6 seolah-olah telah menghebohkan jurang perbezaan di antara kedudukan kaum wanita dengan kaum lelaki. Untuk mengatasi masalah ini, adakah Kementeriannya bercadang untuk meminda Seksyen 6 ini supaya syarat-syarat yang sama dikuatkuasakan ke atas kedua-dua pihak.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman. Malaysia. Saya juga memohon izin. untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang pada 27hb Disember, 1991 kerana pertanyaannya ada bersamaan.

Akta berkaitan dengan pembahagian harta simati bukan Islam ialah Akta Pembahagian 1958 (Akta 300) yang berkuatkuasa mulai 1hb Mei, 1958 dan Akta ini hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia sahaja, dan ianya dikuatkuasakan di Sarawak pada 14hb Oktober, 1986.

Berhubung dengan persoalan perwarisan terhadap harta pesaka simati tak berwasiat, peruntukan undang-undang ialah sebagaimana di bawah Seksyen 6(1), Akta Pembahagian 1958 (Akta 300). Seksyen 6(1)(i) Akta ini memperuntukkan bahawa jika seseorang perempuan mati tak berwasiat dengan meninggalkan seorang suaminya, kesemua harta pesakanya hendaklah diberi kepada suaminya manakala di bawah Seksyen 6(1)(ii) jika seorang lelaki mati tak berwasiat dengan meninggalkan seorang isteri dan zuriat, isteri yang menakat hidup adalah berhak kepada 1/3 daripada harta pesakanya. Tetapi jika diameninggalkan seorang istari dan tiada zuriat, isteri yang menakat adalah berhak kepada 1/2 harta pesaka itu dan 1/2 lagi itu sebagaimana pembahagian di bawah Seksyen 6(1)(iv).

Persoalan sama ada anak-anak terjamin atau tidak, selepas kematian ibu tidak timbul kerana undang-undang yang ada sudah cukup untuk melindungi kepentingan kanak-kanak. Sebagai contoh, Akta Penjagaan Budak 1961 (Akta 351) memperuntukkan bahawa bapa ialah penjaga kanak-kanak dan bertanggungjawab dalam hal penanggungan, kesihatan dan pendidikannya, dan tindakan mahkamah boleh diambil ke atas bapa sekiranya dia cuai dengan tanggungannya.

Untuk menentukan pembahagian harta siisteri mengikut kehendaknya selepas mati, eloklah siisteri tadi membuat satu wasiat semasa hayatnya.

Buat masa ini, Kementerian belum bercadang untuk meminda Seksyen 6, Akta Pembahagian 1958 (Akta 300).

#### HARI PAHLAWAN - SAMBUTAN

9. **Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bia Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kemungkinan pihak Kementerian Pertahanan menganjurkan dengan besar-besaran sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap 3 tahun hari kenangan kepada semua bekas perajurit Malaysia. Tujuannya ialah untuk semua ahli-ahli angkatan tentera yang masih berkhidmat khususnya dan rakyat amnya, sudi menderma untuk mengenang kembali jasadabakti pahlawan-pahlawan dan perajurit-perajurit yang telah bersara dan yang telah kembali ke Rahmatullah.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah mengambil keputusan mulai tahun hadapan, iaitu 1992, Sambutan Hari Pahlawan akan dirayakan dengan lebih bermakna dan serentak pada 31hb Julai, 1992 di seluruh negara, melibatkan semua lapisan rakyat sebagai mengenang jasa dan pengorbanan serta memberikan penghargaan kepada bekas-bekas perajurit.



Aturcara perayaan ini sedang dirancang dengan tujuan untuk menimbulkan rasa bangga dan hormat kepada Angkatan Tentera dan bekas-bekas perajurit sekalian. Dengan cara ini, diharapkan semua lapisan rakyat akan memahami dan menghayati Hari Pahlawan dan Kerajaan berharap mendapat kerjasama semua Persatuan Bekas Perajurit untuk menjayakan perayaan Hari Pahlawan ini.

#### **INDUSTRI KAMPUNG - PENCAPAIAN**

10. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah pihak Kementerian telah puashati dengan program dengan pelaksanaan projek kecil di kampung-kampung 'cottage industri' bagi meningkatkan lagi ekonomi penduduk luar bandar. Dan apakah tindakan susulan sehingga ianya benar-benar berjaya sehingga rncapai ke tahap yang baik sesuai dengan Wawasan 2020.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar setakat ini sememangnya berpuashati di atas pencapaian Program Industri Kampung. Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak 1,820 projek telah diberi bantuan. Kejayaan program ini boleh dibanggakan, umpamanya industri makanan di mana barangan keluarannya banyak terdapat di pasaran.

Sungguhpun begitu, Kementerian. Pembangunan Luar Bandar sentiasa memerhati, meneliti dan mengawasi perjalanan projek-projek ini, mana-mana yang berpotensi akan ditingkatkan, dengan izin, upgrade. Bagi mencapai matlamat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dalam Wawasan 2020, pelan tindakan yang menyeluruh ke arah tersebut akan dilaksanakan sebagai tindakan susulannya. Program-program tersebut merangkumi Program Pembangunan Usahawan, Bantuan Mesin, Bantuan Alatan, Infrastruktur Perusahaan, Galakan dan Promosi, Pinjaman Kewangan, Geran Pelancaran Untuk Pemasaran dan Kajian Projek Industri Luar Bandar.

Adalah menjadi harapan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang pelan tindakan ini akan mencapai matlamatnya. Matlamat hanya akan tercapai jika peluang-peluang yang disediakan ini digunakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha luar bandar.

**Tuan Mustata bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Kementerian ini tetapi soalan saya apakah 1,820 projek yang dilaksanakan ini kesemuanya berjaya ataupun ada yang tidak berjaya?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, itulah angka pengusaha-pengusaha yang telah mencapai prestasi. Jadi, kalau hendak dibilang dari segi berapa ramai yang sebenarnya bermanfaat atau

mendapat manfaat dari 1,820 projek itu, jumlahnya adalah sekitar 7,553 orang yang bekerja mendapat manfaat dari usaha-usaha yang telah diwujudkan oleh program ini.

#### **BANK PEMBANGUNAN ASIA**

11. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada agensi Kerajaan yang memberi penerangan kepada syarikat-syarikat Malaysia tentang kontrak yang ditawarkan oleh Bank Pembangunan Asia (ADB); jika tidak adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah unit di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Pembangunan Asia (ADB) mempunyai cara yang telah berjalan sejak tahun 1987 untuk syarikat-syarikat Malaysia mendapatkan penerangan tentang kontrak yang ditawarkan oleh bank tersebut.

Untuk menyenangkan syarikat-syarikat berkenaan mendapatkan maklumat, ADB telah melantik sebuah syarikat bernama Malaysian Bureau of Consultants (MABCON) sebagai wakil untuk menyebarkan maklumat mengenai kerja-kerja bagi projek-projek yang dibiayai oleh ADB.

Antara peranan MABCON adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan peningkatan konsultan dan kontraktor Malaysia untuk mendapatkan kontrak projek di kawasan Asia;

- (ii) menyebarkan maklumat berkenaan dengan kepakaran konsultan/kontraktor yang terdapat di Malaysia kepada semua badan yang memerlukan perkhidmatan mereka seperti AOB; dan
- (iii) menyediakan majalah yang dikeluarkan dua kali sebulan yang menjelaskan maklumat mengenai peluang-peluang yang boleh didapati daripada projek yang dibiayai oleh berbagai-bagai badan antarabangsa termasuk ADB.

MABCON menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini dua kali sebulan. Walau bagaimanapun, MABCON tidak dapat mempengaruhi badan-badan antarabangsa untuk memilih konsultan atau kontraktor Malaysia untuk diberi projek-projek tertentu. Ini adalah bergantung kepada keupayaan konsultan dan kontraktor tempatan untuk bersaing dengan penender-penender antarabangsa yang lain.

Oleh kerana MABCON berupaya menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu unit tertentu bagi menjalankan tugas-tugas tersebut.

#### **THALASSEMIA - PENYAKIT KETURUNAN**

12. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa kira-kira 3.5 juta rakyat negara kita disyaki pembawa benih penyakit thalassemia. Memandangkan bahawa thalassemia adalah suatu penyakit keturunan dan pesakit itu perlu menjalani pemindahan darah sebulan sekali, adakah Kementeriannya bercadang untuk menjalani "ujian darah mengesan penyakit thalassemia" di seluruh negara kita untuk tahun depan. Perkara ini adalah serius kerana mengikut laporan Persatuan Thalassemia Malaysia, kini disyaki satu daripada lima orang di negara kita adalah pembawa benih penyakit thalassemia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bilangan kes yang telah disahkan mengidap thalassemia ialah seramai lebih kurang 900 orang iaitu 700 di Semenanjung dan lebih kurang 200 di Sabah dan Sarawak. Dianggarkan jumlah ini akan meningkat pada kadar 10% setahun.

Kementerian ini sedar bahawa langkah-langkah perlu diambil untuk mengurangkan penyakit jenis keturunan ini. Setakat ini pihak hospital menjalankan ujian screening ke atas keluarga pesakit dan sekiranya didapati mereka adalah pembawa penyakit itu, genetic counselling akan diberi.

**AGENSI PELANCONGAN MENIPU PELANGGAN**

13. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa beberapa penipuan telah dilakukan oleh Syarikat Pelancongan kepada pelanggan-pelanggannya. Jika sedar, apakah tindakan yang diambil terhadap Syarikat Pelancongan tersebut atau agen-agensinya; dan
- (b) adakah Kementerian akan mengetatkan syarat-syarat kepada Syarikat Pelancongan bagi mengawal sebarang penyelewengan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) sentiasa mengawasi kegiatan yang dijalankan oleh agensi-agensi pelancongan di seluruh negara. Mengikut rekod, setakat ini hanya sebuah agensi pelancongan berdaftar sahaja yang telah didapati menjalankan penipuan ke atas pelanggan mereka. Berikutan dengan itu, agensi berkenaan telahpun digantung pendaftarannya selama enam bulan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa aduan terutamanya melalui akhbar mengenai adanya agensi-agensi pelancongan yang tidak berdattar yang menipu para pelanggan mereka. Kegiatan ini sedang disiasat dan sekiranya didapati benar, tindakan selanjutnya akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

- (b) Kementerian ini memang mengenakan syarat-syarat ke atas agensi-agensi pelancongan yang berdaftar bagi mengelakkan berlakunya sebarang penyelewengan. Umpamanya, setiap agensi pelancongan yang ingin berdaftar mestilah bertaraf "Sendirian Berhad" dengan memiliki modal berbayar sekurang-kurangnya \$30,000 bagi menjalankan perniagaan kendalian pelancongan dalam negeri. Bagi menjalankan

perniagaan tambahan seperti perniagaan kendalian pelancongan luar negeri dan agensi pengembaraan, modal berbayar yang diperlukan ialah sebanyak \$100,000. Agensi-agensi pelancongan ini juga disyaratkan mempunyai sebuah pejabat yang kekal bagi menjalankan operasi masing-masing dengan nama yang mengandungi perkataan "pelancongan" atau "pengembaraan" atau sebagainya.

Dengan adanya syarat-syarat di atas, Kementerian yakin akan dapat mengawal agensi-agensi pelancongan daripada melakukan sebaraag penyelewengan. Di samping itu juga, Kementerian akan mengadakan penguatkuasaan dari masa ke semasa bagi memastikan perkembangan yang sihat dalam industri pelancongan.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah agensi yang mcnguruskan jemaah haji ke Mekah juga didattarkan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ataupun berdaftar tnelalui Tabung Haji sahaja?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, sebarang syarikat yang ingin membawa pelancong-pelancong ke luar negeri disyaratkan untuk mendattar dengan PKPM. Ini termasuklah seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu mereka yang ingin membawa jemaah-jemaah haji menunaikan umrah mesti juga mempunyai agensi pelancongan yang berdaftar.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan rmemaklumkan atau menjelaskan apakah nama syarikat yang telah melakukan penyelewengan dan bolehkah kami dapat tahu sama ada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mengetatkan undang-undang supaya dapat mengawal ejen-ejen yang tidak berdaftar di dalam Kementerian?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kes ini masih berjalan dan agensi yang berkenaan juga mengambil tindakan-tindakan rayuan dan sebagainya, maka tidaklah patut saya memberitahu nama agensi yang berkenaan.

Di samping itu, Kementerian memang telah mengambil tindakan yang berpatutan di mana seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ada agensi-agensi sebenarnya tidak berdaftar. Oleh sebab itu mulai daripada beberapa bulan yang lalu Kementerian telah mensyaratkan tiap-tiap agensi yang ingin mengendalikan pelancongan, mestilah sekurang-kurangnya menyebutkan nama sebagai "Travel and Tours" dan sebagainya supaya di dalam penguatkuasaan kita dapat mengenalpasti syarikat-syarikat yang mengendalikan pelancongan dan juga kita dapati syarikat-syarikat yang lain yang mengendalikan pelancongan tidak berdaftar sudah tentulah kita akan mengambil tindakan kepada mereka.



**KEMALAGAN JALAN RAYA**

14. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** meminta Menteri Pengangkutan. menyatakan berapakah jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku dari bulan Januari 1991 hingga akhir bulan November:

- (a) berapakah kes yang melibatkan kehilangan nyawa; dan
- (b) berapakah kes yang melibatkan keretapi yang berlaku dalam masa dan tahun yang sama.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak dari bulan Januari hingga November 1991 sebanyak 92,067 kemalangan jalan raya telah berlaku. Dari jumlah tersebut sebanyak:

- (a) 3,675 kes kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa di mana 3,973 orang telah meninggal dunia, 8,451 mendapat cedera parah dan 17,789 mendapat cedera ringan.
- (b) Dalam tahun 1991 iaitu Januari hingga November, sebanyak 20 kes kemalangan yang melibatkan keretapi. Kemalangan tersebut merupakan:
  - (a) jatuh dari tren - 4 orang maut dan 11 orang cedera
  - (b) terjun turun ataupun melompat naik semasa tren sedang berjalan - 1 orang cedera
  - (c) kemalangan kepada pekerja-pekerja kontraktor - 3 orang cedera dan 1 orang maut

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana pula masalah membaling batu ke atas keretapi, adakah masih berlaku lagi?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kami tidak ada menerima laporan mengenai membaling batu, harap akan terus berhenti.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah berlaku sabotaj kepada keretapi sehingga melibatkan kemalangan terutama sekali masa perayaan-perayaan ataupun hari-hari kebesaran?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tidak ada laporan yang mengatakan bahawa ada sabotaj yang menyebabkan kemalangan atau kegelinciran keretapi-keretapi.

#### PELANCONG DATANG KE MALAYSIA

15. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) setakat ini (1991), berapa ramaikah pelancong-pelancong luar yang datang ka Malaysia;
- (b) di negeri-negeri manakah di Malaysia ini yang paling ramai pelancong luar datang; dan
- (c) berapa banyakkah kemasukan wang dengan kemasukan pelancong-pelancong tersebut.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan maklumat terakhir yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia menganggarkan seramai 4,937,121 orang pelancong asing telah mengunjungi Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Januari hingga November 1991. Data sehingga akhir bulan November 1991 bagi negeri Sabah dan Sarawak masih belum diperolehi daripada Jabatan Perangkaan negeri masing-masing.
- ( b) Negeri Johor, Pulau Pinang, Wilayah dan Selangor merupakan negeri-negeri yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong-pelancong luar negara. Sumber ini diperolehi melalui sumber penginapan di hotel-hotel bagi negeri-negeri yang berkenaan.
- (c) Bagi tempoh bulan Januari hingga November 1991, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia menganggarkan jumlah pendapatan dari pelancongan untuk Semenanjung Malaysia adalah sebanyak \$3.3 bilion.

#### **DISIPLIN PELAJAR-PELAJAR DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH**

16. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada disiplin pelajar-pelajar di asrama penuh telah menurun sehingga merunsingkan ibu bapa sekalian; jika ya, apakah tindakan sewajarnya akan diambil supaya prestasi sekolah berasrama penuh akan dapat dipertingkatkan ke tahap yang diharapkan sebagai sumbangan kepada Wawasan 2020.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya, tahap disiplin pelajar-pelajar kita di sekolah berasrama penuh adalah pada tahap yang amat baik. Walau bagaimanapun, kes-kes biasa disiplin yang timbul adalah dalam keadaan yang terkawal.

#### AHLI SUKAN BERTARAF ANTARABANGSA

17. **Tuan Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohammad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada program-program yang dirancang sekarang ini akan melahirkan ahli-ahli sukan yang bertaraf antarabangsa; khasnya Bolasepak dan Badminton.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, program-program sukan yang dirancangkan sekarang ini akan melahirkan ahli-ahli sukan yang bertaraf antarabangsa pada suatu masa kelak. Malah, sukan badminton telah dan sedang melahirkan jaguh-jaguh badminton yang bertaraf dunia.

Di antara program-program sukan yang dirancang pada masa ini untuk melahirkan ahli-ahli sukan yang bertaraf antarabangsa ialah:

- (i) mengenalpasti sukan yang berkeupayaan dan berpotensi untuk mencapai ke tahap yang tertinggi;
- (ii) membantu Persatuan Sukan Kebangsaan dan bekerjasama dengan Majlis Olimpik Malaysia untuk melatih atlet bagi menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

- (iii) menyediakan satu infrastruktur pembangunan atlit yang berterusan dari peringkat bawah sehingga ke tahap cemerlang melalui program yang berkaitan; dan
- (iv) menyediakan satu sistem sokongan yang lengkap bagi membantu proses pembangunan atlit.

Di samping itu, sukan Bolasepak dan Badminton pada masa ini mempunyai Akademi Sukan masing-masing untuk melatih bakal-bakal jaguh untuk sukan-sukan tersebut. Kerajaan berkeyakinan bahawa dalam tempoh 5 tahun dari sekarang, Akademi Bolasepak dan Badminton akan melahirkan jaguh-jaguh yang bertaraf Asia ataupun Dunia.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah penglibatan jaguh-jaguh sukan terutama dalam Badminton dalam memberikan sokongan tentang latihan yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, tentang penglibatan jaguh-jaguh sukan Badminton kita yang boleh dikatakan menumpukan perhatian yang lebih daripada sukan lain, sebenarnya tidak berapa jelas soalan daripada Ahli Yang Berhormat. Bolehkah ulang sekali lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ulangi.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, penglibatan jaguh-jaguh yang tersebut kursus-kursus Badrainton yang dianjurkan oleh Kementerian.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus yang diberikan bukan oleh Kernenterian Belia dan Sukan, sebenarnya diberikan oleh BAM - Pertubuhan Badminton. Itulah jawapan saya yang mana sambutan boleh dikatakan sungguh baik. Kalau tidak ada sambutan, bagaimana kita boleh mewujudkan jaguh-jaguh seperti hari **ini**.

#### PERKAHWINAN KORPORAT - GALAKAN

13. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian mengenai "Galakan Perkahwinan Korporat" yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menggalakkan dan mengalu-alukan syarikat-syarikat swasta mengadakan perkahwinan korporat sebagai satu strategi perniagaan ataupun, dengan izin, business strategy untuk meningkatkan tahap persaingan operasi syarikat-syarikat. Perkahwinan korporat sebenarnya ialah projek-projek usahasama dalam mana dua atau lebih syarikat-syarikat bergabung untuk mengeksploitasi unsur-unsur baik dalam tiap-tiap syarikat.

Projek-projek usahasama seperti ini dapat mempelbagaikan keluaran syarikat-syarikat ini melalui sumbangan pasaran dan teknologi mereka. Tanggungjawab kerajaan pada asasnya adalah untuk menyediakan iklim pelaburan yang sesuai bagi pelabur-pelabur dari segi kestabilan politik, dasar-dasar yang liberal, infrastruktur yang baik, pekerja-pekerja yang terlatih dan galakan pelaburan yang menarik. Dengan iklim seperti ini, adalah dijangkakan syarikat-syarikat dapat

melaksanakan rancangan-rancangan mereka dan terserah kepada mereka sendiri untuk melaksanakan perkahwinan korporat atau usahasama supaya kedudukan mereka dapat menjadi kukuh dan memberi keuntungan. Tidak perlu bagi Kerajaan untuk mengadakan rancangan khusus bagi menggalakkan perkahwinan korporat ini.

Walau bagaimanapun, MIDA telahpun mewujudkan sistem pendaftaran untuk mendaftar bakal pelabur-pelabur dan kontrak pengilang bernama RICOM ataupun Registry of Investors and Contract Manufacturers, dengan izin, supaya pelabur-pelabur dapat mencari rakan-rakan usahasama bagi projek mereka.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, apakah ada hasil/anak dari perkahwinan korporat ini?

**Tuan S.S. Subramaniam:** Hingga masa kini kita dapat tahu ada satu perkahwinan antara Philips dan JVC dan saya rasa adalah lain-lain yang dalam perhubungan untuk menjadi satu perkahwinan yang lebih berhasil.

#### TWINNING PROGRAMME INSTITUT PERSENDIRIAN

19. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah penuntut yang mengikuti kursus-kursus secara twinning programme di negara ini dalam institut-institut persendirian;
- (b) nama institut-institut/universiti luar negeri yang menawarkan perkhidmatan twinning programme ini; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang memberi bantuan kepada pelajar-pelajar institut di dalam negeri untuk mengikuti kursus ijazah secara twinning programme di negara ini.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pada masa ini terdapat seramai 1,197 orang pelajar yang sedang mengikuti berbagai program berkembar yang dikendalikan oleh institusi-institusi pendidikan swasta di Malaysia.
- (b) Institusi pendidikan tinggi luar negeri yang terlibat dalam program berkembar; dari Australia adalah 11 buah universiti; dari Amerika Syarikat 4 buah universiti; institusi di United Kingdom 5 buah; dari Kanada 3 buah; dan dari New Zealand sebuah universiti.



- (c) secara umumnya pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi apa-apa bantuan kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti Program Berkembar di institusi-institusi pendidikan swasta di dalam negeri.

#### TELEFON DAN FAX - PELANGGAN PERNIAGAAN

20. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pengguna telefon dan fax serta kemudahan lain di Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (b) bilakah rancangan Kerajaan melancarkan satelit angkasanya sendiri dan berapakah jumlah biaya yang diperlukan. Apakah nama syarikat yang terlibat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Telefon - 2,246 pelanggan perniagaan dan 3,923 pelanggan kediaman;
- (ii) FAX - 239 pelanggan perniagaan;
- (iii) TELEKS - 96 pelanggan; dan

(iv) ATUR - 880 pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan. merancang untuk melancarkan satelit menjelang tahun 1994 dengan harga sebanyak \$675 juta melalui penglibatan sepenuhnya oleh sektor swasta.

Syarikat yang terlibat adalah syarikat tempatan Binariang Sdn. Bhd. dengan kerjasama Hughes Communications International Incorporated dan Arianespace.

#### STESEN RADIO AL-ARQAM

21. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Penerangan rnenyatakan apakah hasil siasatan Stesen Radio Al-Arqam yang dikatakan dipancarkan di kawasan perkampungan Al-Arqam Sungai Penchala, jika benar apakah bentuk tindakan yang akan diambil.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangaa [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Penyiaran 1988 memerlukan setiap penyiaran di dalam negara ini sama ada dalam bentuk oral ataupun visual atau kedua-dua sekali dilesenkan. Mana-mana orang yang menyiarkan apa-apa bahan penyiaran tanpa satu lesen adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telahpun menjalankan penyiasatan ke atas dakwaan bahawasanya wujudnya stesen radio tanpa

lesen di perkampungan Al-Arqam, di Sungai Penchala,

Hasil daripada siasatan Kementerian, didapati pihak Al-Arqam tidak mengendali sebarang stesen radio. Apa yang dikendalikan oleh pihak Al-Arqam ialah penggunaan alat pembesar suara untuk menyebarkan maklumat-maklumat mereka kepada penghuni Perkampungan Al-Arqam. Ini tidak melanggar apa-apa peraturan di bawah Akta Penyiaran. Oleh yang demikian, tidak ada sebarang tindakan yang perlu diambil terhadap Al-Arqara Sungai Penchala.

#### PASARAN TUNGGAL EROPAH

22. **Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghadapi pasaran Tunggal Eropah tahun 1992 nanti dan apakah dengan adanya pasaran itu akan menjejaskan ekonomi negara ini.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah berusaha untuk meningkatkan perhubungan, dengan izin, "contacts" dengan Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC).

Kementerian ini sentiasa menggalakkan pihak swasta di negeri ini untuk melabur dan untuk mengadakan pejabat-pejabat pemasaran di negara-negara EEC. Beberapa langkah telah diambil ke arah ini, di antaranya ialah:

- (i) mengadakan rombongan-rombongan perdagangan dan pelaburan

ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah iaitu ke Finland, Germany, Italy dan France dalam bulan Oktober, 1991.

- (ii) mengatitkan rombongan pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur dari Kesatuan Ekonomi Eropah atau, dengan izin, "buying missions" untuk melawat Malaysia dan menarik minat mereka untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan di Malaysia. Dalam hubungan ini, misalnya, 4 "buying missions" dari Belgium telah melawat Malaysia bagi tahun-tahun 1988, 1989, 1990 dan 1991. Bidang-bidang yang diberi perhatian meliputi keluaran-keluaran yang berasaskan kayu, alat-alat perhiasan rumah, alat-alat tulis, kraf-tangan, seramik dan keluaran-keluaran yang berasaskan getah.
- (iii) mengatitkan penyertaan pengeksport-pengeksport Malaysia ke pameran-pameran perdagangan di Kesatuan Ekonomi Eropah, di antaranya ke Asia Expo 1991 di Hamburg, Germany; Overseas Import Fair 1991 di Berlin, Germany; dan International Trade Fair 1991 di Greece.
- (iv) menganjurkan beberapa seminar, dengan kerjasama Persatuan Pekilang Malaysia (FMM) dan dengan pihak SIRIM berkenaan piawaian-piawaian yang diperlukan bagi barangan-barangan Malaysia untuk Pasaran Tunggal Eropah.
- (v) menggesa pihak swasta supaya mengubahsuai strategi-strategi pemasaran mereka bagi menghadapi perubahan-

perubahan yang sedang dan akan berlaku dengan pengwujudan Pasaran Tunggal Eropah.

- (vi) mengadakan hubungan dengan Suruhanjaya Eropah secara, dengan izin, "bilateral" dan "regional", untuk menjaga kepentingan Malaysia termasuk isu-ia yang berkaitan dengan kemasukan pasaran.

Pengwujudan Pasaran Tunggal Eropah 1992 akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Di antara kesan ini ialah peningkatan pertumbuhan ekonomi EEC yang akan mempertingkatkan permintaan untuk barangan-barangan. Daya pembelian yang tinggi, dengan izin, "high purchasing power" dan citarasa yang berbagai, di kalangan penduduk-penduduk berjumlah 320 juta orang di EEC akan memberi potensi pasaran kepada pengeksport-pengeksport Malaysia untuk mempertingkatkan pengeksportan barang-barang pengilangan, komponen-komponen dan komoditi ke negara-negara tersebut. Kementerian ini berpendapat bahawa Malaysia berkeupayaan memenuhi permintaan EEC dan akan dapat mempertingkatkan perdagangan dengan Pasaran Tunggal Eropah 1992.

#### PEMBORONG BDMPUTERA

23. **Tuan Haji Abdul Salam Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan hidup mati pemborong-pemborong bumiputera bergantung kepada Kerajaan. Kerajaan juga sudah semestinya sedar bahawa ramai pemborong-pemborong masa kini mengalami kegagalan dalam perniagaan mereka. Tidakkah patut Kerajaan memberi banyak projek tawaran runding (negotiated tender) kepada gabungan-gabungan kontraktor di peringkat negeri supaya projek-projek itu pula dapat diagihkan kepada kontraktor-kontraktor kecil.

**Setiausaha Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1987 sebanyak 39 projek yang bernilai kira-kira \$225.081 juta telah ditawarkan secara rundingan terus kepada gabungan-gabungan kontraktor di peringkat negeri, antaranya termasuklah:

Gabungan Kontraktor negeri	Bilangan Projek	Nilai
Kelantan	9	\$59.9 juta
Wilayah Persekutuan	7	\$55.5 "
Negeri Sembilan	2	\$42.6 "
Perlis	3	\$21.2 "
Kedah	9	\$16.8 "
Perak	2	\$11.1 "

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan sedang mengenalpasti beberapa projek lagi untuk ditawarkan secara rundingan terus kepada gabungan-gabungan kontraktor negeri-negeri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada prestasi gabungan dalam melaksanakan projek-projek yang telahpun ditawarkan.

Selain daripada itu, Kerajaan berharap pemborong-pemborong bumiputera lebih terbuka dan tidak bergantung kepada Kerajaan

semata-mata sekiranya ingin berjaya. Peranan Kerajaan ialah membantu tetapi kejayaan atau kegagalan adalah terletak di bahu kontraktor masing-masing.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah tidak terdapat projek-projek seperti ini di negeri-negeri lain yang tidak disebut oleh Setiausaha Parlimen yang berkenaan.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kecuali di Terengganu memang ada projek-projek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek tersebut adalah:

<b>Gabungan Kontraktor Negeri</b>	<b>Bilangan Projek</b>	<b>Nilai</b>
Pulau Pinang	1	\$5.5 juta
Pahang	2	\$5.8 "
Selangor	1	\$4 "
Johor	4	\$2.8 "
Terengganu	(Belum ada)	-

#### **KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM**

24. **Tuan Saad bin Haji Man [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah jumlah kenderaan pengangkutan awam mencukupi permintaan penumpang semasa musim perayaan;
- (b) jika tidak, apakah langkah-langkah berkekalan yang diambil bagi mengatasi masalah berkenaan; dan
- (c) apakah pelan rancangan jangka panjang dasar pengangkutan awam bagi mengatasi masalah pengangkutan awam, tidak tertakluk kepada permintaan musim perayaan.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kenderaan pengangkutan awam buat masa ini sememangnya tidak mencukupi untuk menampung permintaan penumpang di musim perayaan.
- (b) Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah dengan membenarkan bas-bas sekolah, bas-bas kilang dan bas-bas persiaran memohon lesen atau permit perubahan/pertukaran sementara untuk menjalankan perkhidmatan bas ekspres khas di musim perayaan bagi tempoh seminggu sebelum dan seminggu selepas musim perayaan. Sebagai contohnya, jumlah bas-bas sekolah, bas-bas kilang dan bas-bas persiaran yang diluluskan permit sementara pada musim perayaan Hari Raya Puasa pada tahun 1990 adalah sebanyak 824 buah, manakala di musim perayaan yang sama, pada tahun 1991, telah meningkat kepada 1,530 buah. Oleh itu, bagi memastikan permintaan bagi perkhidmatan awam mencukupi semasa musim perayaan, dasar pengeluaran permit pertukaran sementara akan terus dikekalkan.
- (c) Di samping itu, saya difahamkan oleh Kementerian Perusahaan Awam bahawa pelan rancangan jangka panjang



dasar pengangkutan awam adalah untuk menyediakan bentuk pengangkutan awam yang cekap, sistematik, selesa dan selamat kepada penumpang. Untuk tujuan itu, Kementerian berkeajaan melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah menimbang dan meluluskan lesen pengangkutan awam dari masa ke semasa mengikut keperluan dan permintaan perkhidmatan tersebut

#### PROJEK AEROBOS

25. **Puan Hajah Azmah binti Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan 'Projek Aerobus' untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur ini;

- (a) apakah telah terjadi kepada projek tersebut yang dicadangkan beberapa tahun yang lalu dan adakah cadangan baru untuk menyambung semula projek itu; dan
- (b) sama ada Kementerian mengetahui mengenai seorang mekanik Melayu di Kuala Lumpur ini mampu mencipta jalan raya Ajaib, iaitu melalui "Electronic Line Phaser System" untuk mengatasi lalulintas di Kuala Lumpur ini. Apakah pihak Dewan Bandaraya mengetahui dan berminat di atas rancangan ini.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin. menjawab soalan ini bagi pihak Perdana Menteri.

- (a) Projek Sistem Aerobus yang telah dicadangkan pada tahun 1982 telahpun diganti dengan Sistem Monorail Kuala Lumpur untuk tujuan perkhidmatan dalam Pusat Bandar ataupun

'Intra City Service', dengan izin, di Kuala Lumpur.

Keputusan ini telahpun dibuat oleh Jemaah Menteri pada 14hb Jun, 1989. Pada masa itu projek ini telah diluluskan supaya dilaksanakan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, baru-baru ini Kerajaan telah bersetuju bahawa projek ini dilaksanakan secara penswastaan. Sistem Aerobus diganti dengan Sistem Monorail atas sebab-sebab berikut:

- (i) kontraktor induk projek Aerobus Railway Engineering Ltd. telah memberitahu bahawa pihaknya tidak lagi berminat menjadi kontraktor induk dan mereka telahpun menjual patent right, dengan izin, Sistem Aerobus kepada syarikat yang lain;
  - (ii) Sistem Monorail adalah lebih mudah dan cepat dibina;
  - (iii) Sistem Monorail adalah lebih senang dipersuaikan dalam seni Bandaraya Kuala Lumpur;
  - (iv) Teknologi Sistem Monorail adalah lebih terbukti dan lebih selamat;
- (b) Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengetahui mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh memberi pertimbangan atas cadangan tersebut sekiranya ianya sesuai, berkesan dan dapat mengatasi kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur.

#### POS LAJU

26. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah jumlah pejabat pos di seluruh negara yang dibekalkan dengan kemudahan komputer dan adakah semua pejabat pos berkeupayaan mengendalikan perkhidmatan "Pos Laju".

**Timbalan Menteri Tenaga, Pos dan Telekom [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah Pejabat Pos di seluruh negara yang dibekalkan dengan kemudahan komputer pada waktu ini ialah 280. Tidak semua Pejabat Pos berkemampuan mengendalikan perkhidmatan Pos Laju. Ini adalah kerana di sesetengah tempat, sistem pengangkutan dan perhubungan adalah tidak memuaskan dan tidak memungkinkan serahan benda-benda Pos Laju dapat dibuat dalam masa yang telah ditetapkan. Perkhidmatan Pos Laju memberi jaminan serahan dalam tempoh 24 jam bagi perkhidmatan dalam negeri dan hanya mengambil separuh daripada masa kiriman mel biasa bagi destinasi luar negeri. Oleh itu, perkhidmatan ini hanya terdapat di Pejabat-pejabat Pos tertentu iaitu 124 pusat yang mempunyai kemudahan pengangkutan yang baik di mana serahan benda-benda Pos Laju dalam negeri dapat dibuat dalam tempoh 24 jam.

Perkhidmatan Pos Laju dalam negeri mula diperkenalkan dalam tahun 1988 dengan penubuhan 18 buah pusat Pos Laju sahaja. Dijangka lebih banyak pusat Pos Laju akan dibuka pada tahun hadapan. Memang menjadi hasrat dan objektif Jabatan Pos dan juga Pos Malaysia yang diswastakan untuk menubuhkan pusat Pos Laju di semua Pejabat Pos di seluruh negara. Usaha-usaha dan perancangan sedang dibuat ke arah ini.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, dan saya ada satu soalan. Yang pertama, apakah syaratnya penubuhan Pejabat Pos di satu-satu kawasan? Yang kedua, mengapa upah Pos Laju di Pejabat Pos lebih mahal daripada Pos Laju yang dibuat oleh swasta?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya pembukaan Pejabat Pos di satu-satu kawasan bergantung kepada jumlah penduduk yang ada dalam kawasan yang berkenaan. Kalau tidak silap saya, lebih kurang 10,000 penduduk dibolehkan untuk mendapat Pejabat Pos.

Berkenaan soalan yang kedua, saya tidak sedar perkara ini dan kalaulah apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi benar, mejelangnya Pejabat Pos akan diperbadankan pada 1hb Januari, 1992 nanti, maka perkara ini akan diberi perhatian yang serius dan saya sendiri akan minta supaya mereka lebih dapat bersaing dari segi harga dengan pihak-pihak swasta yang lain.

#### MAKANAN SEGERA - PENJAGAAN

27. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandangkan banyaknya rangkaian makanan segera yang telah menjadi begitu popular di kalangan orang ramai masa kini:

- (a) adakah Kerajaan mengamalkan garispanduan yang betul tentang pengajaan makanan. bagi mencegah berlakunya masalah kesihatan yang serius;
- (b) apakah program pendidikan yang dijalankan oleh Kerajaan untuk rakyat berhubung sikap dan penjagaan makanan mereka; dan
- (c) sama ada para doktor juga patut membimbing pesakit mengenai penjagaan makanan.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Memandangkan banyaknya rangkaian makanan segera yang telah menjadi begitu popular di kalangan orang ramai masa kini, Kementerian Kesihatan ada

menyediakan garis panduan seperti Kod Amali Kebersihan Makanan. Di samping itu, Kementerian juga menjalankan lawatan-lawatan pemeriksaan ke kilang pembuatan dan premis penjualan makanan untuk memastikan aspek-aspek penjagaan makanan yang bersih dan selamat dipraktikkan.

- (b) Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa telah menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan bagi menyedarkan orang ramai tentang sikap dan penjagaan makanan mereka. Kempen 'Gaya Hidup Sihat' yang telahpun bermula dari Mei 1991, menekankan aspek aspek pemakanan yang betul. Pendidikan mengenai pemakanan juga diberikan menerusi Klinik-klinik Ibu dan Kanak-kanak, di dalam kurikulum sekolah-sekolah dan juga melalui media massa. Selain dari itu, penerangan kepada golongan pengguna dan pihak pengeluar makanan mengenai penjagaan makanan yang bersih dan selamat juga dipergiatkan.
- (c) Mengenai sama ada para doktor juga patut membimbing pesakit mengenai penjagaan makanan, para doktor memang telah dilatih untuk membimbing pesakit mengenai penjagaan makanan yang sesuai dengan penyakit yang dihadapi dan aspek ini memanglah merupakan sebahagian dari khidmat-runding yang diberi dalam merawat pesakit.

**KAD KREDIT/KAD CAJ - PERATURAN**

28. **Tuan K. Yijayanathan** minta Menteri Kewangan menyatakan bolehkah beliau beri butir-butir sama ada jumlah kad-kad kredit yang ada dalam pasaran sehingga kini dan jumlah permohonan-permohonan baginya yang dalam pertimbangan untuk kad-kad kredit daripada institusi-institusi kewangan dan adakah Kerajaan berkeinginan untuk menetapkan suatu had ke atas kebanyakan kad-kad kredit yang boleh didapati.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat telahpun saya berikan pada 18hb Disember yang lalu, iaitu semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, tidak payah diulang.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Sebagai tambahan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi tambahan?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Sebagai tambahan kepada jawapan tersebut, saya ingin mengulangi peraturan-peraturan berkaitan dengan kad kredit dan kad caj yang diumumkan oleh Gabenor Bank Negara pada 24hb Disember yang lalu. Peraturan-peraturan tersebut itu adalah seperti berikut:-

- (i) pendapatan pemohon hendaklah melebihi \$24,000 setahun;
- (ii) pemohon hendaklah berumur 21 tahun ke atas;  
syarat-syarat (i) dan (ii) ini adalah berkuatkuasa serta-merta untuk pemohon-pemohon baru; dan
- (iii) bayaran balik bulanan minimum ke atas baki kredit adalah 10% yang dikenakan ke atas kesemua pengguna kad kredit baru dan lama.

Kajian lanjut sedang dijalankan ke atas beberapa aspek lain termasuk mengenai kadar faedah, dan peraturan-peraturan mengenainya akan dikeluarkan dari masa ke semasa, sekiranya didapati perlu.

#### FULL EMPLOYMENT DAN INFLASI

29. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah struktur ekonomi yang dicadangkan untuk persediaan terhadap kemungkinan 'full employment dan inflasi' dalam jangkamasa pendek.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, berikutan pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak tahun 1988, kadar pengangguran di negara kita pada masa ini adalah kira-kira 5.6%. Malah anggaran oleh Bank Dunia menunjukkan kadar pengangguran negara adalah lebih rendah iaitu 3.4%. Ini bermakna negara kita sudahpun mencapai tahap hampir gunatenaga penuh atau dengan izin, full employment. Ini dapat dilihat daripada kekurangan tenaga kerja dalam sektor perkilangan, pembinaan dan pertanian serta kenaikan upah. Prestasi ekonomi yang baik ini sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pelaburan swasta yang meningkat sebanyak 35.7% dalam tahun 1989, 27.6% dalam tahun lalu, dan dalam tahun ini dijangka naik sebanyak 24.3%.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini telah memberi tekanan ke atas harga. Inflasi yang diukur dengan Angkatunjuk Harga Pengguna dijangka meningkat sebanyak 4.5% pada tahun ini. Walau bagaimanapun, inflasi di negara kita adalah terkawal hasil beberapa langkah fiskal dan kewangan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan mudahtunai yang berlebihan dalam sistem kewangan dan meredakan peningkatan penggunaan swasta. Selain daripada itu, beberapa langkah kewangan dan fiskal juga telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal inflasi.

Para pengguna juga mempunyai peranan dalam membendung inflasi dengan mengawal perbelanjaan hanya untuk barang-barang yang perlu sahaja.



**LEBUHRAYA KARAK - PERANGKAP HAD LAJU BERKAMERA**

30. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kamera yang dipasang di Lebuhraya Karak masih berfungsi ataupun tidak. Jika tidak, apakah sebabnya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, alat perangkap had laju berkamera yang dipasang di Lebuhraya Karak masih lagi berfungsi. Dari bulan April hingga bulan November 1991, sebanyak 13,674 kesalahan telah dirakamkan.

**JEREBU - LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN**

31. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apa-apa langkah yang dilakukan untuk mengurangkan jerebu yang mengakibatkan berbagai-bagai jenis penyakit dan kerugian kepada MAS akibat kapal terbang tidak dapat mendarat.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengawal keadaan berjerebu, Kementerian ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan Induk mengenai jerebu yang dianggotai oleh berbagai agensi Kerajaan.

Tiga kumpulan kerja telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa berkenaan iaitu:

- (i) untuk mengenalpasti punca-punca jerebu;
- (ii) untuk mengkaji kesan-kesan jerebu terhadap kesihatan dan ekonomi; dan
- (iii) membentuk strategi kawalan jerebu.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang berusaha untuk mengetatkan

serta meningkatkan lagi penguatkuasaan undang-undang terhadap kawalan aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan juga industri-industri. Manakala orang ramai pula adalah diminta memberi kerjasama supaya tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya ketika keadaan berjerebu dengan tujuan untuk mengelakkan daripada keadaan berjerebu menjadi bertambah serius.

#### SYARIKAT INSURANS AM

32. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah gejala-gejala yang menyebabkan kononnya perkhidmatan syarikat insurans am tidak begitu untung berbanding dengan syarikat insurans nyawa; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap masalah yang dihadapi itu supaya pihak pengguna tidak terjejas.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan Kementerian Kewangan adalah kurang wajar untuk membandingkan perniagaan insurans nyawa dengan perniagaan insurans am dari segi perolehan keuntungan. Ini adalah kerana kedua-dua perniagaan tersebut mempunyai sifat perniagaan atau, dengan izin, nature of business yang berbeza. Di samping itu juga, perolehan keuntungan sesuatu perniagaan insurans adalah bergantung kepada cara pengurusan, pengendalian dan pentadbiran perniagaan.

Syarikat-syarikat insurans am sebenarnya boleh mencapai keuntungan yang baik sekiranya mereka mempelbagaikan perniagaan insurans supaya dapat mengimbangkan perolehan keuntungan syarikat dan tidak terlalu bergantung kepada insurans motor.

Di samping itu, syarikat-syarikat insurans am juga perlu meningkatkan kecekapan disiplin dalam pengurusan serta mengawal peratusan komisyen dan perbelanjaan pengurusan bagi mengurangkan kos syarikat dan seterusnya meningkatkan lagi keuntungan perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah tuntutan kena dibayar bagi syarikat insurans am pada tahun 1989 ialah 65%, manakala kadar komisyen dan perbelanjaan pengurusan adalah sebanyak 43%. Dengan demikian, syarikat-syarikat insurans am boleh mencapai keuntungan penanggungan sekiranya mereka dapat mengawal bayaran komisyen dan perbelanjaan pengurusan.

Bank Negara juga, Tuan Yang di-Pertua, telah mengenakan keperluan-keperluan pentadbiran yang lebih ketat bagi memastikan perniagaan yang dijalankan, dikendalikan dengan sempurna dan cekap.

Sebagai langkah terakhir, Bank Negara tidak akan teragak-agak menggunakan seksyen 28 Akta Insurans 1963 bagi memulih semula mana-mana syarikat insurans yang tidak solven atau bermasalah demi menjaga kepentingan pemegang-pemegang polisi.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, mengapa syarikat-syarikat insurans ini tidak begitu senang hati dengan menginsuranskan kereta-kereta teksi sejak akhir-akhir ini?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi ialah kadar kemalangan yang tinggi dan ini telah menyebabkan claim, dengan izin, ataupun tuntutan yang tinggi ini membebankan beberapa syarikat insurans tetapi adalah diperhatikan bahawa syarikat-syarikat insurans yang diuruskan dengan cekap tidak menghadapi masalah ini.

Oleh itu, bagi syarikat-syarikat yang diuruskan dengan cekap, tidak ada masalah untuk menginsuranskan kereta termasuk teksi.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ada syarikat-syarikat yang kurang gemar untuk menginsuranskan teksi dan kereta motor yang lain memandangkan pengalaman mereka dalam membayar tuntutan yang berlebihan terutama sekali akibat daripada kemalangan yang semakin hari semakin meningkat dalam negara kita.

#### KEBANJIRAN PELABURAN ASING - MANFAAT

33. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) faktor-faktor yang menyebabkan bertambahnya pelaburan dalam negeri dalam projek-projek yang meningkat dari \$3.5 bilion dalam tahun 1989 kepada \$10.5 bilion dalam tahun 1990; dan
- (b) adakah rakyat mendapat manfaat daripada kebanjiran pelaburan asing dan juga pemindahan teknologi.

**Tuan S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, peningkatan dalam pelaburan tempatan dalam projek-projek yang diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian dari \$3.5 bilion dalam tahun 1989 kepada \$10.5 bilion dalam tahun 1990 adalah disebabkan oleh pengwujudan berbagai peluang pelaburan khasnya di sektor pembuatan berikutan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi tempoh tersebut.

Pelabur-pelabur tempatan telahpun menyedari tentang peluang-peluang pelaburan di sektor pembuatan dan mencebur diri dalam bidang tersebut sama ada secara sendiri atau usahasama dengan pelabur asing. Dalam hal ini, MIDA bersama-sama dengan

Kerajaan-kerajaan Negeri telah menganjurkan beberapa seminar tempatan untuk memaklumkan tentang peluang dan galakan pelaburan kepada pelabur-pelabur tempatan.

Faedah-faedah yang telah diperolehi dari pengaliran pelaburan asing dapat dilihat dari kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat khususnya dalam sektor pembuatan bagi tempoh 1985 hingga 1990. Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK telah meningkat dari 19% dalam tahun 1985 kepada 27% dalam tahun 1990. Sumbangan sektor ini kepada eksport telah meningkat dari \$12,471 juta kepada \$48,047 juta dalam tempoh yang sama. Selain dari itu, sektor pembuatan telah mewujudkan sebanyak 1,290,200 peluang pekerjaan berbanding dengan 855,400 pekerjaan dalam tahun 1985. Selain dari faedah tersebut, pelaburan asing telah juga menyumbangkan kepada pengwujudan industri-industri sokongan tempatan, pemindahan teknologi, pasaran eksport dan pembangunan kemahiran atau skills development, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, terus kepada Aturan Urusan Mesyuarat yang lain.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 34 hingga 54 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

## RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

**Bacaan Kali                      Yang                      Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [24hb Disember 1991]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Tuan Ng Peng Hay menyambung ucapannya.

**3.37 ptg.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya menyambung ucapan saya. Saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1992.

Tuan Yang di-Pertua, janji-janji pilihanraya belum ditunaikan oleh Kerajaan PAS. Kepentingan dan keperluan rakyat tidak diutamakan. Rakyat Kelantan mula gelisah dan memperkatakan apa akan jadi sekiranya Kerajaan PAS lebih lama memerintah. Golongan belia telah mula berhijrah. Adalah malang bagi PAS jika lebih memikirkan soal emosi kefanatikan agama, pendekatan yang digunakan oleh PAS telah mengabaikan hidup bermasyarakat dalam negara yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Tindak-tanduk PAS menggambarkan ketidakmampuan daya intelek mereka berhadapan dengan tamadun

moden dunia. Perubahan secara mendadak amalan hidup masyarakat tidak perlu menyinggung perasaan dan kebudayaan orang lain dan dengan melarang kebebasan berpakaian, menutup gambar poster perempuan, melarang perempuan menggunting rambut lelaki, melarang jualan minuman arak, melarang gadis bekerja di kilang waktu malam adalah merupakan satu cara pendekatan yang tidak sesuai bahkan sikap dan tindakan itu telah dianggap menyekat kebebasan manusia.

Akibat tindakan tersebut, pelabur-pelabur asing terpaksa mengkaji semula minat mereka untuk melabur di Kelantan. Kebimbangan yang dirasakan oleh bukan Islam di Kelantan telah menular di kalangan pelabur-pelabur asing. Begitu juga kepada pelancong-pelancong sama ada dari luar atau dalam negara, mereka terpaksa berfikir dua kali untuk mencari destinasi yang sesuai.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak MCA sentiasa berpegang teguh bahawa amalan kebebasan beragama dan kebudayaan patut dihormati. Dalam masalah **ini**, PAS mesti memahami tiada percanggahan timbul untuk memelihara.....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, apa itu? Point of order atau hendak minta penjelasan?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Saya hendak minta laluan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri laluan. Kalau Yang Berhormat hendak penjelasan ataupun hendak menentang apa yang saya cakapkan, bolehlah sampaikan dalam

ucapan nanti. Saya harap Tuan Yang di-Pertua akan memberi masa yang cukup. Saya tidak akan beri laluan,

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini PAS mesti memahami tiada percanggahan timbul untuk memelihara keharmonian kaum khasnya di Kelantan dan Kerajaan PAS di Kelantan tidak semestinya bertindak secara paksaan dalam memberi kepuasan golongan ekstrimis PAS dan dalam aspek yang lain mengecewakan rakyat yang setia dan mematuhi kepentingan negara. Sikap Kerajaan PAS di Kelantan sesungguhnya telah menyemaikan bibit-bibit kebencian kaum-kaum yang bukan Islam. Amalan sikap tersebut sangat mengecewakan khasnya masyarakat Cina di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, sesetengah daripada peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan PAS di Kelantan seolah-olah semacam hendak mengadakan benteng menyekat kebebasan rakyat. Sikap PAS yang berdolak-dalik apabila berdepan dengan kaum Tionghua lain sikapnya dan berubah sikap pula apabila berdepan dengan ahli PAS. Ini sikap yang disokong dan sealiran dengan DAP.



Oleh yang demikian, parti DAP kenalah bertanggungjawab terhadap penderitaan yang dihadapi oleh kaum Tionghua di Kelantan dan kepada pemimpin DAP, Lim Kit Siang, beliau tidak boleh menafikan yang beliau adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah penderitaan yang dihadapi oleh semua kaum Tionghua di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan masyarakat Cina keseluruhannya agar mengambil iktibar bahawa apa yang mengecewakan masyarakat di Kelantan tidak dikecewakan di lain-lain negeri sekiranya PAS memegang pemerintahan. Juga di sini saya suka mengemukakan bahawa ada segelintir orang daripada masyarakat Tionghua, lebih kurang dua tiga ekor anjing PAS yang telah mengkhianati kaum Tionghua dengan mengatakan bahawa masyarakat orang bukan Islam di Kelantan telah mendapat upah daripada Kerajaan PAS Kelantan. Baru-baru ini dalam pilihanraya kecil di Jerlun, mereka telah diupah oleh PAS dengan melantik mereka memegang jawatan Penghulu dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Golongan ini telah membohongi masyarakat Cina di DUN kawasan Jerlun menyatakan bahawa orang-orang bukan Islam di Kelantan menerima layanan sempurna daripada Kerajaan PAS. Ini tidak benar dan saya berharap orang-orang seperti yang saya sebutkan sebagai anjing-anjing PAS patut kesal dan jangan terus membohongi lagi masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua, hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang mampu memelihara keharmonian dan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Oleh itu adalah wajar setiap rakyat negara ini tidak mudah terpengaruh dan sentiasa berfikir untuk hidup dalam

sebuah negara yang aman dan makmur. Sebarang sikap yang tersilap langkah akan mengecewakan dan mengakibatkan penyesalan. Seperti kata perpatih, "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna". Oleh yang demikian, saya berpendapat walaupun saya telah mendedahkan keadaan penderitaan masyarakat Tionghua di Kelantan kerana ini adalah tanggungjawab saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara untuk memberi nasihat dan amaran kepada semua masyarakat orang Tionghua keadaan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kaum Tionghua di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menyentuh berkenaan dengan B.52 Kementerian Kerja Raya yang mana peruntukan pembangunan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi tahun hadapan ialah \$11.522 billion untuk perbelanjaan pembangunan dan peningkatan infrastruktur adalah penting selaras dengan pembangunan yang begitu pesat.

Sebagai seorang wakil yang datang dari negeri Melaka, saya suka mengemukakan berkenaan dengan satu masalah yang dihadapi oleh penduduk di Bandar Melaka iaitu berkenaan dengan kesesakan lalulintas dalam bandar Melaka. Oleh yang demikian, Kerajaan Melaka telah mencadangkan pembinaan jalan pantai bagi pembangunan kawasan

pelancongan Bandar Hilir dan untuk mengatasi kesesakan lalulintas di dalam bandar Melaka, satu jalan pantai baru perlu dilaksanakan dengan segera. Cadangan jalan ini adalah dari pantai Bandar Hilir-Tengkeru dan Lorong Pandan. Kami sangat berharap bahawa Kerajaan Pusat akan memberi satu peruntukan yang mencukupi untuk pelaksanaan projek yang tersebut bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas. Juga Kompleks Sukan Negeri Melaka sedang dibina dan Fasa 1 telah disiapkan, gelanggang tenis pun telah siap dan untuk melaksanakan keseluruhan projek Kompleks Sukan Negeri Melaka, ia memerlukan satu peruntukan yang besar. Oleh yang demikian, kami berharap Kerajaan Pusat akan memberikan peruntukan yang mencukupi supaya Kompleks Sukan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Dengan adanya Kompleks Sukan Negeri Melaka ia akan meningkatkan daya jasmani di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, juga di sini saya suka menimbul dan memberikan sedikit penjelasan tentang krisis air yang telah dihadapi oleh negeri Melaka. Saya mohon izin kerana ini satu isu yang telah sedikit sebanyak menjejaskan imej baik negeri Melaka untuk pelaburan. Apa yang telah berlaku...

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta sedikit penjelasan?

**Tuan Ng Peng Hay:** Boleh.

**Tuan Azman Atar bin Otbman:** Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bercakap mengenai masalah Kelantan seolah-olah Yang Berhormat memperjuangkan rakyat Kelantan. Sekarang Yang Berhormat terus ke Melaka pula. Adakah maksud Yang Berhormat memperjuangkan hanya dua buah negeri sahaja, tidak termasuk negeri-negeri lain? Saya hendak tahu sedikit kedudukannya.

**Tuan Ng Peng Hay:** Terima kasih. Sebenarnya bukan memperjuangkan untuk dua buah negeri sahaja. Oleh kerana Ahli Dewan Negara ini tiada kawasan, maknanya kita menjaga 13 buah negeri. Ini penjelasan saya. Apa yang saya timbulkan berkenaan dengan masalah penderitaan yang dihadapi oleh rakyat bukan Islam di Kelantan oleh kerana ini adalah satu isu yang besar yang perlu saya jelaskan dalam Dewan ini kerana ini adalah sebagai satu tanggungjawab seorang Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat Cina yang datang daripada golongan bukan Islam. Saya hendak menasihati dan mengingatkan masyarakat orang Tionghua, "jangan main wayang kulit dengan parti PAS. " Parti PAS ini memang main wayang kulit dengan masyarakat orang Tionghua. Seperti dalam pilihanraya kecil Jerlun dan Serkam, parti PAS apabila menghadapi masyarakat orang Tionghua bercakap lain, apabila menghadapi kaum orang Islam bercakap lain. Jadi mereka bermain wayang kulit. Janganlah terpengaruh dengan parti PAS yang cuba menyekat kebebasan hak asasi rakyat Malaysia.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Boleh saya dapat penjelasan sedikit lagi?

**Tuan Ng Peng Hay:** Boleh.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tadi Yang Berhormat ada menyebut mengenai Parti PAS. Saya mahu tahu dariapda Yang Berhormat, kalau mereka ini benar-benar Islam, sanggupkah mereka menipu-helah kepada pengikut- pengikut mereka, tidak sepertimana yang diamalkan oleh Islam dalam UNNO.

**Tuan Ng Peng Hay:** Oleh itu, saya berharap PAS akan belajar dari parti UMNO untuk memerintah negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan berkenaan dengan masalah krisis air yang dihadapi oleh negeri Melaka. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka dan juga semua rakyat, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membuat lawatan ke Melaka dan meninjau sendiri keadaan sebenar berhubung dengan krisis air yang dihadapi oleh negeri Melaka. Hasil lawatan itu Kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak \$250 juta seperti permohonan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan krisis tersebut. Krisis itu telah menyedarkan Kerajaan Negeri Melaka mengambil langkah-langkah perlu agar bekalan air kepada penduduk Melaka khasnya sentiasa mencukupi. Perlaksanaan projek tersebut yang membabitkan 3 fasa iaitu merangkumi bekalan air bagi meningkatkan lagi sektor perindustrian, pelancongan, perdagangan dan perniagaan serta pertanian, sekurang-kurangnya hingga ke tahun 2005. Fasa pertama telahpun dirasmikan baru-baru ini iaitu Projek Pembinaan Kolam Takungan Air di Bertam yang boleh menampung 562 juta liter air pada satu ketika untuk dipam ke Ampangan Durian Tunggal paling minimum 126 juta liter dipam setiap hari untuk membantu meningkatkan paras air di Empangan Durian Tunggal ke paras 22.5 meter di paras yang mencukupi untuk bekalan air bagi menghadapi sebarang kemungkinan dalam musim kemarau.

Fasa 2, membabitkan pembekalan air sebanyak 108 juta liter sehari dari sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal. Dijangka projek tersebut siap dalam tempoh 24 bulan.

Di bawah Fasa 3, bekalan air dari Gemencih Negeri Sembilan ke Empangan Durian Tunggal sebanyak 108 juta liter juga sehari ada dirancangan, di mana jumlah air tersimpan mampu menghadapi pembangunan pesat menuju ke matlamat Wawasan 2020 tanpa semata-mata bergantung kepada air hujan.

Oleh itu, dengan terlaksananya semua projek bekalan air tersebut dan siapnya lebuh raya ke selatan, Melaka mempunyai pusat pertumbuhan besar antara Kuala Lumpur dan Singapura memandangkan kedudukan yang strategik ssbagai sebuah pusat perindustrian, perdagangan dan pelancongan yang telahpun bergerak ke arah perkembangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Melaka menghadapi krisis air yang memuncak baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun membuat lawatan mengejut ke Melaka. Dengan rasa penuh tanggungjawab, beliau telah mengarahkan bantuan serta-merta sebanyak \$8 juta. Kerajaan Negeri juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas tindakan serta-merta beliau bagi meringankan beban Kerajaan Negeri Malaka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama pada saat-saat krisis air di Melaka, publisiti negatif juga tersebar meluas di beberapa buah negara khususnya di antara Januari dan Mac lalu. Dengan publisiti krisis air sesungguhnya imej negeri Melaka terjejas teruk. Kebimbangan pelabur mengancam kempen galakan pelabur yang ada pada ketika itu sedang rancak dijalankan. Pelancong-pelancong agak merosot akibat publisiti yang sungguh negatif sehingga pelancong-pelancong dari sebuah negara jiran tidak mengarahkan destinasi mereka ke Melaka kerana ditakuti wabak penyakit.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah bagi memulihkan imej negeri Melaka. Walau bagaimanapun, tugas untuk mengembalikan keyakinan kepada pihak-pihak pelabur dan pelancong telah dirancang. Beberapa misi ke luar negara akan dijalankan untuk menjelaskan kedudukan yang telah pulih dan stabil.

Kerajaan Negeri berharap dapat menarik pelabur dan pelancong serta ahli-ahli perniagaan menjalankan kegiatan di negeri ini dan lebih produktif lagi tanpa berasa bimbang dan ragu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini saya berharap semua pihak dapat gambaran yang benar berhubung dengan Negeri Melaka pada masa ini dan segala masalah krisis air telah diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, juga di sini saya suka menimbulkan sedikit-sebanyak berkenaan dengan B.26 Kementerian Pendidikan tentang disiplin sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan dan kelonggaran disiplin di setengah-setengah sekolah menengah di masa ini agak membimbangkan terutamanya masyarakat bandar. Anasir-anasir yang tidak diingini berlaku yang mengakibatkan pelajar-pelajar kita di sekolah menengah. Saya faham bila masalah disiplin ditimbulkan, maka berlakulah tuduhan dan anggapan yang sumbang di antara ibu bapa, pihak sekolah dan seterusnya Jabatan Pendidikan Negeri. Tetapi masalah yang dihadapi tidak juga selesai. Ada kalanya tindakan diambil apabila keadaan telah berlaku.

Seperti baru-baru ini beberapa kejadian yang agak serius telah berlaku berhubung dengan penglibatan pelajar dengan kongsi gelap di mana seorang pelajar Tingkatan 2 telah meninggal dunia di negeri Melaka. Begitu juga beberapa kejadian peras ugut di kalangan pelajar. Dan saya rasa yang paling serius ialah kegiatan memaksa pelajar menjadi pelacur. Ini adalah benar kerana ia berlaku di dalam bandar Melaka. Juga ponteng sekolah dan kegiatan bermain video game berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya tindakan disiplin yang dilaksanakan hendaklah consistent, dengan izin. Dalam pemerhatian saya, saya kerap berhadapan dengan insiden-insiden seperti yang dijelaskan itu berlaku mengikut masa-masa yang tertentu. Sebagai contoh ialah musim-musim di akhir penggal persekolahan di mana peperiksaan atau ujian-ujian dijalankan. Pada masa-masa tersebut jadual persekolahan berubah. Ada murid yang balik awal dan



berperingkat-peringkat meninggalkan kawasan sekolah. Pada masa-masa beginilah keadaan pelajar berkeliaran tidak terus balik ke rumah. Begitu juga di awal tahun persekolahan di mana pelajar-pelajar dibekalkan dengan wang yang agak banyak untuk menyelesaikan bayaran yuran dan lain-lain. Di sinilah selalunya berlaku kegiatan peras ugut. Bagi pelajar-pelajar yang telah menghabiskan peperiksaan UPSR atau SRP, keadaannya lagi membimbangkan. Mereka meninggalkan rumah untuk ke sekolah tetapi betulkah mereka hadir ke sekolah atau hadir kemudian menghilangkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan awal tadi, kita tidak perlu membuat kesimpulan siapa yang patut dipertanggungjawabkan dalam masalah ini. Tetapi apa yang penting ialah kita mencari pencegahan yang sesuai mengikut peranan masing-masing. Bagi saya, saya ingin mencadangkan agar unit yang mengawasi hal-ehwal pelajar di Jabatan Pendidikan Negeri bekerjasama dengan Unit Pencegahan Jenayah Polis DiRaja Malaysia menjalankan satu kajian di sekolah-sekolah menengah yang agak begitu terdedah dalam hal-hal yang tidak diingini. Sama ada perlu mengadakan satu pasukan petugas, kemungkinan telah ada beberapa perancangan yang telah diatur, tetapi apa yang saya fikirkan perlu ialah kekerapan tindakan yang dijalankan agar ianya sentiasa bergerak, tidak hanya bertindak apabila laporan diterima.

Sebenarnya apa yang saya difahamkan, pihak Polis sendiri telahpun mengenal pasti sekolah-sekolah dan kawasan yang disenaraikan sebagai kawasan yang hitam. Syabas diucapkan kepada pihak Polis dan saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan terhadap apa yang saya telah sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka timbulkan sedikit masalah di bawah B.49 berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Apa yang saya mendapat maklum-balas dan aduan daripada orang ramai ataupun setengah-setengah pemilik tanah iaitu Tenaga Nasional yang telah meminta kebenaran laluan rightway, dengan izin, bagi laluan talian elektrik dan pihak Tenaga Nasional hanya membayar ganti rugi terhadap tanaman-tanaman yang telah dimusnahkan apabila talian elektrik melalui satu-satu kawasan. Tetapi tuan punya tanah tidak mendapat pampasan ataupun gantirugi. Selalunya pemilik-pemilik tanah itu terpaksa menanggung kerugian yang begitu besar. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan, kerana bekalan elektrik telah diswastakan melalui Tenaga Nasional, maka haruslah Tenaga Nasional apabila suatu talian elektrik melalui sesuatu kawasan, patut membayar pampasan dan ganti rugi kepada tuan-tuan tanah yang telah diambil untuk laluan talian elektrik.

Juga saya suka menimbulkan sedikit masalah yang dihadapi di bandar Melaka baru-baru ini di mana Kerajaan Negeri telah membesarkan jalan dan membina jambatan di Jalan Malim Cheng yang mana pihak Telekom diminta memindahkan kabel Telekom yang sedia ada di tengah-tengah jalan, tetapi pihak Telekom telah meminta Kerajaan Negeri membayar kos pemindahan. Saya berpendapat walaupun Telekom sekarang telah diswastakan, pihak Telekom harus mengadakan sedikit tanggungjawab sosial bukan kerana apabila Telekom diswastakan hanya semata-mata mencari keuntungan untuk Syarikat Telekom. Pembangunan sesuatu kawasan di mana projek pembesaran jalan dan projek pembinaan jambatan adalah untuk kepentingan masyarakat umum, maka Telekom harus menanggung kos pemindahan kabel-kabel yang diperlukan dan saya berharap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan bertindak seperti yang saya sebutkan tadi terhadap Tenaga Nasional dan pihak Telekom.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah B.45 Kementerian Sumber Manusia, di sini saya suka menimbulkan sedikit berkenaan dengan levi ke atas pekerja-pekerja asing. Memang kami sokong tentang levi yang dikenakan ke atas pekerja-pekerja asing sebagai langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan perladangan dan Kerajaan telah mengumumkanya baru-baru ini tentang dasar mengenai pengambilan pekerja-pekerja asing ke negara **ini**. Untuk mengelakkan majikan

terlalu bergantung kepada pekerja-pekerja asing, Kerajaan telah mencadangkan untuk mengenakan levi di antara \$360 sehingga \$2400 setahun ke atas setiap pekerja asing. Kami menyokong penuh atas cadangan ini kerana pada masa sekarang, disebabkan oleh pembangunan di sektor pembuatan, maka kilang-kilang telah menghadapi masalah kekurangan pekerja.

Apa yang saya difahamkan, salah satu daripada sebab kekurangan pekerja di sektor perkilangan ialah kerana sikap pemuda-pemudi generasi baru, di mana pemuda-pemudi tidak ada minat untuk bekerja di sektor perkilangan dan lepasan sekolah pun enggan berkhidmat di dalam kilang dan sesetengah lepasan sekolah apabila diberi peluang untuk temuduga bagi memohon jawatan di kilang, apa yang kebanyakan mereka memohon ialah jawatan perkeranian. Tidak ada pemuda-pemudi yang berminat bekerja sebagai operator di dalam kilang dan juga di dalam temuduga yang pernah saya anjurkan, ada sesetengah pemohon apabila datang menghadapi sesuatu temuduga untuk penuhonan sesuatu jawatan di kilang, bukan pihak kilang yang membuat temuduga, tetapi mereka yang bertanya dengan berbagai-bagai soalan terhadap kilang, sama ada kilang-kilang ini di dalam keadaan yang berhawa dingin ataupun adakah kilang memberi pakaian seragam ataupun adakah kilang ini memberi cuti dan kebanyakan mereka tidak berminat bekerja shift.

Oleh itu, selain daripada kita akan mengimpor pekerja asing, saya berharap Kerajaan dan Kementerian-kementerian yang berkenaan, sama ada Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Sumber Manusia, harus mengadakan satu kempen ataupun satu kursus menukar sikap pemuda dan pemudi supaya mereka lebih faham keadaan di dalam kilang dan pekerjaan sebagai seorang operator di kilang. Apa yang saya difahamkan, di setengah-setengah negara asing, seseorang yang bekerja sebagai operator di kilang dan dengan pengalaman yang mereka ada, maka mereka akan meningkat sebagai penyelia, technician, jurutera dan terus menjadi seorang pelabur. Jadi, saya berharap Kementerian-Kementerian berkenaan akan mengadakan satu kursus ataupun mengadakan kempen untuk menukar sikap yang ada di kalangan pemuda-pemudi.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang juga sedang dihadapi oleh pekilang-pekilang di negara kita ialah kekurangan pekerja-pekerja mahir dan pekerja-pekerja separuh mahir. Walaupun Kerajaan kita telah melaksanakan dan menjalankan kursus-kursus dan latihan-latihan melalui institusi-institusi yang berkenaan untuk program latihan pekerja-pekerja mahir, tetapi ini akan memakan masa yang begitu panjang. Jadi, untuk jangka pendek kita bersetuju dengan cadangan supaya pekerja-pekerja asing yang mahir dibenarkan untuk masuk ke negara kita untuk berkhidmat di kilang-kilang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga suka menimbulkan bahawa Kementerian Sumber Manusia harus mengadakan penyelarasan di antara semua institut-institut pusat latihan untuk pekerja-pekerja mahir, kerana saya difahamkan cuma di Pulau Pinang yang mengadakan satu skills development centre, dengan izin, ataupun, satu pusat pembangunan kemahiran di peringkat negeri Pulau Pinang dan di Melaka, kami juga melaksanakan bersama, daripada apa yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Pulau Pinang, iaitu mewujudkan satu Pusat Pembangunan Kemahiran ataupun, dengan izin, Melaka Industrial Skills Development Centre dan saya berharap Kementerian Sumber Manusia akan memainkan peranan menyelaraskan pembangunan pusat ini supaya ia akan dapat menyelaraskan semua pusat-pusat latihan kemahiran ini, baik daripada Kerajaan, mahupun daripada pihak swasta supaya ia dapat melatih lebih ramai pekerja-pekerja mahir untuk jangka panjang, kerana mengimport pekerja-pekerja asing hanyalah mengatasi masalah untuk jangka pendek dan sebagai seorang rakyat Malaysia, kita tidak mahu peluang keemasan untuk bekerja di kilang dirampas oleh pekerja-pekerja asing. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, untuk masa jangka pendek, maka kami sokong.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin timbulkan, memandangkan perkara ini amat penting, iaitu berkenaan dengan B.14 yang ada kaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Memandangkan Kerajaan kita sedang begitu aktif dan menggalakkan

kawasan-kawasan perindustrian dibangunkan, dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian biasanya dianjurkan ataupun dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing dan ada setengah-setengah kawaaan perindustrian juga dibangunkan oleh pihak swasta. Jadi, dengan mengadakan kawasan perindustrian ini adalah bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai pelabur asing dan pelabur tempatan untuk mendirikan kilang-kilang bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini, dan apabila kawasan-kawasan perindustrian dibangunkan, maka infrastruktur pun disediakan. Apa yang saya suka menimbulkan di sini ialah berkenaan dengan masalah penyelenggaraan kawasan-kawasan perindustrian yang saya perhatikan baru-baru ini kebanyakan kawasan-kawasan perindustrian dalam keadaan kotor, semak-samun dan membiarkan tumbuh semak dan sampah sarap berlonggok. Saya juga memerhatikan bahawa di setengah-setengah kawasan perindustrian keadaan air longkangnya bertakung dan jalan berlubang.

Saya berharap supaya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bertindak menyelaraskan penyelenggaraan di kawasan-kawasan perindustrian ini. Kerana apa yang saya difahamkan setengah-setengah pihak Kerajaan Tempatan tidak mahu mengambilalih penyelenggaran kawaaan-kawasan perindustrian kerana mereka memberi alasan dan pandangan bahawa ini adalah kawasan-kawasan perindustrian kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri dan juga kawasan perindustrian pihak swasta.

Tetapi apa yang saya harapkan ialah oleh kerana pihak-pihak Kerajaan Tempatan mengutip cukai pintu, mengutip bayaran lesen premis perniagaan, mengutip bayaran lesen stor dan lain-lain, maka dengan pendapatan yang saya sebutkan tadi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus mengarahkan semua Kerajaan Tempatan bertanggungjawab untuk menyelenggarakan semua kawasan-kawasan perindustrian yang ada di dalam negara ini kerana keadaan di satu-satu kawasan perindustrian akan melambangkan imej dan suasana pelaburan di negara ini. Oleh yang demikian, saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bertindak untuk mengadakan dan melaksanakan penyelenggaraan semua kawasan-kawasan perindustrian yang ada.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan saya ucapkan terima kasih. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Tan Gim Hwa.



**4.10 ptg.**

**Datuk Tan Gim Hwa:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Belanjawan 1992 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan Barisan Nasional yang telah membentangkan satu Belanjawan yang bertujuan mencapai satu kadar pertumbuhan ekonomi yang agak tinggi dan pada masa yang sama mengawal inflasi. Objektif yang terkemudian ini adalah penting. Inflasi, jika tidak dikawal, akan menghakiskan tahap pendapatan sebenar terutamanya mereka yang berada di dalam serata pendapatan rendah yang mengalami kenaikan pendapatan pada kadar yang lambat berbanding dengan kenaikan harga. Ini telah mengakibatkan mutu kehidupan mereka terjejas dan justeru itu mendatangkan kesulitan ekonomi yang mendalam kepada mereka. Perniagaan-perniagaan juga berhadapan dengan suasana yang diselubungi dengan kenaikan harga-harga yang menyukarkan perancangan. Dengan menjadikan kawalan inflasi satu keutamaan dalam strategi Belanjawan 1992, Kerajaan Barisan Nasional sekali lagi menunjukkan ia mengambil berat akan kebajikan majoriti rakyat.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada inconsistency dalam langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap pengawalan inflasi. Ini adalah berkaitan dengan

cadangan Syarikat Telekom Malaysia (STM) untuk menaikkan kadar tarif perkhidmatan-perkhidmatan telefon. Sungguhpun STM kini adalah sebuah syarikat swasta, namun sejumlah besar ekuiti syarikat ini adalah dipegang oleh Kerajaan. Oleh itu, sebelum STM menaikkan kadar, ia mesti mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada agensi penyeliaan yang dipanggil Kawalselia atau yang dikenali dahulunya sebagai Jabatan Telekom. Justeru itu, jika kadar ini dinaikkan oleh STM Kerajaan perlu menanggung sebahagian tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat cadangan ini tidak konsisten dan tidak dapat diterima. Tindakan STM adalah tidak konsisten dengan hasrat Kerajaan untuk mengawal inflasi. Pada satu pihak Kerajaan menyeru perniagaan swasta agar tidak menaikkan harga-harga barang dan perkhidmatan, tetapi pada satu pihak yang lain pula ia bercadang dan membenarkan STM menaikkan kadar-kadar tarif telefon. Kenaikan kadar ini akan secara langsungnya membebankan kewangan surirumah yang menganggap perkhidmatan telefon sebagai satu perkhidmatan keperluan.

Perniagaan-perniagaan, terutamanya mereka yang menggunakan perkhidmatan telekomunikasi dengan intensif seperti perkhidmatan kewangan akan mendapati kos mereka meningkat. Kenaikan seperti ini kemudiannya akan dipindahkan kepada pengguna dalam bentuk kenaikan harga dan seterusnya menambahkan inflasi. Saya juga berpendapat tindakan STM itu tidak dapat diterima.

Pada kadar sekarang, STM telah memperolehi keuntungan beratus-ratus riaggit. Oleh itu adalah tidak perlu untuk menaikkan kadar telefon. Sebenarnya Kawalselia seharusnya menimbang dengan secara seriusnya mendesak STM menurunkan kadarnya. Ini akan menurunkan kos menjalankan perniagaan, menurunkan beban kewangan surirumah dan menambahkan keyakinan orang ramai bahawa penswastaan sebenarnya meningkatkan keberkesanan agensi-agensi Kerajaan seperti

seperti telekomunikasi. Sebaliknya jika kadar kenaikan ini diterima, keyakinan orang ramai terhadap keupayaan Badan-badan Berkanun untuk meningkatkan keberkesanan mereka selepas penswastaan akan terhakis. Ini akan mengurangkan sokongan orang ramai terhadap penswastaan yang akan terus menjadi teras utama strategi pembangunan masa depan Karajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia adalah berorientasikan kepada eksport. Dalam usaha untuk mengekalkan kenaikan pendapatan serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, Malaysia mesti berupaya menjual lebih banyak barangan kepada pasaran dunia. Tetapi ekonomi dunia makin bertambah persaingannya. Persaingan untuk mendapatkan pasaran dunia makin meningkat untuk barangan-barangan dari negara-negara jiran dalam ASEAN. Kini pula wujudnya persaingan untuk modal kewangan antarabangsa dengan ekonomi-ekonomi besar seperti China dan India, dengan disertai oleh hampir keseluruhan blok Eropah Timur bagi mendapatkan pelaburan asing terus. Oleh itu negara-negara ini bukan sahaja mahu mendapatkan modal asing daripada negara-negara maju dan negara-negara industri baru, malah mereka juga mahukan pasaran mereka. Justeru itu, ekonomi antarabangsa menjadi lebih bersaing. Dengan senario begini, persoalan untuk meningkatkan kebersaingan industri Malaysia menjadi satu perkara penting terutamanya jika kita mahu mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi untuk ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan daya persaingan industri Malaysia satu langkah penting yang perlu dilaksanakan ialah perkembangan bekalan modal manusia. Peningkatan untuk peluang pendidikan bagi tiga peringkat pendidikan adalah diperlukan. Ia hanya mencukupi bagi tahap awal perindustrian di mana permintaan

kemahiran adalah secara perbandingannya mudah dan tidak kompleks. Saya ingin mengemukakan di sini bahawa mengikut Rancangan Malaysia Keenam peluang pendidikan menengah bagi Malaysia ialah cuma 59% berbanding dengan 74% di Hong Kong dalam tahun 1990, sungguhpun kedua-dua buah negeri ini mempunyai kadar peluang yang sama dalam tahun 1965. Peluang pendidikan tinggi di Malaysia juga merupakan yang rendah untuk golongan yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 24 tahun jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa Malaysia perlu meningkatkan usaha-usahanya untuk terus mendemokrasikan peluang-peluang pendidikan formal di peringkat menengah serta lebih khususnya di peringkat tinggi. Bagi mencapai usaha ini, langkah-langkah penghapusan kemiskinan mestilah ditingkatkan. Ini adalah kerana kemiskinan yang menyelubungi penduduk-penduduk di kawasan pedalaman luar bandar, khasnya di Malaysia Timur, estet-estet dan perkampungan baru telah dikenalpasti sebagai sebab utama yang mengakibatkan kadar keciciran yang tinggi di peringkat menengah.

Langkah-langkah dahulu yang bertujuan menghapuskan kemiskinan mestilah dilengkapi dengan pembekalan buku-buku teks, biasiswa dan juga makanan kepada mereka yang memerlukannya tanpa mengambilkira latar belakang etnik, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Di peringkat tinggi, masalahnya terletak kepada pihak penawaran. Di peringkat ini, keupayaan penawaran peluang-peluang pendidikan tertinggi perlu dipertingkatkan dengan segera.

Saya berasa gembira kerana Kerajaan telah menyedari kepentingan ini dan telah membenarkan penyertaan yang lebih besar daripada sektor swasta dalam menyediakan pendidikan tinggi. Saya menyokong langkah Kerajaan ini. Saya berharap Kerajaan akan terus dengan usaha ini dengan meliberalisasikan pendidikan swasta agar peluang pendidikan tinggi dapat ditingkatkan. Ini seterusnya akan

memastikan sumber tenaga manusia yang berpendidikan dapat ditingkatkan beberapa kali ganda. Walau bagaimanapun, sebelum Kementerian Pendidikan memberi kebenaran, mereka mestilah memastikan hanya kursus-kursus yang berkaitan dengan keperluan pembangunan negara serta yang bermutu ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sikap liberal yang mesti ditunjukkan oleh Kerajaan terhadap pembukaan institusi-institusi pendidikan tinggi dan latihan oleh sektor swasta, Kerajaan sendiri perlu juga menimbang dengan seriusnya penubuhan satu universiti terbuka. Pembukaan universiti terbuka merupakan satu cara yang berkesan untuk menyelesaikan masalah kekurangan mereka yang berpendidikan baik dan sumber tenaga yang berkemahiran dalam negara ini. Pada masa yang sama, penawaran-penawaran peluang pendidikan tinggi menerusi universiti terbuka dapat dilakukan pada kos yang rendah. Penukaran wang asing yang besar juga dapat dijimatkan. Satu universiti terbuka merupakan alat yang paling murah untuk mendemokrasikan lagi sistem pendidikan tinggi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai betapa pentingnya untuk mengekal serta meningkatkan mutu matematik dan sains di semua peringkat dalam sistem pendidikan negara kita. Saya ingin melahirkan kebimbangan terhadap pengurangan kurikulum matematik di peringkat rendah dan menengah di bawah KBSR dan KBSM. Saya juga berasa kurang senang bahawa sains tidak lagi ditawarkan sebagai satu matapelajaran berasingan di peringkat rendah atas. Ini bermakna bahawa selepas pendidikan rendah enam tahun, pengenalan

murid-murid Malaysia kepada kemahiran matematik dan sains tentu telah dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan mutu matematik dan sains di semua peringkat perlu dilakukan dengan segera. Jika tidak, keupayaan menyerap kemahiran teknologi masa depan Malaysia akan dikurangkan dan mungkin tidak cukup tinggi bagi penubuhan lebih banyak industri yang berintensifkan pengetahuan dan kemahiran yang sofistikated.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada yang tersebut di atas, saya ingin menunjukkan satu lagi kelemahan di dalam sistem pendidikan negara ini. Saya merujuk kepada corak peruntukan semasa kepada sekolah rendah dari aliran yang berlainan. Pada masa ini geran-geran yang diberikan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan adalah lebih kurang daripada yang diberikan kepada sekolah-sekolah kebangsaan walaupun keadaan fizikal kebanyakan sekolah-sekolah jenis kebangsaan adalah amat buruk dan mempunyai kemudahan yang tidak mencukupi.

Saya menyeru Kerajaan agar menambahkan peruntukan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan, terutamanya yang terletak di perkampungan-perkampungan baru dan ladang-ladang supaya jurang perbezaan yang wujud di antara mereka dengan sekolah-sekolah kebangsaan dapat dirapatkan. Ini adalah satu cara untuk memajukan taraf pendidikan di kalangan sekolah-sekolah ini dan justeru itu memperkembangkan bekalan sumber manusia yang berkualiti tinggi untuk menemui sektor industri yang kian bertambah besar di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada cadangan Belanjawan 1992 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan ini ialah mengenakan 5% cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan profesional. Saya tidak bersetuju dengan cadangan ini. Ini adalah kerana pengguna-pengguna perkhidmatan profesional bukan lagi berasal dari kumpulan yang berpendapatan tinggi, tetapi kebanyakan daripada mereka yang berpendapatan rendah, misalnya penjaja-penjaja dan pengusaha-pengusaha industri kecil. Pengenaan 5% cukai perkhidmatan ini akan dipindahkan kepada pengguna-pengguna, termauk mereka dari golongan berpendapatan rendah. Ini akan membebaskan lagi mereka.

Berkenaan dengan garis pemisah pulangan modal \$300,000, saya ingin mengatakan bahawa sebilangan besar firma-firma profesional memperolehi pulangan modal tahunan yang melebihi \$300,000. Ini bermakna skop cukai perkhidmatan 5% ini adalah amat luas. Maka saya menganggap bahawa cukai ini akan menambahkan lagi beban penduduk daripada berbagai lapisan. Untuk memperbaiki keadaan ini, saya ingin menyeru Kerajaan untuk membatalkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1992 telah mencadangkan pemansuhan cukai estet. Saya menyokong cadangan Belanjawan Kerajaan ini. Ini adalah satu tindakan yang diambil pada masa yang tepat, kerana dengan pemansuhan cukai ini pewaris-pewaris akan dapat mewarisi sesuatu harta dengan segera tanpa berhadapan dengan halangan-halangan birokratik. Umpamanya, sebelum pemansuhan cukai ini pewaris-pewaris yang mewarisi sesuatu harta terpaksa menunggu



untuk jangka masa yang panjang. Sementara menunggu Unit Penilaian menilai harta yang berkeajaan, lazimnya nilai ini tertakluk kepada pertelingkahan di antara Unit Penilaian dengan pihak-pihak yang berkaitan, Oleh itu, sebelum pemansuhan cukai ini, pewaris-pewaris yang mewarisi harta terpaksa bersabar dengan langkah-langkah birokratik yang memakan masa. Dengan pemansuhan cukai ini, pihak berkeajaan akan terlepas daripada kesulitan-kesulitan birokratik untuk mewarisi harta. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas pemansuhan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan kepada pihak Kerajaan Tempatan. Saya berharap Kerajaan Pusat dapat menambahkan peruntukan-peruntukan ini kerana dengan penambahan ini barulah pihak Kerajaan Tempatan dapat meninggikan keupayaan kewangan dan mempertingkatkan perkhidmatan mereka kepada pihak awam. Seperti yang kita ketahui, kebanyakan pihak Kerajaan Tempatan terpaksa melayani penduduk-penduduk yang kian bertambah. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada mereka tidak selaras dengan beban yang kian bertambah. Ini telah menyebabkan pendorongan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh mereka. Ini seterusnya menjejaskan kebajikan, ekonomi dan sosial serta taraf kehidupan penduduk-penduduk dikebanyakan pihak Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki keadaan ini, peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Tempatan mestilah dipertingkatkan. Saya menyokong penuh cadangan ini dan berharap peruntukan-peruntukan tambahan ini dapat digunakan dengan produktif untuk tujuan memajukan taraf kehidupan penduduk-penduduk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, seperti kita sedia maklum, pentadbir-pentadbir adalah ejen-ejen yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan semua dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan .Tanggung-

jawab ini amatlah berat dan mustahak, dan mesti dilaksanakan dengan keikhlasan, kejujuran dan berkesanan, sungguhpun tanggungjawab ini telah dipikul dengan penuh dedikasi dan berkesanan oleh pegawai-pegawai Kerajaan kita pada masa dahulu. Namun masih terdapat lagi rungutan-rungutan terhadap penyelewengan dan kekurangan keberkesanan dalam pelaksanaan dasar-dasar pembangunan, terutamanya di peringkat daerah dalam sistem pentadbiran negara.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya ingin merayu kepada Kerajaan untuk meneruskan usaha-usahanya bagi meningkatkan produktiviti semua agensi dan mengambil tindakan tegas terhadap pegawai-pegawai yang didapati salah atas penyelewengan. Ini akan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pegawai-pegawai Kerajaan. Dengan keyakinan dan pemahaman yang lebih baik, pegawai-pegawai Kerajaan dan orang ramai akan dapat berusaha dan bekerjasama untuk membangunkan negara kita ke arah mencapai Wawaaan 2020.

Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Adam bin Kadir:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai betul Ahli yang hendak bercakap. Kalau diberi peluang nanti, kita harap meringkaskan sedikitlah dalam 15 minit. Jadi, saya jemput Puan Ainon binti Ariffin.

4.34 ptg.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain bagi menyokong, kemudiannya membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang juga boleh diistilahkan sebagai satu pembentangan Belanjawan 1992. Sesungguhnya saya berasa bersyukur dan menyokong penuh serta ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan negara kita beserta dengan Timbalan Menteri-Timbalan Menterinya, Setiausaha Parlimennya, pegawai-pegawainya, termasuk yang tinggi dan yang pertengahan yang telah menyediakan Belanjawan yang saya rasa begitu lengkap dan penuh dengan kesedaran yang mendalam bagi mempertingkatkan, ekonomi negara di samping menjaga hak rakyat dan ingin memberikan pertambahan ekonomi yang lebih baik kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Belanjawan ini mempunyai empat strategi yang rasanya memberikan kelegaan kepada semua pihak kecuali (1) dan (2) bab yang saya akan sebut dan yang sudah juga disebut oleh kawan-kawan saya tadi.

- (1) Strategi merupakan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan harga yang stabil. Ini amat disenangi oleh seluruh rakyat jelata;

- (2) Kemudian mengukuhkan irimbangan pembayaran. Satu lagi kelegaan kepada kakitangan Kerajaan dan juga kepada mereka yang bekerja dengan Kerajaan;
- (3) Memupuk sikap cermat dan berhemat bagi menggalakkan tabungan sangat baik. Dengan ini, projek-projek mewah yang sekadar untuk bermegah-megahan dan yang hanya memberikan keuntungan kepada segelintir kumpulan dapat diselaraskan dan dikendalikan atau yang mana-mana tidak sesuai itu dihapuskan. Kerana ini mungkin bukan sahaja boleh memudaratkan kepada perekonomian tetapi juga boleh menimbulkan satu kasta yang berbentuk ningrat di dalam negara kita ini; dan
- (4) Mengukuh ketahanan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengukuhkan ketahanan ekonomi negara ini, nampaknya Menteri Kewangan sudah nampak 20-30 tahun akan datang ekonomi kita. Umpamanya di dalam pembentangan itu menyebut Kerajaan meramalkan kadar pertumbuhan purata ekonomi yang sederhana, iaitu sebanyak 7.5% bagi tempoh 1991-1995.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dipandang ianya daripada perkembangan perekonomian negara seluruh dunia, khasnya negara yang membangun, kita mencapai satu pencapaian yang baik dan tinggi dan yang boleh menjadi contoh teladan kepada negara-negara membangun

yang lain untuk mencontohinya cara-cara kita memerintah. Cara-cara kita mengendalikan perekonomian negara dan maruah negara. Ini adalah kerja Barisan Nasional. Dan bagi rakyat, saya percaya oleh kerana keputusan pilihanraya kecil yang baru sahaja diadakan di Serkam dan di Jerlun walaupun ada bermacam-macam tipu muslihat daripada Pembangkang, kita menang. Rakyat pun sedar perkara ini. Rakyat pun tahu perkara ini dan dia tahu BN boleh membawa negaranya ke mercu kecemerlangan, dan akan sentiasa dapat menjaga kepentingan rakyat jelatanya.

Dalam pembentangan itu juga menyebut, saya kena sebut latarnya dahulu, Tuan Yang di-pertua, sebab apabila kita hendak menyentuh sesuatu itu, kita berilah latarnya dahulu. Tandanya kita memahami sebenar-benarnya pembentangan Belanjawan itu.

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bertambah baik selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, akaun semasa Kerajaan Persekutuan yang mencatatkan defisit dalam tahun 1986 dan 1987 telah kembali menunjukkan lebihan sejak tahun 1988. Nisbah khidmat hutang telah berkurangan daripada 7% dalam tahun 1986 kepada 3.5% dalam tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, empat tahun kita boleh selesaikan hutang kita dengan begitu cepat daripada 7%, tinggal 3.5% wahai rakyat jelata apabila ada pilihanraya kecil atau pilihanraya umum, undilah BN, kerana tengok berapa cekapnya Kerajaan yang memerintah dan yang menjaga kepentingan negara dan ekonomi negara. Dukacitalah Kelantan!

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara **ini**, sekarang saya akan beransur untuk menyentuh mengenai perbekalan ataupun Belanjawan yang dipertentukan kepada Kementerian-kementerian. Sahabat saya tadi, bila saya bangun sahaja, ah! itu cakap panjanglah itu. Insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan peluang kepada kawan-kawan. Kita tidak boleh monopoli tetapi sebelum ini sahabat saya bercakap macam-macam keluar. Benda-benda yang tidak berkaitan pun keluar berjela-jela. Nampaknya President kita diam sahaja tetapi hari ini kita ditegur supaya menjaminkan masa. Saya harap sahabat-sahabat kita yang akan datang apabila bercakap, kita juga kena ingat tentang masa, kecualilah kalau diberitahu masanya berjela-jela. Kita boleh bercakap berjela-jela.

Tuan Yang di-pertua, saya menyentuh perkara pertama dahulu dalam Belanjawan ini di mana Menteri Kewangan. negara kita ini memberikan perhatian yang berat, hebat dan meletakkan di tahap yang kena dan tepat kepada kaum wanita - jantina saya.

Di dalam perkara itu beliau menyebutkan Program Pembangunan Wanita yang berbunyi: "Kaum wanita juga telah memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan negara". Diakui. Adakah pengakuan itu sepenuh-penuhnya dilaksanakan?

Bahkan alam profesion tertentu seperti perguruan dan jururawat - ramai Wakil-wakil Rakyat kahwin jururawat pun ada. Negara adalah bergantung kepada sumbangan kaum wanita. Kerajaan ingin meluaskan penyertaan mereka. Pusat Sumber Maklumat Wanita bagi merancang program latihan kemahiran teknikal, pengurusan dan keusahawanan akan ditubuhkan. Syabas, terima kasih, alhamdulillah, syukur, tetapi tolong laksanakan dengan sepenuh-penuhnya. Itu sahaja pesanan saya, kerana setiap kalilah kami ini diberikan janji-janji yang begitu lunak sama ada berbentuk Kerajaan 100%, apatah lagi dalam parti.

Jadi, kita tidak menafikan wanita di Malaysia telah diberikan tempat yang begitu baik kalau dibandingkan dengan wanita-wanita di negara membangun yang lain. Tetapi kalau dalam negara ASEAN sendiri, wanita di Malaysia perlu dipertingkatkan lagi. Kalau kita bandingkan dengan Indonesia maka didapati kita masih ada peratusan yang kurang dari segi sumbangan wanita di dalam korporat atau juga di dalam sektor-sektor awam yang lain. Bukan tidak ada yang bijak - ada diskriminasi.



Kerajaan kata beri wanita itu bagus, sudah ada profesional, sudah cukup, sudah ada kelayakannya tetapi bila dia pergi interview, yang menginterview itu tidak mahu melaksanakan dasar Kerajaan **ini**. Dasar ada - cukup, saya sangat tahu. Perdana Menteri, Timbalannya, Menteri-menterinya, Menteri Kewangan semuanya memang **minta** perkara **itu**. Memang mengakui **itu**. Menteri Kewangan kita ini orang warak, tetapi warak dia warak Islamlah. Minta maaf, warak orang PAS ada lain sedikit. Sahabat saya di sebelah ini orang PAS - oh! 46, minta maaf. 46 dengan PAS ini dia sudah joint, dia sudah kahwin. Jadi, diapun fahamlah bahawa warak di dalam UMNO atau di dalam BN adalah warak yang diamalkan oleh Rasulullah dan yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Jadi, tidak ada anti itu, anti ini.

Makanya penyertaan wanita-wanita ini apabila diinterview sahaja, ada sentimen, Pengerusi atau ahli-ahli yang menginterview - dia ini wanita, dia ini wanita. Ini yang ada di dalam kepala dia. Walaupun cukup semua, tetapi cari jalan macam mana hendak mengelakkan dia ini supaya dia tidak dapat jawatan itu.

Umpamanya macam Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Pengarah, Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah atau Profesor Madya - dalam inipun ada diskriminasi. Saya tahu ada yang memberi Profesor Madya melalui tesis tertentu, segala tertentu, ada sahaja cacat-cacat celanya. Jangan banyak Profesor Madya wanita **ini**, kacau sahaja. Macam itulah agaknya fikiran dia. Kalau tidak bagaimana benda itu tidak terbit, tidak mengikut.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, yang tukang interview itu lelaki atau perempuan?

**Puan Ainon binti Ariffin:** Lelaki! Kalau perempuan dapat semua. Kebanyakannya yang interview itu orang lelaki. Tidak seorangpun perempuan. Saya pun memahami dan mengikuti juga, Kalau adapun dalam mana-mana satu Kementerian atau JPA ini adalah seorang wanita, itupun wanita itu bukan yang bertaraf tinggi, barangkali pertengahan dan dia sangat takut dengan Pengerusi itu, tidak angkat suara, diam sahaja. Bila giliran dia bertanya, menggeletar suaranya. Wanita macam ini tidak pakai. Dia mahu wanita macam kami-kami ini. Begitu yang bagusnyanya. Jadi, letaklah kami di dalam Lembaga-lembaga itu. Tahulah kami untuk mengisikan dasar Kerajaan dari segi penyertaan sumbangan wanita ini.

Umpamanya macam jururawat, bukan tidak ada pemohonan. Saya pun hairan juga kita kekurangan jururawat. Bila kita tanya Menteri Kesihatan, Timbalannya atau Setiausaha Parlimennya kata kita sedang melatih jururawat-jururawat, kita sedang melatih dan berbagai-bagai lagi. Jadi, sebenarnya ramai memohon tetapi entah macam mana tidak lulus. Interview punya teruk, soalan berbelit-belit, berbagai-

bagai, kemudian tidak lulus, Ada pula yang sudah lulus, bila sampai kepada medical check-up pun ada juga yang tidak lulus.

Saya menyarankan supaya longgarkan sedikit interview ini sebab interview ini satu penentuan sahaja. Sudah ditengok dia itu, kelulusannya ada, dia punya personaliti pun okay, tidak cacat, tidak ada AIDS, tidak ada dadah, berilah dia peluang. Sebab kita hendak latih dia, bukan hendak terus-terus letak di kerusinya sahaja. Ini benda masuk latihanlah, kecuali lain-lain jawatan tinggi - itu perlu dengan pengalaman tetapi yang ini cuma hendak latih. Kemudian kita sibuk tidak cukup. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah pesanan saya.

Satu persatu saya hendak menyentuh kepada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian-kementerian kerana Kementerian dapat peruntukan. Jadi, saya percaya ada yang dapat peruntukan lebih daripada tahun lalu, ada yang dapat kurang. Kepada yang lebih ini berhati-hatilah berbelanja dan dengarlah pandangan-pandangan kami ini. Sahabat-sahabat saya tadi telah membangkitkan banyak perkara dan banyak yang baik-baik terutamanya daripada Melaka. Banyak saya punya point dia telah keluarkan tadi. Jadi tidak apalah, dia keluarkan itu, saya tambah-tambahlah sedikit. Saya sokong apa yang disebutkannya tadi terutama mengenai disiplin di sekolah-sekolah dan mengenai penukaran sikap yang disebutkannya tadi.

Tuan. Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh sedikit iaitu Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri, banyak dapatnya \$48 juta hampir-hampir \$483 juta. Saya hendak sentuh hanya dua perkara di Jabatan Perdana Menteri kerana di sinilah segala-gala punca untuk hendak mengendalikan banyak perkara terutamanya perkara yang direct dengan Kementerian ini.

Satu daripadanya ialah mengenai perancangan bandar untuk Wilayah Persekutuan sebab ini datangnya terus di bawah Jabatan Perdana Menteri dan walaupun ada Jabatan Kemajuan Wilayah tetapi ianya di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak menyebut perkara ini ialah macam manalah agaknya ikhtiar yang dibuat, manalah dia pakar-pakar kita yang Master, yang Ph.D dalam perancangan bandar hendak mengurangi masalah traffic jam di Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dari rumah saya di Lembah Keramat, kalau hendak datang ke Parltmen ini, kalau di sebelah pagi hendak sampai di sini pukul 8.30 pagi, saya kena bertolak pukul 5.45, belum ada Subuh - sembahyang Subuh pukul 6.00. Lewat sahaja 10 minit, saya akan jam di jalan 1 jam 15 minit. Bayangkan itu, pada hal kalau tidak ada jam, saya boleh sampai dalam masa 10 minit sahaja.

Maka begitu juga keadaannya di sebelah Cheras, Setapak atau Jalan Duta. Saya pua hairan, macam-macam sudah dibuat tetapi tidak

juga terlaksana. Sekarang hendak dibuat monorel - belum lagi berjaya. Kalau ada monorel besok, adakah traffic jam ini lega? Saya rasa tidak sebab yang menggunakan monorel itu tidak ramai, lebih kurang satu hari dalam 1,000 orang sahaja. Yang ada kereta dia mesti menggunakan kereta juga. Dia tidak mahu naik monorel, sekali-sekala mahulah untuk bawa anak-anak, macam mana rasa naik monorel. Selepas daripada itu dia tetap naik kereta juga, maka jam tidak selesai .

Saya fiki-fikir sebab saya ini bukan perancang bandar tetapi perancang juga dalam hal-hal ini, ada ilmu perancang sendiri, sama ada ianya sesuai atau tidak, dipertimbangkanlah oleh orang-orang yang ikhlas, yang tidak ikhlas semuanya tidak pakai. Sebab dia kata dia profesional, dia lagi pandai. Kita tidak boleh tegur apa yang dia buat, semuanya bagus.

Kenapalah perancangan dalam Wilayah Persekutuan ini selepas daripada tahun 1986, dahulu ada pelan induk telah dibuat tetapi tidak dijalankan. Kita dapati makin hari makin banyak kompleks perumahan dibuat di dalam bandar. Kompleks membeli-belah dibuat di dalam bandar, kondominium dibuat di tepi-tepi jalan besar.

Semalam sahabat saya, Hajah Salbiah pun ada menyebut sepintas lalu. Di jalan-jalan besar itu, di Jalan Conlay dekat sebelah rumah Yang Berhormat Annuar Musa, ada sebuah kondominium yang saya rasa tidak berapa sesuai dibuat rancangan perumahan di situ kerana ia berdekatan dengan bandar, hotel dan lain-lain. Ini menyebabkan lagi traffic jam. Kenapa tidak dibuat kondominium ini nun di Salak South sana, dekat bukit Sungai Besi atau dekat Cheras Dalam, dekat Bukit Antarabangsa umpamanya dibuat dekat sana, ada juga dibuat kondominium, bukan tidak ada. Tetapi dialihkan kondominium ini, kompleks membeli-belah, atau pejabat-pejabat ini daripada persekitaran yang ada. Kalau makin lama makin tambah makin banyaklah kereta, makin banyaklah kenderaan, makin jamlah dia.

Umpamanya macam Lembah Keramat, kawasan yang bernama Lembah Keramat, Wangsa Keramat, Wangsa Maju dan macam-macam sedang dijadikan rancangan perumahan yang begitu besar dan begitu canggih, tetapi jalan menghala ke bandar jalan itu juga, tidak ada dibuat jalan tiga lapis, empat lapis, tidak ada. Maka, macam mana tidak jam. Kalau kita bendak membesarkan Wilayah Persekutuan, saya rasa kita kena buat alihan. Pejabat Kerajaan pun patut buat alihan. Sekarang syukur ada pejabat di Pusat Bandar Damansara, tetapi saya rasa pejabat-pejabat lain yang terbakar, ada baiknya dipindahkan jauh-jauh sedikit. Tak apalah, Menteri-Menteri sekarang ini gaji pun sudah naik, pegawai-pegawai Kerajaan pun sudah naik gaji, tak apalah jauh sedikit perginya.

Lagi satu cara ialah kakitangan Kerajaan ini diambil disediakan kenderaannya, barangkali boleh buat macam ini. Katalah kakitangan dari Kementerian Perusahaan Awam umpamanya sebab di tengah-tengah bandar dia diam, masih menyewa lagi, maka Kementerian mengeluarkan permit, dikeluarkan permit itu dua, tiga bas berbentuk bas kilang itu atas nama Kementerian ambil petugas-petugasnya itu, stesennya Stesen 1, Stesen 2, Stesen 3 bawa pekerja dan masa balik Stesen 1, Stesen 2, balik. Dia tidak payah bawak kereta, save juga minyak. Jadi kereta pun selamat di rumah.

Kenapa perkara-perkara begini tidak tertikir oleh profesional-profesional ini? Kenapa tidak terfikir perkara begitu dibuat? Mengelakkan jam, jam teruk, lebih teruk dari Jakarta. Kadang-kadang menakutkan, tambahan pula kalau kita ada appointment, dua jam daripada appointment itu kita bertolak daripada rumah atau kalau ada

sesuatu kemalangan, katalah dapat telefon daripada Hospital Besar, tersayang sedang nazak, kita ada di rumah, jawabnya sudah selamat pulang ke Rahmatullah baru sampai sebab di tengah jalan 45 tinit, umpamanya.

Saya lagi laju hendak cakap **ini**, itu yang saya kesal.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Boleh ringkas sedikit tak? Dalam 4 minit lagi.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Minta maaf, 10 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ramai orang hendak bercakap ini.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Baiklah, tak apalah saya sentuh yang mana penting-penting sahaja dalam perkara ini iaitu berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Biarlah saya ambil yang penting-penting, saya potonglah yang lain-lain. Kementerian Pendidikan, tadi telah banyak disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat dari Melaka, tetapi saya juga hendak menyatakan mengenai kurang guru - seorang guru 50 murid, 45 murid, sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah menengah atas atau bawah dan kurikulum-kurikulum yang ditentukan, tetapi ada guru sandaran. Guru sandaran pun ramai. Guru sandaran ini mereka pakai kontrak, kenapa tidak guru sandaran itu yang sudah pun melayakkan diri dan sudah pun memberikan khidmatnya diterapkan sahaja menjadi guru, diberikan mereka latihan? Kalau didapati mereka ini tidak berkelayakan mengajar sekolah menengah, sekolah rendah dia boleh mengajar, Sekolah Rendah

Kebangsaan, Jenis Kebangsaan. Kebanyakan guru sandaran apabila sampai tempoh tempat bersandar, sandarnya pun jatuh, dia pun terpaksa balik. Ramai guru-guru sandaran yang diberhentikan begitu sahaja, tidak diterapkan.

Saya tidak mahu Yang Berhormat Menteri Pendidikan nanti jawab, sekian-sekian banyak guru sandaran telah diterapkan. Adakah sekian-sekian banyak itu cukup? itu saya hendak tanya. Tak cukup jawabnya, sebab dikatakan kekurangan guru. Kalau tak cukup ambil yang bersandar itu lagi, beri dia duduk betul-betul terus. Mengapa kita create the problem? Kenapa kita tidak mencari ikhtiar dengan ikhlas mengatasi problem? Ini Menteri Kewangan sakit kepala hendak meningkatkan ekonomi, Kementerian-kementerian lain yang berkaitan dengan masalah pendidikan, pembangunan meleceh-lecehkan dasar, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah kami bercakap sebab orang dalam. Kalau Pembangkang bercakap lainlah, semua tak betul, kami cakap betul!

**[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sentuh ialah Kementerian Perusahaan Awam. Saya rasa lega dan berterima kasih serta mengucapkan tahniah kepada Dato' Dr. Mohd. Yusof Nor, Menteri Perusahaan Awam kerana bila dia masuk sahaja di sana, baru-lah jelas dengan nyata segala rumours selama hari ini. Di Lembah Kelang sahaja di antara 85,000 permit kenderaan yang telah dikeluarkan dan diantara 85,000 itu bukan semua genuine, ada pula yang palsu. Yang palsu sahaja entah berapa ribu. Macam mana ini boleh berlaku, itu soalnya. Tetapi, macam kata sahabat saya tadi, tak usah cari salah, cari jalan mengatasinya. Kita haraplah selepas



ini dapat diselaraskan dan diperbetulkan, jangan pula jadi mangsa orang yang belum. Ini kerana orang ini satu daripada permohonan itu dia buat, tujuh lapan syarikat dia dapat berpuluh-puluh, tetapi orang yang baru hendak masuk oleh kerana perkara yang dibuat itu, yang tidak berdosa ini terus tidak dapat, dua tahun menunggu tak dapat, pada hal dia layak untuk dapat.

Jadi, dalam dia hendak mengelasifykan yang palsu, yang terlampau banyak yang itu, yang ini, tolong jangan jejakan permohonan baru yang berpotensi. Itulah pandangan dari saya mengenai perkara yang berkenaan.

Perkara yang lain sedikit ialah, saya cakap ribut sedikit, tak syok cakap ribut ini, tetapi saya boleh buat B.19, patah balik, Kementerian Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid. Saya rasa Kementerian ini sangat baik dapat peruntukan banyak sebab banyak perkara yang berkaitan dengan teras akar umbi rakyat di negara kita dalam Kementerian ini iaitu petani-petani, peladang-peladang dan juga nelayan-nelayan. Saya minta Kementerian ini beri peruntukan lebih sedikit kepada FAMA sebab Lembaga Pemasaran Negara ini banyak kaitannya dengan hidup matinya pengusaha-pengusaha ladang dan juga penanam-penanam sayur-sayuran, buah-buahan, bunga- bungaan dan juga ikan-ikanan. Jadi, tolong beri peruntukan lebih sedikit.

Saya faham FAMA short duit, jadi ada pula beberapa perkara lagi di dalam sana yang mengatakan ini tak usah banyak, ini tak usah banyak, jangan begitu. FAMA ini kerjanya sangat dekat dengan rakyat

dan FAMalah juga yang ada menyumbangkan beberapa pertambahan kepada perekonomian negara sama ada yang dieksport ataupun dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Jabatan Imigresen. Hairan juga saya, Jabatan Imigresen ini Timbalan Menteri saya yang muda, handsome, kecil sahaja orangnya telah menyamar, macam cerita Nasty Boy. Dia telah menyamar kemudian didapati penyelewengan, dia pun cakap tetapi Ketua Pengarah tidak ada, tidak ada, orang saya semua baik-baik! Hairan juga saya, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ada. Saya boleh menjadi saksi mengatakan perkara itu berlaku dan sekarang telah diserahkan kepada BPR. Itulah sakitnya bila diserahkan kepada BPR, nanti banyak yang terjejas .

Jadi, dasar kita tidak berjalan, orang yang tidak berdosa, ertinya pendatang-pendatang ke negara kita yang ingin hendak bekerja di ladang ini nanti sudah tersekat. Bila BPR siasat, pegawai-pegawai pun mogok, tak senang ataupun takut. Maklumlah bukan semua pegawai buat, satu dua orang sahaja. Kerana seekor kerbau membawa lumpur, maka habis semuanya terpalit. Sepatutnya Ketua Pengarah diam-diam, jangan komen, yang cakap Timbalan Menteri, dia ini intelligent orangnya. Pergi sahaja jumpa "Datuk, saya faham Datuk, saya akan buat begini Datuk, saya buat begitu Datuk". Eh, saya pula yang mengajar, Tuan Yang di-Pertua, tetapi nampaknya terpaksa buat, sebab nampaknya begitulah keadaannya.

**Tuan Adam bin kadir:** Tadi Yang Berhormat janji 10 minit sahaja.

**Puan Ainon binti Ariffin:** 10 minit, baik, satu sahaja lagi. Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja lagi, ini perkara yang mustahak-mustakak sahaja. Saya hendak sentuh dari segi sumber manusia iaitu kita hendakkan pendatang-pendatang ini, kita tahu perladangan kalau mereka tidak ada, kita jam, tetapi sektor pembuatan jangan sekali-kali, perkilangan jangan sekali-kali. Kita ada MARA, kita ada institut itu, institut ini, jangan kita terlampau yakin kepada "rakyat memilih" ini. Saya benci dengan perkataan ini kerana mungkin silapnya dari kita juga. Kita tidak didik, kita tidak programkan anak-anak muda kita supaya dia bersedia menerima cabaran-cabaran. Kalau kita ikut dia sahaja, jadi dialah memimpin kita, bukan kita memimpin kita. Jadi, kita kena programkan mereka supaya mereka mahu bekerja di kilang, supaya mereka mahu membuat kerja-kerja di sektor pembuatan dan jangan kita perbesarkan sangat.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga nanti "lulus jarum lulus kalindan." Saya majikan, kalau ambil orang dalam negeri macam-macam kena, tetapi kalau ambil orang luar negeri, saya ada untung banyak. Maka saya pun buat alasan tidak ada orang, tidak ada pekerja, itu, ini. Ini juga serupa dengan kuota 30% untuk perumahan, tidak ada orang bumiputera yang hendak beli, pada hal dia offer pun tidak, diberitahu pun tidak, asyik senyap sahaja. Ada bumiputera yang duduk di dalam pemaju perumahan pun jadi tunggul, tidak juga mahu membincangkan perkara ini.

Maka saranan saya, sektor pembuatan kita tidak setuju diberi

kepada pendatang-pendatang luar, mesti beri kepada anak negeri. Besok satu masa anak negeri goyang kaki, jadi penagih dadah, jadi perompak, penyamun macam berlaku di Amerika, macam berlaku di negara-negara Barat, macam berlaku di Cuba dan lain-lain dan juga di negara-negara yang bertamadun kononnya, tetapi rakyat jelatanya menganggur, harapkan orang luar sahaja. Tidak lama lagi saya percaya England pun habis dibanjiri oleh orang luar **ini**. Maksud saya, di Britain. Jangan jadi macam **itu**, jangan kita ghairah sangat. Saya sokong statement Timbalan Perdana Menteri kita, sebab itu saya ada buat soalan di Dewan ini yang mana satu yang benar, Kementerian yang besar atau Timbalan Perdana Menteri yang besar.

Maka cakap Timbalan Perdana Menteri itu cakap Kabinet, cakap Kabinet itu dianggotai oleh mereka yang dipilih oleh rakyat, cakap rakyat itu kena pakai, jangan nanti ada pihak-pihak yang hendak mengambil kesempatan.

Saya hendak jaga juga kumpulan saya, kumpulan saya mungkin saya ada kawan di Indonesia, ada kawan lain ada kawan di sini, ada kawan ini kawannya di sana, entah-entah ada juga commission. Ini akan berlaku - rasa jugalah. Itulah saya merasa tidak sedap. Walau bagaimanapun, dengan ini saya menyokong lagi sekali Rang Undang-undang ini dengan rasa kurang puas hati kerana masa yang diberi kepada saya terlalu pendek. Sekian.

**Tuan Adam bin Kadir:** Dijemput Tuan Mohd. Zain.

5.01 ptg.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah sebelum saya meneruskan ucapan, saya hendak menjawab beberapa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan Kerajaan

Negeri Kelantan.

Pertama, saya hendak betulkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan bukan Kerajaan PAS, tetapi Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah malang bagi negara **ini**, sebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang mana rakyat diberi kebebasan untuk menganuti apa-apa fahaman parti politik. Tetapi ada Yang untuk menganuti apa-apa fahaman parti politik. Tetapi ada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini menyebut perkataan yang tidak sepatutnya disebut terhadap kaum sebangsanya yang menyokong parti Pembangkang yang mengatakan 'anjing kepada satu-satu parti politik', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Ng Peng Hay:** Penjelasan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ya.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri, sebab tadi saya minta, beliau tidak beri. Saya hendak teruskan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Silakan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kerajaan Angkatan Negeri Kelantan, kemungkinan Ahli Yang Berhormat berkenaan mendapat fakta yang tidak betul.

Sebenarnya apabila Kerajaan Negeri Kelantan diambilalih oleh Angkatan Perpaduan Ummah, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa di peringkat EXCO yang dikenali Jawatankuasa Hal Ehwal

bukan Islam, di mana orang-orang bukan beragama Islam telah dijemput untuk menduduki Jawatankuasa ini dan dari semasa ke semasa berbincang masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum yang bukan beragama Islam. Justeru daripada itu buat pertama kalinya dalam sejarah negeri Kelantan, kaum Tionghua dan kaum India telah dijemput untuk menduduki Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan juga Ahli-ahli Majlis Daerah.

Selain daripada itu kaum Tionghua dan juga kaum India buat pertama kalinya telah dilantik sebagai Ketua-ketua Kampung. Saya boleh beri contoh di sini, umpamanya Tang Lai Hong telah dilantik menjadi Ketua Kampung disatu mukim di Pasir Mas. Dan begitu juga di kawasan Pulai di Gua Musang, juga Ketua Kampungnya terdiri daripada bangsa Tionghua. Jadi erti kata yang sebenarnya tidak timbul masalah untuk menindas ataupun menganaktirikan sesiapa, kerana masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Kelantan, kerana Kerajaan Negeri Kelantan menganggap bahawa dalam sebuah negara yang demokrasi apabila ada Kerajaan, ada rakyat, tidak ada Kerajaan, tidak ada rakyat.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Apabila rakyat.....

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengikut peraturan....

**Tuan Adam bin Kadir:** Hendak minta penjelasan ataupun hendak....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, minta saya teruskan.....

**Tuan Ng Peng Hay:** Saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Nanti saya tanya dengan Tuan Mohd. Zain setuju?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tidak setuju.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, boleh buat ruling.

**Tuan Adam bin Kadir:** Tidak apalah kita ikut, kalau beliau berjanji... ..

**Tuan Ng Peng Hay:** Cuma saya hendak menjelaskan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Sebab masanya tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Adam bin Kadir:** Kalau hendak ruling.....

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak jelaskan apa yang saya sebut tadi, Saya bertanggungjawab apa yang saya sebutkan.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak membetulkan sesuatu.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila duduk!

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya rasa adalah lebih baik Yang Berhormat mengizinkan sahabat-sahabat kita dalam Dewan ini minta penjelasan sekurang-kurangnya Yang Berhormat lebih tahu dari pandangan Yang Berhormat. Daripada pandangan kami, umpamanya tadi



Yang Berhormat mengatakan tidak betul apa yang dituduh, tetapi yang saya tahu dua orang daripada Semangat 46 masuk balik UMNO, dia masuk balik UMNO kerana tidak puas hati di atas tindak-tanduk Kerajaan Negeri Kelantanlah, yang mana lantikan banyak kepada orang PAS, seolah-olah Yang Berhorrnat hari ini bercakap bagi pihak PAS bukan bagi pihak Semangat 46.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya kata saya perlu membuat penjelasan, kerana saya adalah orang yang bertanggungjawab dalam Dewan ini.

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Ng Peng Hay, sila duduk sekejap!

Saya hendak tahu sama ada apa yang disebutkan oleh Tuan Mohd. Zain tadi bertentangan dengan apa yang Tuan Ng Peng Hay berucap sebentar tadi? Adakah bertentangan?

**Tuan Ng Peng Hay:** Memang ada, Tuan Yang di-Pertua, memang saya berucap tadi, saya telah.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila duduk! Hendak memberi penjelasan tentang point apa itu?

**Tuan Ng Peng Hay:** Tentang point berkenaan dengan apa yang saya sifatkan ada dua tiga ekor orang China penyokong PAS, orang Cina ini disifatkan 'seperti anjing PAS', kerana merekalah yang dilantik oleh PAS sebagai Ketua Penghulu ataupun sebagai Penghulu, sabagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Kota Bharu dilantik oleh pihak

PAS. Orang-orang inilah yang bersubahat dengan PAS, menggadaikan kepentingan masyarakat orang China kepada PAS.

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Ng.....

**Tuan Ng Peng Hay:** Kerana menyekat kebebasan orang-orang Tionghua di Kelantan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Tuan Ng, sila duduk sekejap!

Saya sebenarnya bukan hendak menyebelah, tetapi sama ada perkataan 'seperti anjing' itu merupakan perkataan 'parliamentary' ataupun tidak? Jadi kalau yang itu disifatkan sebagai suatu yang bertentangan dengan 46, kalau hendak tarik balik tidak apa.

Tadi masa Yang Berhormat berucap mungkin tidak ada orang tegur, macamana adakah maksud perkataan 'anjing' itu sebagai satu perkataan yang tidak parliamentary, ataupun bermakna sebagai satu 'insult', dengan izin kepada pihak Tuan?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan amat malang bagi negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ya.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Yang memberi kebebasan kepada rakyat untuk menganuti bermacam-macam parti politik di negara kita sehinggakan ada seorang Yang Berhormat menuduh kaum sebangsanya sebagai 'anjing' kepada satu-satu parti politik, dengan izin.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ya.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah Negeri Kelantan, sebagaimana yang saya perkatakan tadi sebenarnya itulah yang kita lakukan.

Berbalik kepada soal penjualan arak yang dibangkitkan tadi, sebenarnya negeri Kelantan tidak mengharamkan penjualan arak, cuma mengharamkan orang-orang Islam meminum arak. Di restoran-restoran dahulu.....

**Tuan Azman Atar bin Othman:** [Bangun]

**Tuan Adam bin Kadir:** Hendak minta penjelasan?

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Bolehkah Yang Bcrhormat Tuan Mohd. Zain?

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Sedikit sahaja, sebab you sebut arak tadi.. Adakah selama ini orang Islam di Malaysia ini tidak tahu bahawa arak itu haram sehinggakan Kerajaan Negeri Kelantan sanggup pula memberitahu arak tidak boleh diminum oleh orang Islam? Adakah selama ini arak itu menjadi minuman yang halal kepada orang Islam ataupun memang orang Islam sudah tahu arak itu haram, tidak perlu beritahu lagi?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud demikian. Saya kata apa yang dilakukan oleh Kerajaan, sebab ada Wakil Rakyat kita yang mengatakan dia tidak boleh menjual arak di Kota Bharu daripada orang-orang bukan Islam.....

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Ng Peng Hay:** Untuk penjelasan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Adam bin Kadir:** Nanti dahulu Yang Berhormat Tuan Ng ....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan lagi di sini.

Sebenarnya Kerajaan tidak mengharamkan penjualan arak, cuma menegaskan sekali lagi bahawa arak itu haram bagi orang-orang Islam.

Sehubungan dengan ini Kerajaan telah mengarahkan restoran-restoran supaya membuat satu bilik khas di restoran untuk memberi kepada orang-orang bukan Islam tempat untuk meminum arak.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Mengikut peraturan.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Nanti! Hendak beri kebenaran atau tidak Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain?

**Tuan Ng Peng Hay:** Ini fasal peraturan. Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk membuat ruling supaya saya dapat membuat penjelasan, kerana apa yang dituduh itu saya perlu menjelaskan. Apa yang saya sebut tadi perlu dijelaskan. Apa maksud yang saya sebut tadi....

**Tuan Adam bin Kadir:** Ruling berkenaan dengan penjelasan itu, nombor berapa?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila Yang Berhormat Tuan Ng, duduk sekejap! Ya, sila.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan seterusnya ialah berhubung dengan mengatakan Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan pakaian tertentu.

Sebenarnya Kerajaan Negeri Kelantan tidak mengarahkan mana-mana pihak untuk memakai pakaian seperti pakaian tidak menjolok mata, tetapi menggalakkan memakai pakaian yang tidak menjolok mata.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Daripada peraturan yang saya sebutkan tadi dalam ucapan saya iaitu Kerajaan semata-mata menyekat hak asasi orang-orang yang bukan Islam seperti kalau Kerajaan Kelantan (Kerajaan PAS) mengikut peraturan Perlembagaan negara kita tidak perlu mengadakan satu kawasan khas untuk orang bukan Islam minum arak. Minuman arak adalah hak asasi orang-orang bukan Islam, kita tidak jualkan arak kepada orang-orang yang beragama Islam.

Jadi, saya berpendapat ini adalah satu cara yang mana pentadbiran PAS cuba menyekat hak asasi kebebasan orang-orang yang bukan Islam. Di negeri-negeri lain, Kerajaan-kerajaan Tempatan tidak perlu mengadakan satu tempat khas untuk orang-orang yang bukan Islam minum arak.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Ng hendak minta penjelasan. Sekarang Yang Berhormat Tuan Zain cuba jelas sedikit tentang perkara ini.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana benda arak itu haram, jikalau sekiranya di restoran yang sama menggunakan gelas yang sama, tidak disamak, maka ini menimbulkan ragu-ragu di kalangan umat Islam takut-takut gelas yang digunakan tersebut adalah terdiri dari gelas-gelas yang digunakan untuk meminum arak. Oleh sebab itulah Kerajaan telah membuat satu tempat yang khusus dalam restoran yang sama kepada bangsa-bangsa asing yang bukan beragama Islam untuk minum arak.

**Tuan Hg Peng Hay:** Jangan mengelirukan Dewan ini.....  
[Disampuk]

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Adam bin Kadir:** Nanti, duduk sekejap.

**Tuan Ng Peng Hay:** Gelas itu tidak haram, hanya arak yang haram! [Ketawa]

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Dia hendak minta penjelasan. Yang Berhormat Tuan Zain, boleh berikah atau tidak?

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat gangguan. Saya hendak teruskan.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Bukan hendak ganggu, ini bersabit dengan minum arak. Bagaimana kalau minum arak di restoran diadakan tempat khas. Kalau sekiranya bangsa asing yang duduk di kampung-kampung, adakah tempat minum khas dibuat di kampung-kampung? Saya minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya tidak menafikan dalam Perlembagaan Malaysia mengatakan bahawa agama rasmi negara kita adalah agama Islam dengan memberi kebebasan kepada bangsa lain, agama-agama lain berkembang. Berhubung dengan pengharaman judi, Kerajaan Kelantan telah mengharamkan premis perjudian. Kita sedia maklum bahawa dalam Islam judi itu haram. Dan juga saya difahamkan semua agama tidak suka kepada tabiat berjudi kerana judi ini boleh menimbulkan masalah kepada kerukunan rumah-tangga.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada ucapan Menteri Kewangan berhubung dengan Belanjawan. Pertama sekali saya ingin menyentuh perkara B.18 Kementerian Perusahaan Utama, khususnya Program Lembaga Tembakau Negara.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Minta penjelasan, supaya Yang Berhormat tidak keliru lagi. Saya hendak tahu kalaulah semasa kempen pilihanraya dahulu, kalau sekiranya 46 dan PAS tidak berpakat dalam ucapan dan ceramah di mana-mana dalam kempen pilihanraya mengatakan kalau PAS memerintah, ini haram, itu haram, Yang Berhormat fikir orang Cina boleh menyokongkah PAS dan 46 ini? **[Tepuk]** Saya rasa orang Cina tidak sokong. Pada ketika itu tidak sebut, tetapi bila sudah dapat memerintah, bukan orang Cina sahaja dipermainkan oleh PAS, 46 sendiri pun kena main, tetapi Yang Berhormat tidak hendak mengakui.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya yang lepas kita tidak kata begitu. Cuma kita mengatakan apabila kita menang kita hendak melaksanakan.....

**Seorang Ahli: [Bangun]**

**Tuan Adam bin Kadir:** Nanti, nanti.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** .....Islam sebagai ad-din, Islam. sebagai cara hidup menentang yang mungkar dan menegakkan yang makruf.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertama sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Perusahaan Utama khususnya Program Lembaga Tembakau Negara.

Objektif badan berkanun ini ialah untuk mengawal, mengawasi memajukan dan memodenkan perusahaan tembakau sebagai tanaman pekebun kecil dengan tumpuan khas pada kawasan-kawasan yang kurang maju dan memperbaiki ekonomi penanam tembakau dengan memberi pekanaan ke arah mencapai hasil pengeluaran daun kering daripada 1,000 kilogram sehektar kepada 1,250 kilogram sehektar dan meningkatkan mutu pengeluaran daun kering daripada 80% kepada 90% gred bermutu tinggi dan sederhana serta meninggikan pendapatan penanam tembakau daripada \$7,500 sehektar kepada \$8,500 - mukasurat 142, Program LTN.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin perkatakan mengenai program ini ialah bersabit dengan pembahagian kuota kepada pengawet-pengawet tembakau khususnya di negeri Kelantan. Sesungguhnya pemberian kuota kepada pengawet-pengawet tembakau di Kelantan hari ini yang bermotifkan politik kepartian sangat ketara dan amat dikesalkan. Dengan terlantiknya Executive Chairman, dengan izin, LTN yang baru yang terdiri daripada bekas calon BN yang kalah dalam pilihanraya umum baru-baru ini, telah mengharu-birukan bukan sahaja para



pengawet dan para penanam tembakau, tetapi telah memeningkan kepala pegawai-pegawai di pejabat berkenaan.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kisah sangat dengan gelagat Pengerusi LTN yang baru ini, tetapi apa yang rata-rata dipersoalkan ialah bagaimana kuota untuk pengawet-pengawet yang mempunyai rekod yang baik telah dipotong dengan sewenang-wenangnya dan diberi kepada individu-individu tertentu yang langsung tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan tersebut. Apa yang paling mendukacitakan lagi, Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, duduk sekejap. Ada penjelasan, hendak berikah?

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat yang bercakap. Ini bukan salah, sila duduklah, bukan besar sangat, Saya ingin penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, beliau mengatakan dipotong sewenang-wenangnya. Nyatakan dengan jelas berapa dipotong, berapa ringgit harganya, adakah tidak supaya kita tahu. Jangan kita bercakap tidak tahu hujung pangkal, jadi kita tidak dapat menentukan. Kalau kita tahu berapa banyak dipotong, kita boleh memperjuangkan ataupun menyokong ucapan-ucapan itu. Ini tidak menentu, jadi saya ingin penjelasan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi. Lebih malang lagi, nampaknya pembahagian kuota-kuota kepada pengawet-pengawet tembakau di Kelantan nampaknya diambil kira tahaman parti politik.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** [Menyampuk]

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Tuan Azman tunggu sekejap. Dia hendak menjelaskan dahulu.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, umpamanya PTK, (Pusat Tembakau Kelantan) anak Syarikat SDC. Pada tahun 1990 kuota dipotong sebanyak 10% dan pada tahun 1991 di mana pada tahun 1992 ini sebanyak 20% lagi telah dipotong. Satu syarikat di jajahan Pasir Putih jumlah kuota yang diperuntukkan sebanyak 40,000 kilogram setahun telah menerima surat dipotong, tinggal 17,000 kilogram. Ini yang mendukacitakan saya, padahal syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi dari segi prestasinya adalah baik. Ini bercanggah dengan dasar Kerajaan untuk membanyakkan usahawan-usahawan bumiputera dalam perusahaan tembakau di mana di negeri Kelantan sahaja Lebih kurang 80% daripada hasil tembakau negara adalah datangnya daripada negeri Kelantan. Yang paling mendukacitakan saya lagi, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Azman Atar bin Othman:** [Bangun]

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Tuan Zain....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** ....kuota yang dipotong tersebut....

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila duduk sekejap.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya hendak tanya sedikit. Saya boleh menerimalah apa tuduhan Yang Berhormat tadi, Tetapi adakah salah perbuatan kami kalau Yang Berhormat renung balik pembuatan Kerajaan Negeri Kelantan lebih teruk, penghulu-penghulu yang biasa menyokong kami semua kena buang, semua dilantik orang baru.

Salahkah kalau kita buat begitu sedangkan you sudah memulakan amalan itu., sedangkan you Parti PAS sepatutnya menunjukkan contoh yang baik kepada seluruh umat dalam negara. Tetapi parti PAS Kelantan memulakan.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Tuan Azman, tolong gunakan 'Yang Berhormat', jangan 'you'.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Baik, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan adakah itu salah sedangkan PAS sudah membuat contoh dengan membuang orang-orang yang menyokong UMNO, yang menyokong Barisan Nasional dahulu.

Jadi, bila kita buat sekarang, Yang Berhormat menuduh bahawa tidak patut, tidak adil. Jadi, saya hendak tahu, salahkah perbuatan itu? Kalau salah, kita cuba balik ke pangkal jalan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pemecatan Penghulu-penghulu di negeri Kelantan. Sebenarnya, Penghulu adalah jawatan setahun ke setahun. Apabila sampai tempoh, maka jawatannya ditamatkan dan Kerajaan telah membuka peluang dan iklan kepada sesiapa sahaja yang ingin memohon jawatan Penghulu. Di antara Penghulu yang dilantik sekarang ini pun ada Penghulu-penghulu yang terdiri daripada orang-orang Barisan Nasional ataupun penyokong-penyokong UMNO masih ada. Saya beri satu contoh yang saya ingat di sini. Ada seorang Penghulu di Mukim Padang Garom, namanya Wan Zain bin Wan Seman, penyokong kuat UMNO dan bekerja mati-matian dalam pilihanraya untuk UMNO, tetapi Kerajaan melantik beliau kembali sebagai Penghulu. Beliau memohon melalui borang yang telah diperuntukkan dan melalui temuduga dia telah berjaya dan dilantik sebagai Penghulu Mukim Padang Garom.

Berbalik kepada LTN. Apa yang mendukacitakan saya....

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Mohd. Zain, cuba bataskan dalam 5 minit lagi sebab saya tengok ramai Ahli yang hendak berucap. Saya beri 20 minit kepada semua.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Sebenarnya, saya hendak bercakap banyak, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada dua orang sahaja

dari Pembangkang dan sepatutnya diberi keistimewaan sedikit untuk membahas sama Belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Seri Menteri Kewangan.

Apa yang lebih mendukacitakan, kuota-kuota yang dipotong daripada pengusaha-pengusaha bumiputera telah diberi kepada pengawet-pengawet bukan bumiputera sehinggakan satu syarikat bukan bumiputera di negeri Kelantan mendapat peruntukan 120,000 kg lebih setahun berbanding dengan syarikat bumiputera yang hanya mendapat 17,000 kg. Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, takut-takut perusahaan tembakau ini akan menghadapi masa depan yang gelap dan adalah tidak viable, dengan izin, kalau peruntukan diberi sebanyak 17,000 kg kepada pengawet-pengawet yang selama ini mendapat 40,000 kg di mana perusahaan mereka untuk meneruskan pengawitan tembakau tidak ekonomik dan kemungkinan kilang mereka akan ditutup dan kemungkinan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang membuatkan di suatu masa nanti, mungkin perusahaan tembakau tidak dapat dilaksanakan lagi di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan berhubung dengan tender-tender baja subsidi yang dibekalkan kepada penanam-penanam tembakau di negeri Kelantan. Didapati dalam sistem penenderan baja subsidi kepada penanam-penanam tembakau di Kelantan, ada berlaku ciri-ciri yang tidak sepatutnya berlaku. Dalam tinjauan saya, didapati ada penender-penender yang berjaya adalah terdiri daripada syarikat-syarikat yang baru diwujudkan tidak sampai sebulan. Dengan kata lain, Tuan Yang di-Pertua, memang ada

penyelewengan di dalam pengendalian tender berkenaan.

Sehubungan ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian berkenaan supaya mengikut contoh apa yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian berhubung dengan subsidi baja. Kementerian Pertanian ada menubuhkan satu konsortium melalui NAFAS untuk membahagikan baja-baja subsidi, mengedar baja-baja subsidi kepada penanam-penanam padi di seluruh negara. Oleh kerana konsortium tersebut berjalan dengan baik, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya menubuhkan satu konsortium yang sama seperti NAFAS bagi membekalkan baja-baja kepada pengawit-pengawit tembakau di seluruh negeri Kelantan.

Nampaknya kena pendek-pendek sedikit ini...

**Tuan Adam bin Kadir:** Petang ini nampaknya pendek-pendek belaka.

**Tuan Aznan Atar bin Othman:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak beralih kepada Kementerian Pertanian....

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila duduk dahulu Tuan Mohd. Zain.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa ke atas beg baja sekarang kita letak cap Barisan Nasional, cap "Dacing". Sama ada orang Kelantan sanggup pakai baja cap Dacing ini atau tidak? Kalau sudah sanggup pakai, kena masuk dalam Dacing. [Ketawa]

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasihlah kerana saranan daripada Yang Berhormat. Mudah-mudahan saranan daripada Yang Berhormat itu sampai kepada rakyat Kelantan. **[Tepuk.]**

Perkara yang seterusnya berhubung dengan Kementerian Pertanian. Berhubung dengan Kementerian Pertanian **ini**, saya ingin meng—hadiahkan 3 rangkap pantun kepada Menteri berkenaan dan juga kepada seorang Menteri yang berasal dari negeri Kelantan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Lepas pantun ini kita kira tamatlah, ya? Pasal sudah lamalah.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, setelah habis pantun itu, saya hendak jawab dengan pantun, boleh atau tidak? **[Ketawa]**

**Tuan Adam bin Kadir:** Bila sampai waktu nanti saya akan buat keputusan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua,

Ambil galah jolok rambutan,  
Burung kedidi dimakan angsa,  
Barisan kalah di negeri Kelantan;  
Pokok padi menjadi mangsa.  
Kerajaan Negeri tidak mati akal,  
Subsidi baja \$3 sekampit,  
Kerana jahat sibudak nakal;  
Rakyat Kelantan terus terhimpit.  
Orang Kemboja dari Sedili,  
Membawa baldi terus ke Rokan;  
Walaupun baja terpaksa dibeli,  
Hasil padi tidak habis dimakan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Itu sudah berapa rangkap? Saya rasa sudah 3, Tuan Mohd. Zain.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** 3 rangkap,

**Tuan Adam bin Kadir:** Kalau boleh kita tamatlah di situ, kalau hendak beri ayat akhir.

**Tuan Azam Atar bin Othman:** Boleh saya...

**Tuan Adam bin Kadir:** Nanti. sekejap, lepas itu saya buat keputusan. Saya ingat bolehlah buat round-up, dengan izin. Sudah dekat 1/2 jam berucap. Kebetulan ramai hendak berucap.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri, sebagaimana yang saya katakan tadi, negara kita mengamalkan sistem demokrasi di mana rakyat diberi hak untuk menentukan Kerajaan dan apabila wujud Kerajaan, ada rakyat dan apabila ada rakyat, ada Kerajaan.

Berhubung dengan ini, saya tidak mahu rakyat menuduh khususnya Kerajaan Persekutuan telah cuba menimbulkan rakyat kelas pertama dan kelas kedua di negara kita dengan tindakan-tindakan yang banyak yang sepatutnya saya kemukakan di Dewan ini berhubung dengan tindakan Kerajaan Pusat kepada negeri Kelantan. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, hanya sebagai kesimpulannya, saya ingin menyarankan bahawa janganlah Kerajaan cuba hendak mewujudkan kelas-kelas tertentu bagi rakyat di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan G. Krishnan:** [Bangun]

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Azman, kerana permintaan khas, Tuan Azman boleh menjawab dengan 3 rangkap sahaja.



**Tuan Azman Atar bin Othman:** 2 rangkap.

**Tuan Adam bin Kadir:** Okay, dua rangkap. Sila duduk Tuan Krishnan.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Terima kasih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat...

**Tuan Adam bin Kadir:** Jangan banyak bercakap, teruskan ke pantun. **[Ketawa]**

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Ya.

Ada satu anak Cik Daud,

Hari-hari duduk di tingkap;

Begini kuat gelombang di Laut,

Dalam gelombang ikan menangkap.

Dan lagi satu,

Anak serati memetik buah,

Buah dipecik di tepi pantai;

46, PAS jangan tunjuk pandai,

Kalau jerung tidak mati,

Yu jangan tunjuk bertuah. **[Ketawa]**

**Tuan Adam bin Kadir:** Saya hendak beri orang baru untuk membuat maiden speech, iaitu Tuan Haji Zainal bin Md. Deros - orang baru - untuk membuat maiden speechnya.

**5.29 ptg.**

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap kali yang pertama di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu, saya suka merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhammad bin Haji Muhammad Taib yang telahpun mencalonkan nama saya sebagai Ahli Dewan Negara. Ucapan terima kasih saya juga saya tujukan khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Encik Abdul Ghafar Baba. Juga saya mengucapkan tahniah dan terima kasih saya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telahpun memperkenankan diri saya memegang jawatan sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kerana diberi peluang untuk berucap buat pertama kalinya di Dewan yang mulia ini untuk membincangkan Belanjawan negara bagi tahun hadapan.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana telah berjaya membawa kepada tahap kemajuan yang begitu pesat.

Perdana Menteri kita bukan sahaja seorang pemimpin dinamis yang disegani oleh rakyat Malaysia, bahkan kini diiktiraf sebagai pemimpin dan pejuang Dunia Ketiga. Kita yakin bahawa Malaysia akan terus maju dan dihormati oleh dunia sebagai sebuah negara yang berkewibawaan tinggi dan sentiasa mengambil berat bukan sahaja untuk kesejahteraan rakyatnya bahkan seluruh manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, draf Belanjawan yang ada di hadapan kita ialah satu lagi manifestasi dan usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi negara. Belanjawan kali ini jelas memperlihatkan komitmen Kerajaan terhadap pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat di dalam masa yang sama kerana memperkemaskan jentera dan prasarana untuk pertumbuhan industri dan menjadikan teras kepada ekonomi negara di masa-masa hadapan.

Kita telah sampai ke penghujung tahun 1991, satu tempoh 12 bulan yang akan tercatat di dalam sejarah dunia sebagai antara tahun yang paling bersejarah di dalam beberapa dekad ini. Tahun 1991 telah menyaksikan pergolakan politik antarabangsa yang menakjubkan kita, terutama dengan terkuburnya sistem Kerajaan Sosialis Soviet Union, satu kejadian yang tidak siapa pun boleh menduga akan berlakunya secara begitu mendadak. Dan di detik-detik akhir 1991, dunia menyaksikan negara Soviet Union itu sendiri berkecai dan tidak wujud lagi dan ditingkatkan dengan satu Komanwel negara-negara merdeka. Sudah tentu kesan daripada perkembangan bekas negara

Soviet Union ini akan dirasai di seluruh dunia melalui tahun baru 1992 yang akan menjelang tiba di dalam beberapa hari sahaja lagi.

Kita rakyat Malaysia boleh mengambil iktibar daripada sejarah yang tercetus di Soviet Union ini dengan sentiasa beringat tentang betapa pentingnya kita mengekalkan kestabilan politik yang kita nikmati dengan berkat taufik dan hidayah daripada Allah s.w.t. yang membolehkan kita mencapai kebahagiaan dan kemakmuran serta aman dan damai di bumi yang bertuah ini.

Saya rasa, pengajaran yang amat penting yang boleh kita ambil daripada pergolakan ini ialah, betapa pentingnya sesuatu sistem Kerajaan di sesebuah negara itu mengutamakan sistem ekonomi yang bebas yang membolehkan rakyat dan industri bersaing di dalam pasaran bebas. Di sini, pada hemat saya punca revolusi yang kita saksikan di Soviet Union itu, negara berkenaan mengamalkan sistem ekonomi sosialis yang tidak langsung mengambil kira daya keusahawanan di kalangan rakyat apatah lagi tidak memberi habuan yang setimpal dengan titik-peluh dan keringat yang tercurah. Sistem sedemikian, langsung tidak mempunyai lojiknya dan ia boleh dilihat daripada negara-negara itu sendiri yang walaupun telah berjaya menempatkan manusia di bulan dengan kos beribu-ribu ringgit tetapi gagal menempatkan keperluan asas rakyat, seperti bahan-bahan makanan di kedai-kedai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkembangan di dalam negara kita, tahun 1991 telah menyaksikan pelancaran Wawasan 2020 yang bertujuan mengembalikan sumber-sumber negara kita, baik sumber-sumber manusia dan kekayaan asli ke arah mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju 30 tahun daripada sekarang.

Sehubungan dengan ini, saya ingin merayu kepada semua pihak di negara kita ini supaya bertindak daripada sekarang untuk mempertingkatkan kualiti di dalam apa juga bidang dan sektor aktiviti yang dijalankan. Sudah sampai masanya bagi Kerajaan di dalam menggubal dasar memberi keutamaan teratas daripada kualiti dan bukannya kuantiti.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu bidang di mana ini patut dimulakan ialah bidang pendidikan. Kebelakangan ini banyak seminar-seminar, forum-forum diadakan dan rumusan yang kita sering dengar ialah terdapat kemerosotan di dalam kualiti pendidikan di negara kita. Usaha ini perlu dibuat jika kualiti graduan-graduan yang dikeluarkan oleh universiti-universiti ataupun institusi-institusi pengajian tinggi yang lain boleh dijadikan sebagai kayu pengukur, pada saya ini adalah satu isu yang serius disebabkan negara memperuntukkan pelaburan yang begitu besar dan hebat kepada bidang pendidikan iaitu beribu-ribu juta ringgit setiap tahun. Jika ramai di kalangan graduan-graduan kita hari ini yang gagal mendapatkan pekerjaan kerana tidak tahu bertutur bahasa Inggeris dengan betul semasa ditemuduga, kita merasakan mungkin terdapat kekurangan di mana-mana di dalam sistem pendidikan kita.

Saya berharap Kementerian Pendidikan berusaha menghantar guru-guru bahasa Inggeris yang berkelayakan ke luar bandar dengan seberapa ramai yang boleh supaya para pelajar di desa akan mendapat pendidikan bahasa berkenaan dengan secukupnya. Ini penting supaya mereka tidak menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan di sektor swasta kelak.

Kenapakah pelaburan beribu-ribu ringgit yang kita buat di dalam bidang pendidikan tidak mencapai kualiti yang dihasratkan? Pencapaian kelulusan di dalam peperiksaan SRP, SPM dan juga STPM, pada hemat saya masih lagi tidak memuaskan tahun demi tahun terutama di dalam mata-mata pelajaran penting seperti Matematik, Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris iaitu mata-mata pelajaran yang boleh menjamin negara mencapai matlamat Wawasan 2020. Kementerian Pendidikan dan pakar-pakar pendidikan harus memandang serius perkembangan ini dengan mengenyepikan pertimbangan yang sempit demi mencapai matlamat yang lebih besar iaitu kualiti. Kita harus berani mengorbankan soal-soal remeh-temeh termasuk pertimbangan politik yang sempit demi mencapai matlamat di dalam pendidikan di negara kita ini.

Soal pendidikan bukanlah satu soal yang boleh kita perjudikan kerana ia membabitkan generasi muda yang bakal mewarisi negara yang ada sekarang di dalam semua peringkat, baik di sektor awam ataupun di sektor swasta. Pada bahu merekalah kita letakkan untung nasib atau ikhtiar hidup negara kita.

Pada hemat saya, sudah sampai masanya bagi kita tidak terlalu emosi di dalam soal mewujudkan kurikulum pendidikan. Kita harus mengenakan elemen-elemen yang boleh menjamin kualiti dan mengeneipkan benda-benda yang tidak berkualiti. Kerajaan seharusnya berani membuat dasar yang tidak popular jika difikirkan perlu di dalam soal ini.

Sebagai contohnya, sekiranya Kerajaan memikirkan bahawa sistem pendidikan kita sekarang ini mempunyai beberapa kelemahan, janganlah teragak-agak untuk memperbaikinya walaupun itu tidak merupakan tindakan yang popular. Di samping itu Bahasa Malaysia juga janganlah diabaikan. Usaha mempertingkatkan perkembangan bahasa ini hendaklah dipanjangkan ke semua pihak dan di seluruh masyarakat. Istilah-istilah baru hendaklah diselaraskan untuk mengelakkan masalah kekeliruan bahasa. Sistem ejaan juga hendaklah

diselenggarakan dan janganlah selalu kerap diubah kerana ini akan mengelirukan para pelajar dan orang ramai umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas keputusan yang sangat berani oleh Kerajaan dengan mengharamkan kegiatan Darul Arqam di mana kegiatan mereka itu telah menyimpang dari ajaran dan aqidah Islam yang sebenar. Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan pengharaman itu juga pihak Kerajaan dapat mengawal lebih ramai umat Islam daripada terjebak dengan kegiatan yang salah. Apa yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan ialah membawa kembali pengikut-pengikut Muhammadiyah ini ke lunas Islam yang sebenar melalui Pusat Islam dengan mengadakan majlis pendekatan, penerangan dan perbincangan demi menginsafkan mereka untuk kembali ke pangkal jalan. Sekiranya kita dapat membawa mereka kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya, maka saya percaya pengharaman Kerajaan terhadap Darul Arqam telah mencapai hasrat iaitu membendung dan membanteras kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar akan laungan dan kritikan yang pedas oleh golongan yang menggambarkan diri mereka sebagai persatuan pengawal pencemaran alam. Kegiatan mereka telah memburuk-burukkan nama baik Kerajaan di luar negara tentang isu pencemaran alam. Kita boleh menganggap mereka ini menjadi agen dan talibarut media Barat yang selalu membuat liputan dan membuat laporan yang tidak tepat tentang sesuatu isu yang berlaku di negara kita. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian Dalam



Negeri agar mengenalpasti mereka ini, kalau boleh permit pertubuhan mereka ditahan untuk disiasat. Kegiatan mereka hendaklah dikawal kerana dalam usaha Kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan akan terbantut disebabkan oleh desakan pertubuhan yang menamakan diri mereka sebagai pembendung, pencinta alam. Tetapi sebenarnya mereka bermain politik dengan berlindung di bawah persatuan sukarela tersebut dan saya menganggap mereka ini adalah anti-Kerajaan dan bukan anti-pencemaran alam.

Oleh itu, saya ingin menegaskan kepada pihak yang tidak ada kepentingan dan kaitan dengan pembangunan Pulau Langkawi dan Zoo Negara, menerima kenyataan bahawa negara menuju ke arah pembangunan yang pesat. Kita terpaksa memberi laluan walaupun pahit, kita terpaksa menelannya. Pepatah Melayu ada menyebut, "kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya," Begitulah juga halnya, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan sebelum meluluskan segala bentuk pembangunan mestilah mengambil kira akan segala cadangan-cadangan serta unsur-unsur pencemaran alam dan lain-lain berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Kerajaan Persekutuan kerana telah memilih Sepang sebagai lapangan terbang antarbangsa kedua. Walaupun lapangan terbang yang sedia ada di Subang berada di dalam Negeri Selangor, pemilihan

tersebut bukan sahaja merupakan rahmat kepada Negeri Selangor malahan kami merasakan bahawa pemilihan tapak itu sangat sesuai dan tepat sekali. Saya percaya perkhidmatan pelanggan, perkhidmatan teknikal dan kejuruteraan, operasi dan pengendalian akan dapat memberikan kesan yang baik kepada syarikat penerbangan MAS.

Dengan terlaksananya lapangan terbang ini kelak akan memanfaatkan negara dari segi pelancongan dan saya percaya hak pendaratan baru dan tambahan kepada jumlah kekerapan penerbangan yang ada sekarang dapat ditingkatkan. Dengan wujudnya lapangan terbang kedua ini bukan sahaja untuk kepentingan pembangunan ekonomi negara, Negeri Selangor malahan Negeri Melaka dan juga Negeri Sembilan juga akan merasakan pertumbuhan ekonomi negara masing-masing kerana kemudahan lapangan terbang tersebut akan memberi galakan pelancongan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga iagin mengambil peluang di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Kerajaan Pusat kerana telah bekerjasama membantu di dalam proses pembesaran pelabuhan Klang di mana satu lagi gateway, dengan izin, yang dinamakan West Port, dengan izin, ataupun Pelabuhan Barat di Pulau Lumut telah dapat dijalankan semenjak 1990 yang meliputi keluasan 106 hektar telahpun dikambus. Apabila terlaksananya dermaga tersebut, ia akan dapat mengendalikan dagangan cecair berbekal untuk import dan eksport serta boleh menampung kargo-kargo yang berada dan yang membawa bahan petro-kimia serta tempat dagangan dan lapangan kontena.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kedengaran akan isu pertukaran Ketua Pengarah MARA dan telah menjadi bahan media cetak yang panas diperbincangkan. Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa MARA adalah institusi yang diamanahkan oleh Kerajaan untuk membantu kaum bumiputera, Jadi, sekiranya ada kelemahan dari pihak pentadbiran, maka kelemahan itu hendaklah diperbaiki agar bumiputera tidak ketinggalan untuk mencapai Wawasan 2020.

Oleh hal yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Perusahaan Awam agar sentiasa meneliti dan jika sekiranya kelemahan itu boleh mengecewakan masyarakat bumiputera, maka saya berharap pihak Kementerian tidak boleh bertolak ansur dalam masalah perubahan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah matlamat kita iaitu MARA mestilah menjadi payung dan tunggak institusi Kerajaan yang boleh dibanggakan untuk menolong kaum bumiputera. Oleh hal yang demikian, saya ingin mengutarakan supaya MARA mestilah mengambil peranan utama bagi mengawasi rancangan...

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:[Bangun]**

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Haji Zainal, ada Yang Berhormat yang hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Masa saya memberi ucapan yang sulung, saya tidak benarkan sesiapa juga untuk saya beri laluan.

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila duduk Tuan Mohd. Zain.

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Saya tidak berikan laluan.  
Ini mengganggu.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya barangkali boleh!

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Saya pun tidak mahu beri  
laluan. [Ketawa]

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Deros:** Saya minta duduk!  
Mengawasi perancangan dan membuat penyelidikan, menyediakan  
kemudahan modal, program latihan, mencari pasaran dan sebagainya  
sehinggalah matlamat Dasar Pembangunan Nasioaal - tercapai dengan  
sepenuhnya.

**Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]**

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saudara Azman merupakan sahabat saya di dalam komponen Barisan Nasional, saya belum boleh memberikan laluan sehingga saya habis memberikan ucapan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian.....

**Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]**

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: [Bangun]**

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Tolong duduk, saya tidak mahu ada yang tidak bersopan santun kalau sekiranya saya tidak memberikan laluan. Saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini ke atas tindak-tanduk yang tidak bersopan oleh Majlis Peguam Malaysia terhadap Ketua Hakim Negara. Begitulah juga Majlis Peguam telahpun berbohong dan memburuk-burukkan sistem perundangan negara kepada orang luar seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mereka hendaklah bertanggungjawab di dalam soal ini. Banyak majalah dan tulisan daripada Majlis Peguam menggambarkan seolah-olah mereka adalah badan politik dan bukan sebuah badan penjaga kepentingan profesion guaman. Tindakan mereka menyebabkan para pelabur asing tidak yakin untuk melabur di negara ini dan bolehlah dianggapkan sebagai golongan yang sengaja merosakkan ekonomi negara, Saya ingin menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini agar pihak Kerajaan tidak membiarkan tindak-tanduk yang memalukan ini berlanjutan dan saya kuarir Majlis Peguam merasakan

bahawa mereka berkuasa lebih daripada Kerajaan. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan supaya Kementerian Kehakiman bolehlah memikirkan untuk meminda Akta Profesion Guaman 1977 bagi membendung kegiatan yang memalukan ini supaya tiga suku keahlian Jawatankuasa Majlis Peguam termasuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha hendaklah dilantik oleh Menteri Kehakiman dan pihak ahli-ahli hanya berhak memilih suku lagi ahli Jawatankuasa melalui mesyuarat agung mereka.

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Haji Zainal, boleh bataskan ucapan?

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Tinggal sedikit lagi.

**Tuan Adam bin Kadir:** Tiga minit lagi, boleh?

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Ya. Saya percaya dengan cadangan ini dan tindakan Kerajaan dengan bertegas sahaja maka Majlis Peguam akan mendisiplinkan diri mereka dan akan memahami fungsi mereka yang sebenarnya.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telahpun mengizinkan ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini. Kepada sahabat-sahabat saya yang telah lama berjuang di dalam Dewan Negara ini, kalau sekiranya ada mempunyai kesilapan dan kesalahan bagi diri saya, sama-sama kita memperbetulkan dan memperbaikinya demi kepentingan masyarakat dan rakyat di dalam negara kita. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh, Dengan ini, saya menyokong Belanjawan 1992.

**Tuan Adam bin Kadir:** Sebenarnya saya hendak pandang ke Timur sedikit dan kita beri sekali lagi kepada orang Timur dan orang baru juga. Jadi, saya jemput Tuan Ding Seling menyampaikan ucapan sulung.

**5.54 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih di atas peluang yang diberi. Saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, selaku seorang Ahli Dewan yang mulia **ini**, yang baharu sahaja dilantik dan sekarang memberi ucapan yang sulung sekali, saya rasa lebih wajar saya mulai ucapan saya dengan melafazkan atau merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan bagi pihak saya sendiri dan bagi pihak golongan yang saya wakili dan kepada beberapa pihak. Saya ucapkan terima kasih saya itu kepada pihak berikut:

" Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Peduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah kerana telah berkenan melantik berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan atas nasihat-nasihat dari pihak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita dan pihak Kerajaan Pusat dan juga atas nasihat Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak serta

pemimpin-pemimpin lain Kerajaan Barisan Nasional negeri Sarawak".

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dan golongan yang saya wakili, peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan untuk perlantikan seperti ini dan seterusnya perlantikan yang dibuat membuktikan bahawa dasar proses demokrasi yang diamalkan oleh negara kita ini amatlah teguh dan adil. Antara lain peruntukan itu membuktikan bahawa Kerajaan senantiasa mengambil berat terhadap semua lapisan rakyat di negara ini sama ada yang berada, yang miskin, yang maju, yang mundur, yang daif ataupun yang canggih dan yang berdaya dan yang kurang berdaya, bersaing untuk menyara hidup dalam sistem ekonomi moden di zaman ini. Kesemua lapisan tersebut diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan atau decision making process, dengan izin, di semua peringkat daripada penentuan polisi sehinggalah pelaksanaannya.

Maka dengan cara ini kita yakin dasar-dasar perkembangan ataupun pembangunan sosio-ekonomi dan politik serta pendekatan-pendekatan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan perkembangan negara pasti boleh digubal sesuai dan tepat bagi kumpulan-kumpulan sasaran tertentu. Oleh yang demikian, kaum-kaum di hulu-hulu sungai dan di lereng-lereng gunung seperti di Sarawak, jauh di pedalaman dan boleh disifatkan sebagai tinggal in a world of cheir own, dengan izin menaruh kepercayaan penuh kepada Kerajaan semasa. Di Sarawak, kepercayaan itulah satu sebab yang penting yang menyebabkan Barisan Nasional menang dengan majoriti yang begitu besar dalam pilihanraya negeri pada bulan September yang lalu.



Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang yang bertajuk Satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memper—  
untukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu, saya ingin turut mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah pertama sekali kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan kita dan pihak-pihak Kementerian serta pihak-pihak lain yang terlibat kerana telah merangka Anggaran Belanjawan ini dengan begitu kemas dan rapi. Penegasan Anggaran Belanjawan ini begitu tepat dan sesuai sebagai langkah pertama menghadapi cabaran-cabaran strategik dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang termaktub dalam Wawasan 2020 Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Belanjawan 1992 ini dan dalam pada itu berikan saya sedikit masa untuk menyampaikan beberapa pandangan yang divergent.

Pertama sekali ingin saya komen sedikit sebanyak mengenai cabaran-cabaran dari luar negeri yang mungkin negara kita hadapi dalam masa 1992 dan selepasnya. Kita termaklum bahawa dalam tahun yang lalu iaitu 1991 ini penubuhan sedunia ataupun global growth in economy adalah 1% manakala dalam tahun 1992 ianya dijangkakan akan meningkat kepada 3%. Kita harap penubuhan sedunia sebenarnya nanti adalah sekitar 33% yang dijangkakan itu kalau tidak lebih. Kalau begitu, maka Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK yang dirangkakan sekitar 8.5% dalam anggaran Belanjawan 1992 ini pasti boleh tercapai memandangkan juga prestasi kita yang sekitar itu sejak beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan saya ingin komen sedikit mengenai perkembangan. Jadi perkembangan-perkembangan antarabangsa yang kita sedia maklum ialah di dalam satu dua tahun yang lalu kita lihat di Soviet Union iaitu negara yang sekarang ini telahpun hancur, market liberalisation in Eastern Europe telahpun bermula dan sekarang saya ingat akan lebih terbuka lebih daripada itu.

Yang kedua ialah perkembangan-perkembangan untuk membentuk regionalism, dengan izin, di negara-negara membangun. Misalnya usaha membentuk European Space yang merangkumi negara-negara European Economic Community dan AFTA dan yang kedua, Amerika Syarikat dan Kanada telahpun mula melaksanakan persetujuan Free Trade, dengan izin.

Dalam akhir 1992 dijangkakan persetujuan antara Amerika Syarikat dan Kanada itu akan menjadi NAFTA ataupun North America Free Trade Association, dengan izin, yang merangkumi negara Mexico

juga. Kita sedia maklum President George Bush tidak lama dahulu telah melancarkan program yang dipanggil sebagai Enterprise for the Americas. Tujuannya untuk membentuk satu entity ataupun kumpulan perniagaan yang merangkumi kawasan Alaska di Utara sehinggalah Tierra del Puego di Amerika Selatan.

Juga tidak lama dahulu Amerika Syarikat, Brazil, Argentina, Uruguay dan Paraguay telah membuat satu commitment untuk menubuhkan satu common market, dengan izin, ataupun pasaran bersama sebelum tamatnya 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kesemuanya perkembangan yang tersebut tadi akan menjadi satu cabaran bagi negara kita dalam usaha kita berkembang, dan dalam erti kata yang lain kita tentu merasa curiga oleh kerana dalam bidang-bidang yang tersebut tadi pasti kita akan menghadapi masalah penetration into the market, dengan izin. Oleh yang demikian, saya rasa negara kita amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama dahulu kerana beliau melawat di Amerika Selatan dan masanya sangatlah tepat. Oleh kerana kesannya lawatan itu telah membentuk satu persahabatan mahupun perhubungan perniagaan yang erat secepat mungkin sebelumnya terlewat bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut satu daripada trend regionalism yang akan terbentuk - NAFTA. Walaupun kumpulan ini telah mengatakan ataupun memberi jaminan bahawa kumpulan ini tidak akan melanggar prinsip GATT (General Agreement Tariff & Trade Principles), tetapi apabila terbentuknya unit ini nanti, besar kemungkinannya, dengan izin, ought preferential treatment dalam semua tahap perdagangan akan diberi kepada negara-negara ahli kepada NAFTA **ini**.

Kalaulah dibandingkan dengan kita yang di luar daripadanya. Jadi, preferential itu boleh dilakukan secara langsung ataupun tidak langsung mulai dari pilihan di mana menanam modal mereka ataupun melabur modal mereka. Dengan demikian, NAFTA boleh menyingkirkan kita ataupun negara kita dan negara-negara membangun yang lain di rantau Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, senario yang serupa mungkin juga akan kita lihat dalam regionalism-regionalism yang terbentuk di tempat lain itu. Oleh yang demikian, saya ingin membuat satu saranan bagi negara kita untuk menghadapi cabaran ini.

Yang pertamanya, ialah negera kita, Kerajaan kita haruslah membentuk persefahaman yang rapat antara Kerajaan ataupun sektor public dan sektor swasta. Ini adalah penting kerana langkah-langkah bijaksana dan berpandangan jauh yang diambil oleh Kerajaan dan pemimpin-pemimpin kita tidak akan membawa kesan positif sekiranya pihak swasta tidak mahu ataupun tidak berani membuat pengubahsuaian dalam pendekatan-pendekatan seperti marketing strategy bukan sahaja di rantau iri tetapi juga di Eropah. Oleh yang demikian, saya ingin sarankan supaya badan-badan yang bertanggungjawab seperti MIER atau ISIS dalam negara kita ini haruslah membuat kajian bagaimana caranya untuk merapatkan kerjasama di antara Kerajaan dan pihak-pihak swasta untuk menentukan bahawa kita bukan sahaja mengekalkan market kita ataupun pasaran kita di luar negeri tetapi akan boleh merebut pasaran-pasaran yang baru.

Sehubungan cabaran-cabaran di peringkat antarabangsa yang saya sebutkan tadi, saya ingin sentuh kepada perkembangan yang agak

terperinci demi mengingatkan Kerajaan kita tentang cabaran yang wujud. Peringatan ini bukan bererti saya menganggap Kerajaan tidak sedar. Saya tahu Kerajaan cukup sedar. Misalnya, ucapan Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Kewangan sendiri membayangkan dengan jelas keinsafan Kerajaan tetapi bukan Kerajaan sahaja yang perlu sedar seperti yang saya sebutkan tadi perlu insaf tetapi pihak-pihak swasta juga yang perlu insaf.

Kes yang saya ingin sentuh di sini ialah satu saranan di mana kita boleh cuba menggunakan kebolehan-kebolehan yang ada pada negara kita dalam bidang, area ataupun di Eastern Europe di mana dahulunya wujud negara Soviet Union yang telahpun dilaporkan sebagai telah hancur dan mengambilalih tempat itu, kita sedia maklum, terbentuklah satu Komanwel yang mengandungi 11 buah negara.

Kita sedia maklum bahawa sebab utama kehancuran itu berlaku ialah keruntuhan ekonomi rantau itu. Maka sangat logiklah kesebelas negara baru itu akan berusaha sedaya upaya mendapat modal-modal dari luar seperti Eropah Barat, Amerika dan lain-lain untuk memulihkan keadaan ekonomi mereka. Saya ingin menyarankan negara kita mengambil peluang ini untuk mencari cara bagaimana caranya negara kita untuk pergi ke rantau itu untuk melabur.

Saya ingin sarankan bahawa negara kita mengambil peluang ini untuk mencari cara melabur, iaitu mengenalpastikan industri-industri yang sesuai dibawa ke rantau itu. Seterusnya saya ingin sarankan, negara kita misalnya mengeksport bahan-bahan makanan. Yang saya ingin sarankan secara terperinci ialah makanan yang diminati, bukan sahaja di negara kita tetapi di Barat, iaitu keropok liko ke rantau itu. Misalnya kita boleh mengeksportkan perkara itu ke Georgiana. Saya ingin juga cadangkan pihak berkuasa tertentu, seperti ISIS dan MIER mungkin mengkaji sama ada boleh menubuhkan industri joint-venture memproses keropok liko di rantau itu. Selain daripada keperluan makanan yang sangat perlu di rantau itu, kita dimaklumkan pengeluaran makanan di situ juga sangat rendah kalau dibandingkan dengan permintaan. Jadi, kalaulah keropok liko dibawa ke situ, saya yakin kita akan mendapat pasaran yang begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut mencari cara untuk menubuhkan joint-venture di rantau Komanwel baru tadi. Joint-venture di situ mengikut JETRO (Japan External Trade Organisation) laporan akhir 1990 menyatakan di Soviet Union pada masa itu berjinnak-jinak dengan negara lain mendapat modal melalui joint-venture. Pada bulan Oktober, 1990 itu dinyatakan sebanyak 11,200 joint-ventures sudah ada. Itu adalah sebelum Komanwel yang sekarang terbentuk. Jadi, seperti yang saya katakan tadi., oleh kerana sekarang ini keadaan lebih teruk di situ dari segi ekonominya, maka saya mencadangkan bahawa pada hemat saya membentuk joint-venture dengan negara-negara di situ sekarang mungkin adalah lebih mudah.

Tuan Yang di.-Pertua, andailah negara kita pergi melabur ke Eropah Timur itu, andailah kita memproseskan berjuta-juta ketul keropok liko, yang saya sebutkan tadi, kalaulah kita pilih itu sebagai yang sesuai dan andai juga 400 juta penduduk di situ, hanya setengah daripada mereka, iaitu lebih kurang 200 juta membeli satu ketul keropok liko sebulan, dan andailah kita hanya menjualnya seketul itu \$2, jadi kita sedia maklum di situ pendapatan yang boleh kita dapati dengan adanya industri memproses keropok liko di rantau itu adalah lebih daripada \$400,000. Mungkin kita jual lebih daripada itu, kerana seketul keropok liko harganya lebih daripada \$1 di rantau kita ini. Andailah juga pemasaran keropok liko kita itu bersama-sama dengan cadangan kita untuk memasak keropok itu dengan minyak kelapa sawit, jadi kalaulah kita berjaya memasarkan keropok liko tadi, satu batang sebulan, ini bermakna beberapa liter minyak kelapa sawit boleh kita jual dan pasarkan juga.

Kita sedia maklum, bahawa keropok liko itu adalah diperbuat daripada ikan dan juga tepung. Maka di situ permintaan, juga ditegaskan kepada para penangkap ikan (fishermen) dan juga para peladang kita. Jadi, dari segi pengeluaran ikan, kalau ikan yang ditangkap di Semenanjung ini tidak mencukupi, saya ingin sarankan lihatlah ke sebelah Sarawak di mana saya dimaklumkan ada banyak lagi potensi-potensi tangkapan ikan di pantai-pantai negeri Sarawak. Jadi kalaulah ikan laut tidak mencukupi, saya juga ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia **ini**, bahawa negeri Sarawak sudahpun melancarkan satu program untuk memelihara ikan air tawar,

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud telah melancarkan projek ikan air tawar ini secara besar-besaran. Projek ini bukan sahaja memelihara ikan di kolam-kolam, tetapi juga membiakkan ikan-ikan itu di sungai-sungai yang dahulunya kehabisan ikan kerana dituba. Jadi kalau tidak cukup ikan ditangkap dari laut, seperti saya sebut tadi, dalam satu dua tahun yang akan datang, Sarawak boleh mengeluarkan ikan air tawar. Mungkin Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan ini tahu bahawa ikan air tawar itu adalah lebih khasiat dan lebih nyaman juga dari ikan laut, itu hemat saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan ikan kepada industri kita yang saya sebut tadi, walaupun ikan tidak mencukupi, kita boleh



juga mengeluarkan undang. Seperti Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum, khasiat undang Malaysia adalah cukup terkenal di dunia.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sentuhkan lagi, kalaulah dalam Eastern Europe itu market yang terbuka seperti di Barat pasti ekonomi mereka lebih meningkat lagi dan mereka akan mengamalkan masyarakat consumers seperti di Barat ataupun di negara kita **ini**. Seperti yang kita sedia maklum, kalaulah sesebuah negara itu menjadi lebih kaya ataupun lebih makmur, maka banyaklah tabiat-tabiati (habit) yang menumpukan mereka ke arah makanan.

Jadi, dengan itu misalnya mereka akan membeli televisyen dan apabila duduk di hadapan televisyen itu, mereka akan makan dan kita akan cuba mempengaruhi mereka bahawa keropok itu adalah lebih baik kalau makan sambil menonton televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya kerana bercakap begitu panjang mengenai keropok kerana ini adalah dalam pandangan saya satu kekuatan kita walaupun satu industri yang masih lagi kecil, tetapi saya sebenarnya menekan berat kepada daya yang agak tinggi dalam negara kita ini dari masak memasak ataupun food preparations of old types, dengan izin.

Dan kita juga di negara kita ini boleh menyediakan banyak jenis makanan yang boleh kita pasarkan. Oleh itu, teknologi-teknologi makanan yang ada pada kita itu saya ingin sarankan Tuan Yang di-Pertua, boleh kita gunakan di rantau-rantau di mana perkara itu ada pasaran. Dan dari segi pengeluaran bahan-bahan makanan pula, industri pertanian kita misalnya horticulture cukup maju. Mengikut maklumat yang disebarkan secara formal dari badan-badan seperti FAMA, pengeluaran dan pemerosesan hasil pertanian kita adalah cukup tinggi mutunya. Permintaan terhadap pengeluaran kita juga sedia ada baik di Timur dan juga di Barat. Dalam ertikata yang lain, pengeluaran makanan, penyediaannya adalah satu-satunya kelebihan kita, dan terletaknya kualiti ini dalam tangan pentadbiran yang cerdik dan bijaksana, kita tidak begitu kkuatir bahawa modal-modal asing itu akan ditarik dengan kuatnya ke Timur Eropah

dalam tahun-tahun yang akan datang atau dalam erti kata yang lain, kita boleh bersaing untuk menarik selain daripada memungut modal di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saranan. saya menggunakan kepakaran negara dalam pengeluaran makanan dan masakan ini tidak bererti saya tidak menyokong rancangan perindustrian negara kita mulai sekarang sehinggalah ke tahap yang diamati akan kita capai dalam Wawasan 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh polisi dan rancangan-rancangan yang akan membawa negara kita ke sasaran yang telah dipandang oleh Visi 2020, lebih-lebih lagi kerana saya ini adalah berasal dari sebuah negeri, iaitu Sarawak yang agak baru dalam bidang industri, walaupun perkembangannya di situ adalah agak pesat.

Anggaran Belanjawan Negeri 1992 yang dibentangkan dalam Oktober 1991 misalnya, membuktikan bahawa Sarawak menegaskan perkembangan perindustrian dan pembangunan selaras dengan penegasan dan jangkaan Anggaran Belanjawan 1992 Kerajaan Pusat yang dibahaskan oleh kita sekarang. Kesemuanya itu, saya sokong penuh dan juga saya menyarankan supaya pihak berkuasa di Pusat serta para industrialist, dengan izin, di Semenanjung ini memberi sokongan konkrit kepada usaha dan proses perindustrian kawasan yang agak terkebelakang dalam perkembangan perindustrian.

**Tuan Yang di-pertua:** Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap?

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam.

**Puan Hajah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Mesyuarat ini tidak ditangguhkan hari ini sehingga masa pukul 7.00 malam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992**

**Perbahasan disambung semula**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Ding Seling menyambungkan ucapannya, saya merayu supaya Ahli-ahli yang akan berucap itu silalah menghadkan percakapan itu kepada perkara yang dibincangkan, jangan bercakap terkeluar daripada itu supaya menjimatkan masa, memberikan peluang kepada Ahli-ahli yang lain untuk berucap.

Yang Berhormat Ding Seling, sila sambung. Bolehkah ringkaskan ucapannya Yang Berhormat?

**Tuan Ding Selling:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya boleh....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam 2 minit.

**Tuan Ding Selling:** Saya cuba, secara machinegun, okay. Tuan Yang di-Pertua, bercakap sebagai anak watan dari Sarawak, ada tiga aspek lagi yang saya ingin sarankan yang pihak Pusat boleh ambil tindakan yang begitu konkrit. Pertama, agak ramai muda-mudi dari tempat- tempat pendalaman misalnya di ulu-ulu daerah Baram dan Belaga di Sarawak yang saya sendiri tahu tidak dapat masuk sektor formal dalam ekonomi kerana mereka tidak mempunyai Kad Pengenalan. Jadi, mereka ini tidak dapat memohon apa-apa pekerjaan oleh kerana mereka tidak boleh dibayar gaji ataupun mendapat pengenalan secara rasmi dengan KWSP.

Jadi, perkara ini juga secara senyap-senyap, iaitu ketiadaan ada Kad Pengenalan itu yang telah digunakan oleh pihak-pihak tertentu termasuk pihak Pembangkang untuk menyemaikan perasaan yang tidak puas hati di kalangan masyarakat di situ. Saya sedar dan saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan khususnya Jabatan berkenaan, mereka telah berusaha dengan begitu gigih untuk menentukan bahawa mereka yang tidak ada Kad Pengenalan ini akan diberikan Kad Pengenalan. Bagaimanapun, pendekatan-pendekatan yang telah dilakukan setakat ini belum lagi begitu berkesan. Oleh yang demikian, saya ingin sarankan supaya mereka mengkaji semula supaya ramai mereka yang tidak mempunyai Kad Pengenalan itu bolehlah

menjadi tenaga manusia yang boleh digunakan dalam industri-industri yang akan dibuat di Sarawak itu.

Bahagian yang kedua yang saya ingin sarankan untuk menentukan bahawa di Sarawak boleh melancarkan perindustrian ialah mempercepatkan pembekalan prasarana ataupun infrastruktur yang termasuk jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, tanpa infrastruktur yang cukup baik, tidak ada orang yang hendak menanamkan modal. Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-pertua, saya ingin memohon agar Kerajaan Pusat sudi memikirkan pengubahsuaian dari segi pengagihan capical grant kerana bagi negeri-negeri yang agak kebelakangan seperti Sarawak yang juga kawasannya lebih kurang sama dengan Semenanjung ini, kita hanya mempunyai penduduk 1.8 juta sahaja. Jadi, dari segi capital grant itu dan juga dari segi wang yang kita gunakan untuk membangunkan infrastruktur tadi adalah agak kurang.

Aspek yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin cadangkan ialah supaya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehkah hadkan ucapan?

**Tuan Ding Selling:** Satu minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya para industrialists ini melihat ke Timur iaitu di Sarawak dan juga peladang-peladang melihat ke Timur supaya mereka melihat peluang-peluang yang ada di situ. Saya yakin pemuda-pemuda di situ boleh juga menjadi tenaga-tenaga manusia yang boleh menjadi mahir termasuklah orang Penan yang setakat ini hanya digunakan sebagai bahan-bahan kolot sahaja.

Sebenarnya bagi saya, saya sangat-sangat merasa sensitif apabila orang-orang Penan yang juga termasuk dalam kaum saya dianggap sebagai orang kolot. Tetapi sebenarnya mereka ini kalau diberi peluang yang cukup, mereka juga boleh menjadi orang-orang yang berguna. Sebenarnya terbukti di antara mereka dengan menggunakan minat mereka sendiri, mereka boleh mencapai hidup yang sama juga seperti orang-orang lain.

Memandangkan masa tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Abdullah.

6.32 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Bismillahir-rahmanir-rahim

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum berucap, saya hendak memberitahu oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap dan masa untuk bahasan Budget hari ini sahaja, saya terpaksa menghadkan ucapan tiap-tiap seorang lebih kurang 10 minit sahaja sesiapa yang mendapat persetujuan saya boleh berucap. Yang Berhormat, silakan.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 di Dewan yang mulia ini.

Saya bersetuju dengan jumlah wang sebanyak \$23,151,852,890 di-agih-agihkan kepada Maksud B.1 hingga ke B.56 untuk dibelanjakan oleh Jabatan-jabatan dan juga Kementerian-kementerian yang penting di negara kita **ini**, untuk kemajuan negara kita yang sedang membangun dan juga untuk kepentingan orang ramai dalam negara kita.

Sebelum saya bersetuju peruntukan ini diluluskan, saya ingin memberikan pandangan terhadap Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang akan membelanjakan wang perbekalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam memberikan kemajuan industri perumahan sama ada di peringkat swasta ataupun Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Kementerian itu hendaklah menekankan lebih banyak rumah kos rendah dibina untuk memenuhi kehendak rakyat yang berpendapatan rendah yang sehingga sekarang masih belum menikmati hidup mempunyai rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan rumah-rumah yang tarbengkalai akibat perbuatan pemaju perumahan yang cuai hendaklah diambil



tindakan. yang tegas dan senaraihitamkan mereka itu.

Yang kedua, Kementerian Belia dan Sukan. Semua masyarakat dunia tahu bahawa sukan adalah alat bagi membentuk kecergasan hidup manusia dan kecergasan membawa manusia hidup berdaya maju. Untuk lebih berjaya di dalam lapangan sukan, kita tidak perlu mengambil pemain-pemain ataupun ahli-ahli sukan dari luar negara asing. Kita boleh membentuk generasi muda kita untuk menjadi ahli sukan yang terkemuka, dengan cara hidup yang bersendirian. Contohnya, negara kita telah berjaya meletakkan Rashid Sidek sebagai pemain badminton yang berjaya di peringkat antarabangsa dan terkaya di dunia sekarang. Untuk membolehkan ramai pemain menjadi seperti 'Sideks', Kementerian hendaklah mengadakan pusat-pusat latihan sukan di tiap-tiap negeri kita iaitu Pusat Latihan Badminton, Bolasepak, Sepak Takraw, Hoki dan Lumba Basikal..

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian. Rakyat sudah digalakkan oleh Kementerian Pertanian memakan daging arnab, makan buah-buahan, sayur-sayuran pucuk, air kelapa muda, dan rakyat sudahpun ikut rancangan yang dibuat oleh Datuk Seri Sanusi Junid yang sentiasa otak bergeliga. Sekarang bekalan makanan itu sudah tidak cukup, sudah sepatutnyalah Kementerian merancang pula bagaimana rakyat dapat berusaha menyediakan benda-benda yang tersebut di atas supaya boleh didapati dengan mudah dan banyak di negara kita.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kepada Kementerian ini saya merayu supaya berilah kemudahan-kemudahan kepada kompeni-kompeni yang dimiliki oleh bumiputera untuk menjadi pembekal barang-barang dagangan yang masuk dari luar negara asing. Kelonggaran dan segala kemudahan yang diberi selama ini kepada pelabur luar negara haruslah dikaji semula supaya keuntungan yang banyak boleh dinikmati oleh negara kita dan memberikan manfaat kepada negara kita.

Kementerian Pertahanan. Sebagaimana yang selalu kita sebut dan kawan-kawan kita juga mengatakan bahawa alat atau senjata daripada Kementerian Pertahanan ini boleh jadi ada yang sudah buruk, patutlah dikaji semula supaya alat senjata dan penerbangan seperti helikopter yang lapuk dapat diganti dengan yang canggih dan kita tidak mahu lagi mendengar helikopter jatuh.

Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan terbesar sebanyak \$674,818,800. Kita berharap kepada Kementerian Pendidikan ini supaya mengkaji semula kurikulum sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita sesuai dengan kelulusan yang mereka dapati dan pekerjaan yang patut didapatinya di negara kita, sebab apabila kita mengeluarkan mahasiswa kita, mereka tidak dapat pekerjaan di dalam negara kita yang sedang membangun dengan pesat, oleh sebab itu kelulusannya menjadi tidak berguna.

Kementerian. Kesihatan. Setiap hari Kementerian Kesihatan mengeluarkan kenyataan-kenyataan berhubung dengan AIDS yang telah melanda negara kita begitu hebat dan ramai orang yang meninggal dunia. Dalam tiada itu juga beliau ingin menyekat cara supaya AIDS jangan merebak ke negara kita lagi dengan menggalakkan pula orang memakai kondom. Ini saya pun tidak mengerti, kemudian dengan menghalalkan pula dengan ada pelacur halal, ada pelacur haram dan ada pula pelacur yang diberi lesen. Kalau sudah dikatakan pelacur membawa AIDS, sepatutnya pelacur dibanteras habis-habisan tetapi ada pula pelacur yang halal, pelacur yang haram. Kemudian, untuk membolehkan kita mengunjungi pelacur, dibekalkan pula kondom.

[Ketawa] Walau apapun kondom yang dibekalkan, kalau pelacur tetap juga membawa AIDS, lagipun bukan seronok sangat memakai kondom itu, tetapi saya tidak pernah rasa. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya merasa sangat kesal terhadap Setiausaha Parlimen Kementerian ini yang dalam menjawab soalan saya mengatakan Kementeriannya tidak ada kena-mengena dengan 60,000 gadis yang tidak berjaya mendapat suami, sedangkan ianya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Jadi, seramai 60,000 anak gadis yang belum berkahwin ini adalah kewajipan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kalau Menteri yang berkenaan hadir tentu dia simpati kepada ucapan saya, tetapi

Kementerian ini menghantarkan Setiausaha Parlimennya yang tidak pernah tahu perasaan hati anak gadis yang tidak bersuami. Jadi, patutlah Kementerian ini berikhtiar bagaimana hendak menyelesaikan masalah seramai 60,000 anak gadis yang tidak bersuami, dan kalau boleh agih-agihkanlah kepada Ahli Dewan Negara ini **[Ketawa]** sebab Ahli-ahli Dewan Negara mempunyai kedudukan yang baik, cara romantik dan kedudukannya pun stabil contohilah Yang Berhormat Tuan Azman Atar **[Ketawa]**.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini menjaga berkenaan dengan kilang-kilang haram. Kelmarin di suatu masa apabila kilang terbakar dan pecah ributlah seluruh empayar kita, misalannya dikatakan gempar dan hendak ambil tindakan. Tetapi apabila sahaja tidak ada kilang terbakar lagi, senyap-sunyi, tindakan-tindakan tidak diambil.. Begitu juga pencuri pasir, pencuri balak yang membuang segala jenis kekotoran, kilang-kilang yang membuang segala sisa toksid, tidak ambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua belum kata cukup, ada Ahli Yang Berhormat kata cukup. Saya boleh bercakap lagi sedikitlah.

Kementerian Kehakiman. Saya cakap paling pantas tujuh, lapan Kementerian kerana menghormati masa. Kementerian Kehakiman ini tidak usahlah cakap banyak lagi lawan Majlis Peguam. Hari-hari kita tengok dalam suratkhbar dia berlawan. Buat apa Menteri Kehakiman lawan dengan peguam, hendak tunjuk terror. Hendak tunjuk terror kalau Majlis Peguam ini membuat kerja yang anasirnya terang-terang membusukkan negara kita dan merosakkan kepimpinan kita, memburukkan negara kita; ayoh! ada kuasa sumbat sahaja ke dalam neraka dunia, buat apa diam. Kalau tidak ada kuasa, tidak usah lawan. Cakap sahaja pun tidak guna. Jadi, ada kuasa sumbat. Tidak ada kuasa, tidak usah cakap, orang pun benci. Akhirnya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh satu minit?

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Satu minit yang akhir. Memang bagus. [Ketawa] Mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, memang banyak masalah lagi, tetapi Kementerian ini

saya merayu supaya memikirkan nasib orang-orang dan pegawai yang bekerja dalam KEMAS. Mereka ini bekerja bersungguh, Pembantu Pemaju Masyarakat, gajinya \$300 sahaja. Pemaju Masyarakat Khas, Pemaju untuk anak desa, perpustakaan, ekonomi rumahtangga, kelas latihan kerja, jahitan, semuanya bekerja bersungguh-sungguh mencelikkau rakyat jelata di kalangan pembangunan desa. Tetapi gajinya \$300 ke \$375. Kemudian Penyelia Penyelidikan DUN satu kawasan DUN dan Dewan Parlimen gajinya hanya \$1,000 dan tidak naik, kemudahan langsung tidak ada, tiada pinjaman perumahan, tidak ada pinjaman kereta, bila dia sudah berhenti tidak ada pun pencen dan lain-lain. Jadi, mudah-mudahan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat menaikkan gaji Kementerian **ini**. Jadi, sebagai menghormati Tuan Yang di-Pertua minta seminit, saya telah bercakap seminit satu secoan. Wabillahi at-taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Munisamy.

#### **6.44 ptg.**

**Tuan K. Munisamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbilang terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya bagi menyampaikan sedikit-sebanyak ucapan atas perbelanjaan 1992,

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang saya fikirkan mesti dibawa untuk perhatian Kerajaan, Belanjaan 1992 itu telah meluaskan cukai perkhidmatan untuk merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan oleh syarikat-syarikat arkitek, juruukur, akaun, guaman, kejaruteraan, hospital swasta serta firma-firma perunding lain. Jika ini diberikan pada masa-masa akan datang, saya kawatir bahawa ia akan membawa inflasi yang buruk. Pada masa dahulu terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Kerajaan telah berhasrat untuk memperkenalkan

sistem value added tax, dengan izin, pada satu hari nanti dituruti dan perkhidmatan-perkhidmatan utama mungkin akan melipatgandakan kadar inflasi. Saya tidak tahu sama ada usaha perkenalkan cukai terhadap perkhidmatan ini sedang meletakkan batu asas untuk memperkenalkan, dengan izin, value added tax, itu nanti. Saya berharap Kerajaan akan menerangkan dengan nyata tujuan sebenarnya dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai B.26 Kementerian Pendidikan di mana \$6.6 bilion telah diuntukkan. Bagi pendidikan teknik dan vokasional sahaja telah diperuntukkan sebanyak \$2.26 juta bagi tahun 192. Saya berharap peruntukan ini adalah digunakan bagi melengkapkan satu sekolah vokasional dengan peralatan canggih dan terkini selaras dengan perkembangan teknologi. Tetapi kebanyakan peralatan yang digunakan di sekolah vokasional telah usang dan mata pelajaran teknik menggunakan kaedah-kaedah lama. Saya harap, peralatan dalam bidang teknik moden akan dimasukkan dalam kurikulum sekolah-sekolah vokasional. Ini adalah kerana pelajar-pelajar dari sekolah ini akan dapat pekerjaan di sektor swasta sejurus tamat latihan vokasiohal atau dapat meneruskan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengenai Politeknik Ungku Omar yang telah lama didirikan dan menghasilkan graduan yang lulus bidang teknik dan bekerja dengan sektor swasta ataupun melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dan universiti. Saya ingin mencadangkan agar status Politeknik Ungku Omar dinaikkan ke taraf universiti dengan

menghasilkan graduan dalam bidang kejuruteraan. Saya percaya Politeknik Ungku Omar mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk dijadikan satu pusat pengajian tinggi, lagi pun di negeri Perak tidak ada sebuah universiti pun. Saya mencadangkan di sini agar Kementerian Pendidikan menaikkan taraf Politeknik Ungku Omar ke taraf universiti.

Tuan Yang di-pertua, sebanyak \$4.4 bilion daripada jumlah peruntukan kepada Kementerian Pendidikan adalah diberikan kepada peadidikan sekolah rendah dan menengah. Walaupun peruntukan yang terbanyak diberikan kepada sekolah rendah dan menengah, masih cer-dapat kekurangan dari segi kemudahan peralatan di sekolah tersebut. Ini lebih jelas lagi jika kita pergi ke kawasan luar bandar dan estet-estet di mana-mana sekolah sukar untuk dikatakan sekolah kerana tidak mempunyai bangunan yang sempurna dan kemudahan asas yang mencukupi untuk membantu dalam pembelajaran harian pelajar—pelajar. Keadaan yang sungguh menyedihkan di luar bandar dan terutamanya estet-estet perlu diatasi/ <sup>segera</sup> jikalau sekiranya Kerajaan benar-benar mahu mewujudkan satu masyarakat yang maju menjelang tahun 2020 kerana pelajar-pelajar masa kini ialah akan menjadi pemimpin negara di masa hadapan.



Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit tentang guru-guru sementara di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Ada lebih kurang 1,500 orang dalam golongan ini yang sedang mengajar dari 5 tahun hingga 8 tahun sebagai guru sementara. Apabila kursus perguruan ditawarkan, mereka yang mempunyai kredit di dalam Bahasa Malaysia telah berjaya memasuki kursus tetapi yang tidak mempunyai kredit telah meneruskan sebagai guru sementara. Ramai di antara mereka yang telahpun mendapat kredit dalam Bahasa Malaysia tetapi mereka ini tidak boleh meneruskan dalam kursus perguruan kerana melebihi umur 33 tahun.

Kita semua sedar bahawa sekolah-sekolah Tamil masih mengalami kekurangan guru. Dalam keadaan ini, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya membuka kursus perguruan KDC untuk golongan yang kurang bernasib baik ini sebagai pengiktirafan sumbangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai maksud Bekalan B.19 Kementerian Pertanian di mana \$52.2 juta telah diperuntukan. Saya berharap, Kementerian Pertanian akan menggalakkan lebih ramai petani menanam buah-buahan tempatan yang bermutu tinggi. Pengeluaran buah-buahan tempatan yang bermutu tinggi akan dapat meningkatkan eksport ke luar negeri dan juga meningkatkan pendapatan petani di dalam negeri. Rakyat Malaysia juga harus digalakkan untuk menanam sayur-sayuran dan buah-buahan untuk menampung keperluan diri mereka yang akan mengurangkan perbelanjaan, dan lebih bekalan tempatan

boleh dieksport ke luar negeri. Kebanyakan kawasan bekas perlombongan boleh dimajukan untuk dijadikan kawasan tanaman sayur-sayuran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perikanan di mana \$40.3 juta telah diperuntukan. Usaha yang lebih giat perlu dijalankan. Kawasan tanaman, kolam-kolam bekas perlombongannya terutama di negeri Perak sekarang boleh dijadikan kolam rernakan ikan air tawar. Dalam hal **ini**, saya mencadangkan agar belia-belia India diberi keutamaan untuk mengikuti program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian, Peratusan kaum India yang terlibat dalam penanaman sayur-sayuran dan ternakan ikan adalah kecil. Saya berharap dengan usaha Kerajaan, kita dapat menerapkan untuk ramai kaum India terlibat dalam kegiatan ini supaya tercapai matlamat Kerajaan untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang terlibat dalam semua jenis pekerjaan tanpa mengira kaum dan keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.54 mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana sebanyak \$439.9 juta telah diperuntukan bagi berbagai kegiatan di bawah Kementerian tersebut. Kemudahan asas di kawasan luar bandar duti estet-estet adalah masih berkurangan.

Keadaan kemiskinan juga adalah tinggi di kawasan luar bandar dan estet-estet. Rakyat miskin di Luar bandar ini adalah menjadi penyokong Kerajaan di bawah Barisan Nasional. Jadi, kita seharusnya tidak tidak lupa kepada golongan tersebut. Negara juga telah bergerak ke arah mencapai status negara maju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah menghabiskan ucapan dalam masa 2 minit?

**Tuan K. Munisamy:** Sudah ringkaskan.

Saya berharap kawasaa luar bandar dan estet-estet sekurang-kurangnya diberi bekalan air dan elektrik terlebih dahulu sebelum infrastructure lain disediakan. Saya sekali lagi menyokong Perbekalan 1992.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Haji Shuib. Sebelum Haji Shuib berucap, nampaknya masih ada ramai juga Ahli-ahli yang ingin berucap. Oleh sebab itu, Ahli-ahli yang hendak berucap tetapi belum diberikan peluang, saya akan berikan peluang kepada mereka pada hari esok dan memperuntukan lebih kurang satu jam sebelum Menteri-menteri memberikan jawapan dan silalah berikan nama-nama kepada Setiausaha supaya saya dapat mengaturkan berapa minit seorang Ahli berucap. Sila.

**6.55 ptg.**

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kerana saya telah diberi peluang untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini bagi kali yang pertama dan atas kesempatan ini, sukalah saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Haji Osman Aroff, Menteri Besar negeri Kedah Darul Aman dan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di atas perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang turut sama berbahas mengenai Akta Perbekalan 1992 daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan. Pembentangan Belanjawan 1992 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sesungguhnya mencerminkan satu aspirasi rakyat dan matlamat Kerajaan Barisan Nasional yang mengutamakan kepentingan rakyat dan keunggulan negara. Ianya merupakan satu Belanjawan rakyat, belanjawan pembangunan bagi memenuhi hasrat dan lapisan masyarakat ke arah kesejahteraan dan keharmonian. Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Belanjawan ini merupakan langkah ke arah mencapai cita-cita yang terkandung di dalam objektif Wawasan 2020. Peningkatan perbelanjaan pembangunan bagi kemudahan infrastruktur dan peningkatan ke arah membaiki taraf hidup rakyat di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-pertua, peruntukan Belanjawan 1992 dan agihan kepada Kementerian-kementerian serta badan-badan berkanun dan jabatan-jabatan diharap akan dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah yang sering timbul dan dibangkitkan di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah diberi peruntukan sebanyak \$6.7 bilion melebihi daripada peruntukan 1991, iaitu pertambahan sebanyak \$1.1 bilion. Peruntukan yang agak besar ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan ke arah pendemokrasian pendidikan. Peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan pendidikan kepada rakyat di luar bandar hendaklah diberi keutamaan selaras dengan reformasi pendidikan dan sekarang ini masih terdapat sekolah-sekolah yang menjalankan dua sesi iaitu pagi dan petang. Terdapat juga bilangan murid-murid yang begitu ramai dalam sesebuah kelas dan bilik darjah. Bilangan murid-murid sehingga 50 orang

bagi sesebuah kelas boleh menimbulkan berbagai kesan negatif terhadap kemajuan pelajaran dan pembelajaran. Saya mencadangkan supaya Pekeliling 3(67) mengenai Penempatan Murid dan Guru disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pendidikan, masyarakat kini memberi tumpuan dan keinginan yang begitu tinggi mengharapakan kejayaan kepada anak-anak mereka. Keputusan peperiksaan UPSR dan SRP dan sebagainya menjadi suatu yang amat menarik di kalangan ibu bapa. Pendidik jarang diberi penghormatan atas kejayaan anak-anak sebaliknya pendidik akan ditohmah dengan berbagai-bagai andaian yang negatif sekiranya pencapaian anak-anak tidak memuaskan. Guru adalah sebahagian daripada pegawai awam dan sama seperti rakyat biasa yang lain yang memerlukan segala kemudahan.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Skim Gaji Baru, apa yang dinamakan Gaji Dua Skim. Pelaksanaan Gaji Dua Skim ini disambut baik oleh kalangan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Gaji Dua Skim ini telah menimbulkan satu implikasi yang tidak menyenangkan juga di kalangan guru-guru besar khasnya iaitu guru-guru besar di sekolah-sekolah rendah. Mereka ini guru-guru besar yang sedang menjawat jawatan tertinggi pada waktu itu dalam Tingkatan Tertinggi C2, Tingkatan Khas C2 dan Tingkatan Biasa A (C2) di sekolah rendah telah diserapkan ke Tingkatan Biasa D8 dan D10 dalam Skim Baru ini. Dengan yang demikian, sekaligus mereka sudah tidak berkelayakan lagi untuk

dijadikan sebagai guru besar di sekolah rendah sedangkan ada di kalangan mereka ini telahpun berkhidmat sebagai guru besar selama hampir 20 tahun dan dengan penuh keyakinan dan selama ini mungkin daripada kalangan kita, Yang Berhormat sekalian dan tuan-tuan dan puan-puan yang ada dalam Dewan ini adalah melalui proses pengajaran dan pembelajaran daripada guru-guru besar yang sekarang ini dianggap tidak berkelayakan.

**Tuan Yang di-pertua:** Yang Berhormat, sila sambung ucapan esok.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 3.00 petang esok, hari Jumaat, 27 Disember 1991.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.**